

**Bil. 8**

**Rabu  
21 Jun 1995**




**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

Jilid I  
Bil. 8



Hari Rabu  
21hb Jun, 1995

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KESEMBILAN**

*Ninth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**MESYUARAT PERTAMA**

*First Meeting*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Muka surat 1]

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG DI-PERTUA** [Muka surat 15]

**USUL-USUL:**

**Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong**  
— Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong) [Muka surat 15]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan**  
Mesyuarat [Muka surat 57]



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
1997

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P., (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,  
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K., (Kulim Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).

Yang Berhormat TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).

- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Teluk Kemang).



Yang Berhormat TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).

- „ DR G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN P. PATTO (Bagan).

- „ TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).
- „ MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).

**Yang Berhormat WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupa).**

- „ **TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).**
- „ **TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).**
- „ **TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).**
- „ **DATO' YAP PIAN HON (Serdang).**
- „ **DR YAP YIT THONG (Lumut).**
- „ **DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).**
- „ **TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).**
- „ **TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).**
- „ **TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).**
- „ **DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).**
- „ **TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).**
- „ **TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).**
- „ **DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).**

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.  
Haji Suhor bin Husin.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Hajah Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 21hb Jun, 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

CETAK ROMPAK — JUMLAH  
NILAI KERUGIAN

1. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) jumlah tangkapan pencetak rompak kaset-kaset lagu;
- (b) siapa yang sebenar di belakang sindiket cetak rompak di negara ini; dan
- (c) jumlah nilai wang kerugian kepada royalti artis-artis tanah air.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua, sejak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ditubuhkan pada 27hb Oktober, 1990 hingga 31hb Mei, 1995, seramai 588 orang telah diambil tindakan undang-undang ke atas berbagai kesalahan yang berhubung kait dengan pembuatan, pengedaran dan penjualan salinan langgaran kaset-kaset lagu.

Daripada penyiasatan yang dijalankan dan dari maklumat yang dikemukakan oleh tuan punya hak cipta, memang terdapat pihak-pihak tertentu yang membuat dan mengedarkan kaset-kaset lagu yang merupakan salinan langgaran di negara ini. Kementerian akan terus mengambil tindakan tegas ke atas pihak-pihak yang terbabit seperti membuat serbuan di premis-premis terlibat, menyita perekaan dan salinan langgaran serta mendakwa mereka yang terlibat di mahkamah. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa di bawah Akta Hak Cipta 1987, Kementerian hanya boleh bertindak sekiranya menerima aduan daripada tuan punya hak cipta. Dalam hubungan ini, Kementerian telah mengambil tindakan ke atas semua aduan yang diterima setakat ini.

Berhubung dengan royalti, Kementerian tidak mempunyai perangkaan mengenai jumlah nilai kerugian royalti kepada artis-artis tanah air oleh kerana perkara ini diselaras dan dikendalikan oleh pihak industri sendiri.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen berkenaan memberitahu setakat manakah hukuman-hukuman yang telah dikenakan kepada pesalah-pesalah sama ada ianya merupakan wang ataupun dijelkan.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kepada orang yang membuat salinan langgaran kaset-kaset dan sebagainya dia boleh dihukum dengan denda RM10,000 setiap salinan atau dipenjarakan 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita begitu simpati dengan pemilik-pemilik hak cipta. Tindakan cuma diambil seperti yang diberitahu tadi, iaitu jikalau ada aduan oleh pemilik hak cipta. Tetapi pemilik hak cipta tinggal setempat dan merupakan orang individu. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan semakan atau pemeriksaan berkala atau masa tertentu di semua tempat termasuk pasar-pasar malam dan juga kawasan-kawasan tertentu?

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat ini adalah baik dan Kementerian ini akan memberi perhatian.

#### **RUMAH HARGA SEDERHANA — KENAIKAN HARGA**

2. **Tuan Ong Tin Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa dari tahun 1993 harga rumah harga sederhana telah naik melambung-lambung, kadang kala di tempat tertentu kenaikan harga sampai ke 60% — 80%, akibatnya rumah harga sederhana menjadi rumah harga tinggi:

- (a) apakah tindakan telah diambil atau akan diambil terhadap pemaju perumahan dan pihak-pihak berkenaan; dan
- (b) apakah rancangan dan tindakan telah atau akan diambil untuk mengawal keadaan ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar mengenai kenaikan harga rumah di lokasi tertentu yang melibatkan rumah berharga tinggi. Kenaikan harga ini adalah di tempat tertentu terutama sekali

di Lembah Kelang. Di antara faktor utama menyebabkan peningkatan harga rumah ialah kekurangan tanah di kawasan-kawasan strategik di Lembah Kelang bersamaan permintaan perumahan yang tinggi. Memandangkan ekonomi negara begitu kukuh maka ada pembeli yang sanggup membayar harga yang tinggi. Maka "market forces" dalam pasaran ekonomi bebas telah menyebabkan harga rumah-rumah ini naik dan melambung tinggi.

- (b) Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengawal harga ialah dengan menambah bekalan rumah untuk memenuhi permintaan perumahan dengan cara membenarkan "high rise", dengan izin, agar menggunakan tanah terhad secara maksimum. Penambahan kemajuan perumahan di sekeliling Lembah Kelang bersamaan peningkatan kemudahan pengangkutan akan juga membantu melegakan permintaan rumah yang mendadak di Lembah Kelang. Rancangan memindah pusat pentadbiran awam ke luar dari Lembah Kelang juga akan membantu menstabilkan harga rumah di Lembah Kelang.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rakyat yang berpendapatan rendah ataupun kurang daripada RM1,000 hanya berkecukupan untuk membeli rumah kos rendah. Jadi, saya ingin meminta Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan apakah jenis rumah untuk rakyat yang bekerja sebagai kakitangan Kerajaan yang biasa, kakitangan swasta yang berpendapatan mungkin lebih daripada RM1,000 dan kurang daripada RM2,000 yang berkhidmat di kawasan Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang layak dibeli dan jenis rumah itu?

Soalan yang kedua, sama ada Kerajaan sedar memandangkan syarat-syarat yang tertentu untuk membeli rumah kos rendah yang mengakibatkan mereka yang tidak layak terpaksa memberi maklumat yang tidak tepat untuk mendapatkan rumah kos rendah?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang kedua itu dahulu. Kerajaan memang sedar bahawa ada di antara mereka yang berpendapatan tinggi melebihi RM750 ataupun RM1,000 yang telah membeli rumah-rumah kos rendah.

Maka dengan sebab itu, berbalik kepada soalan Yang Berhormat yang pertama tadi, Kerajaan sekarang ini menggalakkan supaya dibina rumah-rumah yang berharga di antara RM25,000 sehingga RM100,000 dan kelayakan juga dinaikkan daripada pendapatan RM750 kepada RM2,000. Dengan cara ini, kita mengharapkan supaya mereka yang mempunyai pendapatan lebih daripada RM1,000 akan membeli rumah-rumah yang berharga lebih daripada RM25,000.

Kemungkinan kita akan galakkan misalnya dibina rumah-rumah RM35,000, RM45,000, RM55,000 dan RM65,000 ke atas dan kemungkinan juga kita akan adakan peningkatan. Misalnya kita adakan satu daftar seluruh negara. Mula-mula seseorang itu layak untuk membeli rumah RM25,000, kemudian rumah-rumah ini seandainya hendak dijual, mesti dijual kepada agensi yang dikenal pasti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Kerajaan Negeri. Dengan menjual rumah ini kepada mereka yang telah pun dikenal pasti tadi, maka beliau layak untuk membeli rumah yang harganya lebih tinggi sedikit daripada RM25,000. Dengan cara ini, kita akan dapat mengelakkan mereka yang membeli rumah dengan harga murah dan menjualnya dengan harga yang tinggi. Di Lembah Kelang rumah murah yang dibeli dengan harga RM25,000, nilai pasaran semasa hampir-hampir RM50,000.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri sanggup bekerja dengan kuat untuk menyelesaikan masalah raksasa ini. *(Tepuk)*

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Jawatankuasa Bersama Menteri telah pun ditubuhkan untuk menyasat secara menyeluruh masalah harga perumahan di negara ini. Kalau sedar, bilakah laporan daripada jawatankuasa akan dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini? Dan sanggupkah Yang Berhormat membuat siasatan yang rapi, mendalam dan teliti untuk mengetahui aktiviti-aktiviti di mana ahli-ahli parti terutamanya parti Barisan Nasional diperuntukkan kuota. Apabila siapnya ataupun belum siapnya projek perumahan, kuota dibahagikan kepada ahli-ahli politik mengikut parti dan kuota ini diserahkan kepada mereka untuk berbuat apa sahaja mereka hendak buat. Adakah Yang Berhormat sanggup membuat siasatan....?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sudah tiga soalan tadi itu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baru satu sahaja, soalan ini ada berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa ada tiga soalan itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana tiga? Satu pun belum habis lagi! Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya akan habiskan. Selepas membuat siasatan, jangan kita buat pura-pura sahaja, tetapi benar-benar buat siasatan di mana ada berlaku kejadian seperti itu yang menipu rakyat. Dan selepas membuat siasatan, bolehkah kita kemukakan satu laporan untuk renungan semua ahli yang berminat untuk mengetahui apakah sebenarnya berlaku di negara ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar ada segelintir mereka yang telah memberikan angka pendapatan yang rendah sedangkan pendapatan mereka tinggi, tetapi ini tidak berlaku kepada pegawai Kerajaan kerana pegawai Kerajaan tidak mungkin akan dapat memberikan angka ataupun pendapatan yang rendah seandainya pendapatan mereka tinggi. Tetapi kita sedar perkara ini berlaku dan itulah sebabnya saya sebutkan tadi bahawa kita akan mengadakan satu daftar dan tidak mungkin daftar ini dapat mereka yang berkaitan memberikan angka yang tidak tepat berkenaan dengan pendapatan. Tetapi bagi mereka yang bekerja swasta ataupun bekerja sendiri, bukan sahaja jawatankuasa ini dapat mereka selewengkan, tetapi daripada segi cukai pendapatan pun mereka boleh beri angka yang rendah. Jadi, kita tidak mungkin akan dapat memberikan satu daftar yang 100% tepat, bagaimanapun kita akan cuba.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita adakan rumah murah di satu-satu kawasan, saya rasa kalau kita sebagai anggota-anggota Barisan Nasional tidak memberi keutamaan kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional, saya anggap diri saya bodoh. *(Ketawa)* Tetapi yang kita mahu pastikan ialah kalau misalnya rumah ini hendak diberikan kepada mereka yang berpendapatan RMI,000 ke bawah, maka kita akan pastikan mereka yang berpendapatan RMI,000 ke bawah dapat, tetapi sudah tentulah mereka yang menyokong kita, kita beri dahulu.

### **PEMBELAJARAN KOMPUTER DI SEKOLAH — PELAKSANAAN MENYELURUH**

**3. Puan Rohani binti Abdul Karim** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai kemasukan bidang pembelajaran komputer sebagai salah satu daripada mata pelajaran akademik di sekolah di

negara ini memandangkan bahawa pengetahuan mengenai komputer adalah satu asas yang penting dalam era zaman kini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya sedang merancang untuk memasukkan bidang pembelajaran komputer sebagai salah satu daripada mata pelajaran akademik di sekolah. Sekarang Kementerian telah menjalankan projek percubaan yang melibatkan 60 buah sekolah menengah di mana hasil penilaian ke atas projek ini menunjukkan sebahagian besar telah mencapai matlamatnya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan, termasuklah Menteri dan Timbalan Menteri kerana melangkah ke hadapan untuk mendidik rakyat Malaysia di dalam bidang tersebut yang memang baik. Soalannya ialah adakah Kerajaan mempunyai tenaga pengajar yang cukup untuk kita lancarkan pembelajaran komputer ke sekolah-sekolah. Dan apakah persediaan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengadakan guru-guru dan berapa ramaikah guru-guru komputer ini yang telah siap sedia yang ada pada masa kini. Dan adakah maktab-maktab perguruan ini diasuhkan guru-guru pelatih ini di dalam bidang komputer?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kajian ini dibuat jelas menunjukkan bahawa memang salah satu daripada perkara yang kena kita cari jalan keluar ialah untuk hendak mengatasi kekurangan bukan sahaja tenaga khusus ini, tetapi pelbagai tenaga untuk menyalurkan atau menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada murid-murid.



Kementerian memang mempunyai rancangan yang telah pun disusun untuk cuba memastikan apa jua tenaga yang diperlukan untuk mengendali dan menyelenggarakan satu-satu kegiatan dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin, dengan bukan sahaja membimbing murid-murid tetapi juga guru-guru itu sendiri di dalam bidang-bidang yang digariskan.

**Tuan Joseph Muah anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, setakat ini berapa buah sekolah menengah dan sekolah rendah terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar di seluruh negara telah dibekalkan dengan alat-alat komputer?

Kedua, berapakah peruntukan telah diagihkan bagi membekalkan alat-alat komputer untuk sekolah-sekolah di negeri Sarawak?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun ini kita ada menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk tujuan yang demikian dan peruntukan itu diagihkan mengikut permintaan-permintaan yang dibuat oleh Pengarah Pendidikan di tiap-tiap negeri. Seperti yang saya sebutkan dalam jawapan asal saya tadi, ini merupakan satu projek printis dan kita telah laksanakan di 60 buah sekolah, namun demikian ada juga saya dimaklumkan di atas daya-usaha sekolah masing-masing melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru telah mendapatkan bekalan-bekalan komputer untuk kemudahan sekolah masing-masing.

#### **PELABUHAN MALAYSIA — LANGKAH MENGGALAKKAN PENGGUNAAN**

**4. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah pengguna yang mengguna khidmat pelabuhan utama negara kita sepanjang 5 tahun lalu dan jumlah pengguna dan amaun terlibat

yang terpaksa lari untuk menggunakan pelabuhan Singapura dan apakah faktor yang menyebabkan pengeksporn lari ke sana dan usaha yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengguna yang menggunakan perkhidmatan pelabuhan adalah begitu banyak sekali dan tambahan pula mereka biasanya tidak berurus terus dengan pengendali pelabuhan tetapi melalui agen penghantaran. Dengan demikian adalah sukar menghitung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ekonomi pasaran bebas seperti yang diamalkan di negara kita, pedagang-pedagang Malaysia ataupun pedagang-pedagang kita adalah bebas mengeksport barangan-barangan mereka melalui pelabuhan yang mereka pilih sendiri. Sebenarnya penggunaan kemudahan pelabuhan Singapura sejak dahulu lagi adalah disebabkan oleh faktor sejarah. Perlu diingatkan bahawa pada satu masa Singapura adalah sebahagian Malaya dan walaupun dengan perpisahan dalam tahun 1963, jalinan antara pedagang, pengeluar di Malaysia dan pedagang di Singapura masih dikekalkan. Di samping itu beberapa Singapore based companies, dengan izin, telah pun melabur dalam sektor pengeluaran di Malaysia dan ini telah mempengaruhi aliran eksport Malaysia melalui pelabuhan Singapura. Tambahan pula pelabuhan Singapura telah lama terkenal sebagai pelabuhan serantau dan pusat tumpuan industri perkapalan bagi kawasan Asia Tenggara dan dengan demikian mempunyai 'head start over', dengan izin, pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soal pengguna terpaksa lari untuk menggunakan pelabuhan Singapura memang tidak ada bukti yang kukuh, malah kita dapat melihat iaitu pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia seperti Pelabuhan Kelang telah

dapat menarik beberapa syarikat besar yang berpangkalan di Singapura untuk berpindah dan menggunakan pelabuhan Kelang, terutama sekali kemudahan-kemudahan di Port Kelang Distribution Park di Pelabuhan Utara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan sentiasa mempertingkatkan daya persaingan pelabuhan-pelabuhan kita, Kerajaan kita telah mengambil beberapa tindakan untuk pengguna pelabuhan Malaysia yang mana di antaranya:

- (i) Jabatan Imigresen telah memberi kerjasama untuk mengamalkan prosedur "Advance Immigration Clearance", dengan izin, kepada kapal kontena. Dengan itu kapal boleh dimuat atau dipunggah sebaik sahaja kapal itu merapat di dermaga.
- (ii) Memberi kemudahan pelepasan awal kepada kontena. Sekarang 95% kargo dalam kontena diberikan pelepasan awal oleh Jabatan Kastam tanpa pemeriksaan fizikal. Kontena seperti ini boleh dihantar terus ke premis kilang sebaik sahaja ia didaratkan di pelabuhan tanpa pemeriksaan lanjut oleh Jabatan Kastam.
- (iii) Menambahkan peralatan pengendalian kontena. Kebanyakan peralatan ini adalah peralatan khusus dan tidak boleh diperolehi 'off-the-shelf', dengan izin, tetapi memerlukan 'lead-time' di antara setahun hingga setahun setengah untuk pesanan, dipasangkan dan beroperasi. Untuk pelabuhan Pulau Pinang, dua kren gantri baru mula beroperasi mulai Julai 1995 dan satu lagi dalam bulan Ogos, 1995. Sementara di pelabuhan Johor, dua kren gantri akan beroperasi pada suku tahun pertama 1996.

- (iv) Menambah kemudahan dermaga. Kerajaan sedang mengamalkan konsep 'supply driven environment', dengan izin, di mana dermaga akan menunggu kapal dan bukan sebaliknya. Ini dapat dilihat dalam pembangunan kemudahan di Pelabuhan Barat (West Port), Pelabuhan Kelang dan juga pelabuhan kedua di Johor serta rancangan pembesaran pengkalan kontena di Pelabuhan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya semua pelabuhan di negara kita telah memperkenalkan satu sistem pengawasan yang dinamakan 'Operasi Cekap' di pelabuhan untuk mengenal pasti kelewatan dan kesendatan dalam pelepasan dan penghantaran kontena import. Melalui sistem pengawasan ini, Kerajaan harap dapat mengambil "corrective measures" atau langkah-langkah supaya dapat mempertingkatkan lagi prestasi pelabuhan-pelabuhan kita.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat memberitahu tentang bilakah projek pelabuhan yang baru di Tanjong Pelepas kawasan saya melalui skim penswastan akan dimulakan supaya dapat mempertingkatkan khidmat pelabuhan utama di negara kita.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa mengkaji sama ada kewujudan pelabuhan-pelabuhan di negara kita dapat dipercepatkan lagi dan saya percaya pelabuhan yang disebutkan di kawasan Yang Berhormat akan menerima perhatian yang cepat.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kemungkinan bahawa pengaliran pengangkutan daripada pelabuhan Kelang ke pelabuhan Singapura ini disebabkan oleh pelabuhan Singapura lebih efisien daripada Pelabuhan Kelang dari segi pengendalian kargo.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan iaitu pelabuhan Singapura adalah salah satu pelabuhan yang begitu baik dari segi prestasinya dalam dunia ini. Seperti saya telah terangkan tadi dalam jawapan asal iaitu pelabuhan Singapura telah mendapat masa yang begitu lama ataupun mempunyai "head start over" pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia.

Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pelabuhan utama di negara kita walaupun baru jika dibandingkan dengan Singapura, telah mencapai prestasi yang begitu baik, iaitu kalau kita melihat rekod yang dikemukakan oleh "Containerisation International Year Book", pada tahun 1992 prestasi port Kelang telah mendapat tempat yang keempat dalam dunia ini dari segi produktiviti TELLs dan pada satu ketika pelabuhan Rotterdam adalah pelabuhan yang begitu produktif sekali tetapi pada hari ini kita dapat melihat port Kelang telah mencapai prestasi lebih pada Rotterdam dan sekarang ianya telah berada di bawah Malaysia pula. *(Tepuk)* Dengan demikian, saya percaya dari segi masa dan usaha oleh Kementerian Pengangkutan, pelabuhan-pelabuhan utama kita di Malaysia pada satu hari akan sama taraf dengan pelabuhan Singapura. Sekian. *(Tepuk)*

#### **PERUNDINGAN EKONOMI ASIA TIMUR (EAEC) — KEMAJUAN PENUBUHAN**

**5. Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) kemajuan penubuhan dan pelaksanaan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC); dan
- (b) kemajuan yang diperolehi kesan dari lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun termasuk mengenai penubuhan EAEC.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawapan kepada soalan ini kita telah berikan dalam Dewan ini pada 14hb Jun, 1995 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Datuk Abu Seman bin Haji Yusop.
- (b) Lawatan peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Jepun pada 15hb – 21hb Mei, 1995 telah menyumbangkan ke arah meningkat dan mengeratkan hubungan dua hala di antara negara kita dengan negara Jepun.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pertemuan singkat itu dengan rakan sejawatan beliau telah juga berpeluang untuk menjelaskan pendirian Malaysia mengenai syarat-syarat keanggotaan Australia dalam EAEC. Dalam hubungan ini, beliau telah memaklumkan bahawa Malaysia tiada halangan untuk Australia menjadi ahli EAEC itu sekiranya negara tersebut dapat menukarkan pandangan Baratnya dan menerapkan budaya masyarakat Timur.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berkesempatan untuk menerangkan dengan lebih jelas lagi bahawa konsep EAEC ini bukannya bertentangan dengan APEC, sebaliknya ia adalah satu forum untuk menggalakkan kerjasama dan persefahaman ekonomi di antara negara-negara ahli APEC di rantau Asia Timur. Malahan EAEC dan APEC boleh wujud dan saling membantu ke arah usaha meningkatkan pembangunan di rantau Asia Timur.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan. Konsep EAEC yang dibangkitkan sudah dibincangkan sejak beberapa tahun. Bilakah EAEC akan ditubuhkan, dan apakah halangan sekarang? Adakah halangan ini kerana pihak Jepun dan Korea tidak

berminat untuk menyertai? Kalau Jepun tidak berminat untuk menyertai pertubuhan ini, adakah pihak Malaysia akan terus mewujudkan ataupun membantu untuk mewujudkan EAEC ini? Dan apakah tindakan yang telah diambil....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah tiga soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan tiga, baru satu setengah sahaja. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, biasanya saya benarkan dua soalan sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baru satu setengah sahaja, Tuan Yang di-Pertua sudah kata tiga. Ada setengah lagi.

**Seorang Ahli:** Tiga suku!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tiga suku macam mana pula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Serkap jarang. Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Malaysia untuk membolehkan EAEC ditubuh?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa soalan tadi beliau telah "menyamunkan" masuk, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya tiada masalah dalam penubuhan ini. Cuma kita memerlukan masa untuk memberi keterangan bahawa Jepun juga masih merasakan kebimbangan mereka kerana EAEC ini adalah mungkin bertentangan dengan APEC.

Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengambil usaha dan terus memberikan wawancara kepada wartawan-wartawan Jepun mengenai perkara ini. Dengan itu kita harap perkembangan-perkembangan yang lebih memberi perangsang lagi untuk kita menubuh EAEC ini akan terus wujud.

Kita tidak juga ingin menubuhkan EAEC ini tanpa kehadiran negara Jepun dan Korea, kerana dari segi praktiknya negara ini termasuk di kawasan Asia Timur ini dan negara-negara tersebut, terutamanya negara Jepun yang pada masa kini juga menjadi sebuah negara yang berkuasa ekonomi kedua terbesar di dunia. Dan ketidakhadiran mereka ini akan juga menjejaskan keberkesanan dan ketrampilan pertubuhan ini.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, selama ini usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk mendapatkan sokongan Jepun terhadap gagasan EAEC ini adalah menerusi pemujukan, walaupun sebenarnya public opinion di Jepun sendiri menyokong gagasan ini. Apakah Kerajaan, memandang kepada lambatnya Jepun membuat pendirian, bersedia mengenakan tekanan supaya Kerajaan Jepun mengubah pendirian mereka?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita dengan cara yang saya katakan tadi bahawa kita ingin menyerapkan pandangan ketimuran dan budaya masyarakat Timur kita, kita perlukan bermesyuarah dalam masyarakat kita.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Henryus Amin.

*(Soalan No. 6 — Y.B. Tuan Henryus Amin tidak hadir)*

#### SATELIT KOMUNIKASI — PELANCARAN

**7. Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimana Malaysia akan cuba melancarkan satelit sendiri untuk membangunkan penyelidikan sains komunikasi dan juga mengurangkan kos komunikasi satelit.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan menjadikan projek mikro satelit Malaysia sebagai projek mengkaji segala kemungkinan untuk melancarkan satelit yang lebih besar yang akan berfungsi antaranya sebagai platform untuk penyelidikan dan aplikasi telekomunikasi, termasuk usaha meminimumkan atau mengurangkan kos dan meningkatkan kemampuan komunikasi satelit.

Mikro satelit Malaysia ini direka dan dipasang oleh saintis-saintis dan jurutera-jurutera Malaysia, akan dilancarkan pada bulan Julai 1997 dan akan berfungsi sebagai asas bagi usaha negara Malaysia termasuk pihak Kerajaan dan swasta bagi membina dan melancarkan satelit komunikasi dan satelit-satelit lain pada suatu masa kelak.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, dari segi pemasangan satelit yang telah disebutkan tadi telahan saya akan ada jurutera-jurutera Malaysia yang akan terlibat. Saya ingin tahu adakah termasuk dalam pakej tertentu, di mana pemindahan teknologi akan diberikan oleh negara pengeluar terhadap jurutera-jurutera Malaysia dan bilakah tarikh sebenarnya satelit Malaysia ini akan dilancarkan?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk melaksanakan projek ini, satu konsortium yang dinamakan MACSTAR atau Malaysia Space dan Telecommunication Research Consortium telah ditubuhkan untuk mengusahakan pembinaan satelit Malaysia. Konsortium ini juga dianggotai oleh:

- (i) satu bahagian kajian sains angkasa;
- (ii) MIMOS;

- (iii) Binariang Sdn. Bhd.;
- (iv) Telekom Malaysia Bhd.;
- (v) Universiti-universiti tempatan.

Usaha permulaan yang sedang diusahakan oleh konsortium ini adalah:

- (i) mengenal pasti kepakaran ahli-ahli konsortium;
- (ii) mengenal pasti kemudahan yang dipunyai oleh ahli-ahli konsortium;
- (iii) membahagikan tugas kepada ahli-ahli konsortium;
- (iv) mengusahakan hubungan antara-bangsa secara formal;
- (v) menganjurkan bengkel teknikal;
- (vi) mengenal pasti reka bentuk;
- (vii) penubuhan ground station.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubungan dengan usaha Kerajaan menubuhkan konsortium itu, adakah Kerajaan berusaha menarik balik ataupun menarik perhatian warganegara-warganegara Malaysia yang sedang bekerja di luar negeri yang ada kepakaran sebagai saintis atau jurutera di seberang laut supaya mereka balik berkhidmat untuk Malaysia? Apakah ganjaran ataupun apakah bayaran-bayaran yang boleh menarik perhatian mereka?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini jadi satu dasar Kerajaan untuk bukan sahaja menarik balik saintis-saintis yang sedang berkhidmat di luar negeri di berbagai bidang.

Kita juga akan mempelawa saintis-saintis yang mana kita hadapi kekurangan datang ke Malaysia untuk memberi kepakaran-kepakaran mereka untuk menjalankan atau membantu Malaysia merealisasikan dalam Wawasan 2020 ini. Garis-garis panduan ada disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kalau Ahli Yang Berhormat semua lihat garis panduan adalah dicetak dalam buku itu.

**TANAH — JUMLAH PEMILIKAN RAKYAT ASING**

**8. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan jumlah pemilikan tanah oleh rakyat asing mengikut pecahan negeri dan kerakyatan pemilik tersebut. Sila nyatakan bentuk penggunaan ke atas tanah-tanah yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Kanun Tanah Negara bahagian 33A menghadkan pemilikan tanah oleh rakyat asing. Dasar ini telah dikuatkuasakan pada 1.1.1993. Rakyat asing tidak dibenarkan memiliki tanah untuk kegunaan pertanian atau bangunan kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa negeri. Tidak ada sekatan untuk memiliki tanah industri.

Kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah pemilikan tanah oleh rakyat asing atau bentuk penggunaan ke atas tanah yang berkenaan setakat ini.

Tentang pemilikan unit-unit kediaman oleh rakyat asing, Kementerian mempunyai maklumat dan sukacita saya memaklumkan bahawa sebanyak 5,503 unit dimiliki oleh rakyat asing pada tahun 1994.

Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>
Kuala Lumpur	
Wilayah Persekutuan	1,870
Selangor	1,158
Johor	486
Melaka	826
Negeri Sembilan	461
Pulau Pinang	344
Pahang	324
Lain-lain	35
<b>JUMLAH :</b>	<b><u>5,503</u></b>

Manakala pemilikan mengikut kerakyatan adalah seperti berikut:

<i>Rakyat</i>	<i>Bilangan (unit)</i>
Singapura	4,527
Hong Kong	184
Jepun	111
Britain	107
Taiwan	133
Lain-lain	441

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, di antara yang dibenarkan ialah untuk kegunaan industri. Saya ingin tahu apakah pula syarat-syarat yang dikenakan dalam perkara tersebut kerana ada terdapat di kalangan mereka yang telah diambil tindakan kerana melanggar syarat-syarat tersebut dan apakah hukuman?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tanah adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan tiap-tiap Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan masing-masing. Pemilikan ini diluluskan dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh FIC (Foreign Investment Committee) dan juga oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut maklumat yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi bahawa tanah-tanah perindustrian dibenarkan untuk pemilikan rakyat asing. Tetapi tidak disebut apakah bentuk kebenaran yang diberi sama ada dalam milik kekal, pajakan ataupun sebagainya.

Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memperketatkan lagi, kerana kita tahu kawasan tanah industri, satu kawasan yang amat penting dan strategik bagi kepentingan ekonomi rakyat negara ini, adakah Kerajaan berhasrat untuk memper-

ketatkan lagi kawalan dalam tanah-tanah industri, misalannya memberi peruntukan hanya untuk pajakan dalam satu tempoh tertentu supaya tanah-tanah ini tidak terlepas kepada orang asing.

Yang kedua, berhubung dengan tanah ini juga, pada tahun lepas kita mendengar suatu kenyataan daripada pihak Kerajaan bahawa Akta Pengambilan Balik Tanah yang sekarang ini menjadi suatu isu besar di Kedah, di Johor, di Melaka akan dikaji semula. Apakah kedudukan sekarang? Setakat manakah kajian semula itu telah dibuat dan apakah tindakan susulan yang akan dibuat oleh Kerajaan termasuk membentangkan kajian semula rang undang-undang itu di Parlimen.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan tadi, kelulusan tentang tanah industri dan tanah-tanah lain dibuat oleh Kerajaan negeri. Dan biasanya amalan Kerajaan negeri ialah memberi kelulusan mengikut pajakan. Tentang Akta Pengambilan Tanah, Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri sedang menimbang pembinaan kepada akta itu.

#### HOSPITAL — PENYEDIAAN BALAI PELAWAT

**9. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian bercadang:

- (a) membina atau menyediakan tempat tinggal di Sibul, berdekatan dengan hospital untuk saudara-mara miskin yang menemani pesakit; dan
- (b) menyediakan tempat tinggal untuk saudara-mara miskin yang menemani pesakit yang dihantar ke Hospital Umum Kuala Lumpur.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejajar dengan konsep masyarakat penyayang, Kementerian Kesihatan memang menggalakkan keluarga

atau saudara-mara melawat pesakit di hospital. Oleh yang demikian, adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan menyediakan Balai Pelawat terutamanya di hospital yang baru dibina seperti Hospital Sibul. Balai Pelawat ini mempunyai pelbagai guna di antaranya untuk memudahkan keluarga melawat dan menemani pesakit, termasuk apabila pesakit akan dihantar ke Hospital Kuala Lumpur.

- (b) Selain dari menggunakan Balai Pelawat, keluarga yang menemani pesakit ke Hospital Kuala Lumpur juga boleh menggunakan Rumah Sarawak.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya diberitahu baru-baru ini bahawa Hospital Marudi di kawasan Daerah Baram hanya mempunyai seorang doktor sahaja walaupun dahulu ada empat orang doktor di sana, jadi saya ingin tahu apakah cadangan Kementerian untuk menambah lagi bilangan doktor untuk Hospital Marudi dan amnya untuk di Negeri Sarawak juga.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah spesifik dan saya minta notis.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana taraf perkhidmatan yang diberi oleh klinik-klinik dan hospital-hospital di ladang-ladang adalah tidak memuaskan, saya ingin tahu apakah Kementerian bercadang untuk membawa klinik-klinik dan hospital-hospital ladang di bawah jagaan Kementerian Kesihatan atau apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa Yang Berhormat, soalan ini agak terkeluar dari soalan asal.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian membuatkan rumah tumpangan untuk menghantar pesakit sebagaimana yang telah dimaklumkan. Tetapi soalan saya, apakah garis panduan, berapakah cajnya dan berapa orangkah ahli keluarga yang boleh mengikut bersama pergi menemani pesakit dan apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan ada menyediakan rumah perantaraan yang disediakan oleh pihak Hospital Kuala Lumpur iaitu 11 unit rumah pangsa dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disewa oleh beberapa pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Pesakit yang memerlukan rawatan harian yang lama yang tidak perlu dimasukkan ke wad, saudara mara pesakit perlu dirujukkan di sana. Pihak hospital telah menyediakan garis panduan bagi kemasukan ke rumah perantaraan. Ianya terbuka kepada semua. Mereka yang tinggal dikenakan caj RM5.00 sehari, tetapi bagi yang tidak mampu mereka boleh tinggal dengan percuma. Pihak Hospital Kuala Lumpur telah menempatkan seorang 'house-keeper' untuk menjaga 'day to day running', dengan izin, rumah perantaraan tersebut.

#### **KELAB GAY — JUMLAH**

**10. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah terkini "Kelab Gay" di seluruh negara. Wajarnya pelesenan kelab-kelab tersebut dibatalkan atas alasan mereka menjadi pusat pertemuan pengamal-pengamal seks sesama jenis yang terdedah kepada bahaya HIV dan AIDS.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak ada kelab "gay" yang dibenarkan atau didaftarkan.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan gay, tetapi saya hendak bertanya. Saya membaca dari media massa bahawa terdapat banyak

tuduhan di mana sesetengah kelab dipanggil sebagai kelab "gay". Jadi, kalau tidak didaftar, adakah pihak Kementerian Dalam Negeri mahu menyiasat sama ada perkara ini wujud? Oleh kerana kalau kita hendak memandang ringan, kerana orang kata cara hidup 'gay' ini adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kerosakan makhluk iaitu manusia. Itu soalan saya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau terdapat mana-mana golongan yang telah menjalankan kegiatan seolah-olah macam satu pertubuhan tetapi tidak didaftar di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan, maka Kerajaan boleh bertindak dengan menggunakan Akta yang berkenaan. Jadi, sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat yang banyak bolehlah sampaikan kepada pihak berkuasa di mana mereka itu bergiat.

#### **DASAR KEBUDAYAAN NEGARA— PENGGUBALAN**

**11. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian berhasrat untuk menggubal Dasar Kebudayaan Negara ke arah mengukuhkan perpaduan kaum berasaskan nilai-nilai murni Islam;
- (b) sejauh manakah langkah-langkah Kementerian mewujudkan iklan-iklan pelancongan dan tempat-tempat pelancongan yang dapat membendung gejala-gejala negatif kepada masyarakat dan negara.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sukalah dijelaskan di sini bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang ada sekarang memang mengarah kepada perpaduan kaum dan Islam sebagai agama rasmi



negara adalah menjadi unsur penting di dalam penggubalan dasar tersebut. Sebelum kita menghujah sama ada perlu digubal kembali Dasar Kebudayaan Negara dalam konteks kebudayaan ke arah mengukuhkan perpaduan kaum berdasarkan nilai-nilai murni Islam, eloklah dahulu kita ketahui apa yang dimaksudkan dengan kebudayaan.

Berbagai istilah berkenaan dengan kebudayaan telah diberi mengikut bidang pengajian yang telah dibuat seperti antropologi, sosiologi, sejarah dan lain-lain. Tetapi kesimpulannya, dapat dirumuskan sebagai keseluruhan cara hidup manusia iaitu meliputi bidang pemikiran dan falsafah hidup, kebendaan, nilai dan norma dan kesenian. Dari segi pemikiran, ianya termasuklah sekali ilmu pengetahuan, falsafah, mitos, kepercayaan, legenda dan kesusasteraan masyarakat berkenaan. Dari segi kebendaan pula, perlulah kita membicarakan citra masyarakat, bahan yang ditonjolkan dari segi seni binaan, peralatan yang digunakan, pakaian, perabot, makanan dan lain-lain budaya material.

Menyentuh aspek nilai dan norma pula, ianya dapat dilihat dari perlakuan dan amalan masyarakat seperti undang-undang, adat resam, adat istiadat, gaya perlakuan, pantang larang dan nilai-nilai keagamaan. Dalam bidang kesenian pula, termasuklah seni persembahan seperti seni tari, seni muzik, seni lakon dan nyanyian. Manakala dari segi seni tampak pula, ia melibatkan seni lukis, seni pahat, seni tekat, anyaman dan sebagainya.

Dengan hujah tersebut diharap kita tidak menyempitkan pemahaman kita mengenai kebudayaan hanya kepada satu bidang sahaja, misalnya, tarian, nyanyian atau hiburan semata-mata.

Dasar Kebudayaan sekarang telah digubal dengan mengambil perhatian bahawa kebudayaan adalah memainkan peranan penting dalam proses pembangunan negara ke arah keseimbangan sektor ekonomi dan kerohanian serta mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini. Ini berdasarkan fakta-fakta perkembangan sejarah di mana rantau ini merupakan sebagai pusat pertemuan, pusat tamadun dan pusat perdagangan sejak 2,000 tahun yang lalu. Islam merupakan unsur pembentukan dasar kebudayaan kebangsaan kerana ia meliputi seluruh cara hidup dengan merangkumi semua aspek kehidupan termasuk nilai dan norma ke arah pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia serta bersifat sejagat.

Secara umumnya pencapaian matlamat dan objektif dasar telah menunjukkan kejayaan yang boleh dibanggakan, iaitu mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan, memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada kebudayaan, memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi. Islam yang merupakan unsur Dasar Kebudayaan Kebangsaan sememangnya mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang boleh diterima oleh kesemua kaum dari pelbagai agama kerana semua agama mementingkan kebaikan, kecemerlangan, perpaduan dan lain-lain amalan mulia.

Pengamalan nilai-nilai Islam sejagat hingga kini bukan sahaja diterima oleh semua lapisan masyarakat dalam pembinaan bangsa Malaysia, tetapi juga akan menjadi nilai-nilai baru budaya bangsa

Malaysia. Oleh itu penerimaan dasar berkenaan haruslah jelas dan sepatutnya diberi sokongan sepadu tanpa cuba mempolitikkannya. Penekanan yang perlu kini ialah pengisian yang mesti dipraktikkan dalam setiap program yang akan dilaksanakan oleh agensi Kerajaan, swasta dan semua individu ke arah pembangunan kebudayaan.

- (b) Setiap promosi yang dianjurkan oleh Kerajaan dan dalam setiap brochure yang diedarkan, salah satu perkara yang diberikan penekanan ialah mengenai keadaan negara kita termasuk cara hidup dan sosio-budayanya. Pelancong-pelancong sentiasa diingatkan supaya sentiasa menghormati masyarakat tempatan semasa mereka berkunjung ke sini. Dari segi iklan-iklan pelancongan, ianya hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada di bawah pihak berkuasa tempatan masing-masing. Kerajaan, khasnya melalui pihak berkuasa tempatan akan sentiasa mengawasi kawasan-kawasan tarikan pelancong di seluruh negara untuk memastikan supaya perilaku pelancong tidak membawa gejala-gejala negatif yang boleh mempengaruhi penduduk-penduduk tempatan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan untuk ke arah membendung masalah-masalah yang berlaku, sebagaimana yang kita dengar, adakah cadangan Kementerian Yang Berhormat untuk bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri bagi membendung masalah-masalah perlakuan yang negatif di tempat-tempat tumpuan pelancong dan adakah hasrat Kementerian Yang Berhormat untuk meletakkan Polis-polis Pelancong bagi mengawal keadaan yang kadang-kadang kurang terkawal?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya semua Kementerian, khususnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bekerjasama dengan semua pihak untuk menjalankan tugas bagi menyempurnakan kerja-kerja yang telah ditetapkan ataupun menjayakan pembangunan negara ini, sama ada dengan Jabatan Agama Islam atau mana-mana pihak.

Berkenaan dengan yang keduanya pula, sama ada perlu Polis Pelancong, saya memberi penghormatan kepada pandangan Yang Berhormat dari Jelebu tetapi Kementerian menganggap bahawa pada masa ini pihak-pihak yang diberi kuasa untuk melihat segala syarat-syarat dan undang-undang yang ada memang sudah memadai. Walau bagaimanapun, kalau diperlukan untuk ditambahkan lagi, maka Kerajaan akan mempertimbangkannya.

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau mengikut apa yang diuraikan oleh Yang Berhormat tentang pengertian kebudayaan itu ialah meliputi seluruh aspek-aspek kehidupan.

Maka, saya hendak mengemukakan dua pertanyaan. Yang pertama, apakah pihak Kerajaan sekarang ini berpuas hati bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah digubal di negara ini — berpuas hati benar-benar telah menepati sepenuhnya nilai-nilai Islam? Dan apakah pelaksanaan-pelaksanaan kebudayaan yang dasarnya telah digubal itu juga tidak melanggar nilai-nilai Islam seperti yang kini berlaku?

Soalan yang kedua, seperti yang dijelaskan tadi bahawa aktiviti-aktiviti pelancongan yang berlaku di negara kita ini telah ditentukan garis panduannya kepada pelancong-pelancong dan juga kepada tempat-tempat pelancongan yang

dilawati oleh pelancong, maka saya ingin bertanya adakah didapati pelancong-pelancong yang telah melancong ke negara kita ini menepati dan mengikuti syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang berpuas hati tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan hari ini. Walau bagaimanapun, ada juga ditekankan bahawa kebudayaan-kebudayaan suku kaum ataupun kebudayaan-kebudayaan sampingan masih lagi dibenarkan dan diterima pakai oleh pihak-pihak yang mempraktikkannya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, dalam penerangan tadi bahawa yang mustahak ialah penekanan yang perlu bagi pengisian Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu. Dasarnya sudah lengkap dan yang mustahaknya ialah untuk penekanannya, dan dalam hal ini, semua pihak diharap memberi kerjasama.

Berkenaan dengan pelancongan pula, dasar Kerajaan ialah menggalakkan semua pelancong yang berkelayakan masuk ke negara kita ini kerana dengan kedatangan pelancong itu, kita telah mengeksport barangan negara kita ke luar negeri tanpa kita bersusah payah membawa barangan eksport kita itu keluar.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya terdapat mana-mana pelancong yang melanggar undang-undang negara kita ini, kita mempunyai cara-cara yang biasa yang sememangnya dijalankan kepada semua pihak bagi mengawasi mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 12 hingga 59 akan dijilid dalam buku berasingan)*

## UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG DI-PERTUA

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kota Melaka bangun atas apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana selepas aduan saya semalam tentang tidak ada Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan Persekutuan, salinan ini telah dibekalkan kepada semua Ahli Parlimen. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan.” *(20hb Jun 1995)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Sumber Manusia diminta sambung.

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah pun menjawab mengenai langkah-langkah yang telah pun diambil oleh pihak Kerajaan untuk mempercepat latihan kepada tenaga mahir yang ada dalam negara kita. Salah satu perancangan yang telah pun diperkenalkan adalah, dengan izin, fast track programmes yang ditawarkan kepada sektor swasta untuk mendorong mereka melibatkan secara aktif di dalam memberi latihan semula ataupun meningkatkan kemahiran bekerja mereka.

Program yang dikenali sebagai "Time Sector Privatization Scheme" ini membolehkan sektor swasta menggunakan kemudahan latihan di institut latihan awam dalam bentuk peralatan dan tempat latihan. Latihan-latihan separuh masa dan jangka pendek ini dikendalikan oleh institut atau industri itu sendiri pada waktu petang, hujung minggu ataupun semasa cuti semester institut berkenaan. Tiga jenis program dijalankan iaitu program bersama, program modular dan program terlanggan ataupun customised scheme.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan itu saya percaya saya telah pun menjawab kebanyakan perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika ada perkara-perkara yang belum dijawab, maka pihak Kementerian akan mengambil perhatian dan melaksanakan yang mana boleh. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar diminta jawab.

3.36 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut, Parit Sulong dan Gelang Patah yang telah memberi pandangan dan teguran mengenai perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Ahli Yang Berhormat dari Larut membangkitkan isu-isu yang menyentuh tentang pencemaran alam sekitar, terhadap tahap kesedaran dan tanggungjawab masyarakat mengenai kebersihan alam sekitar dan pengusahaan bidang teknologi tinggi di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pula telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan penguasaan teknologi maklumat. Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah telah mencadangkan supaya program penyelidikan dan pembangunan dipergiatkan untuk mewujudkan lebih banyak peluang untuk anak watan menimba ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada umumnya masalah pencemaran alam sekitar di Malaysia masih terkawal. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus melipatgandakan usaha-usaha ke arah menjaga dan mengawal pencemaran alam sekitar seiring dengan pembangunan ekonomi negara.

Kejadian pembuangan minyak oleh kapal-kapal di perairan Malaysia dan pelupusan sisa kimia dan toksik di tempat-tempat pelupusan yang tidak dibenarkan amat dipandang serius oleh Kerajaan. Usaha-usaha penguatkuasaan dipertingkatkan untuk membawa mereka yang terlibat ke hadapan pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian jerebu yang berlaku sejak kebelakangan ini telah menimbulkan kebimbangan bukan sahaja di Malaysia, malah di beberapa buah negara di rantau ini.

Kejadian-kejadian yang berlaku jelas menunjukkan bahawa pencemaran tidak mengenali erti sempadan. Kini masalah jerebu ini menjadi isu alam sekitar yang penting kepada negara-negara ASEAN, terutama sekali Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam dan Malaysia sendiri. Dalam menangani masalah ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama agensi-agensi lain di Malaysia telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Pencemaran Melampaui Sempadan di peringkat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN pada 17 Jun 1995 yang baru lalu di Kuala Lumpur. Dalam mesyuarat ini, beberapa resolusi telah dipersetujui bersama. Antara yang paling penting ialah pembentukan Pelan Tindakan Kerjasama ASEAN Menangani Pencemaran Melampaui Sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia masa kini, tahap kesedaran alam sekitar di kalangan orang ramai adalah tinggi. Walau bagaimanapun, komitmen di kalangan sektor perindustrian masih perlu diperbaiki lagi terutama sekali dari segi memenuhi standard-standard dan peraturan-peraturan kualiti alam sekitar. Oleh itu, Kerajaan menyaran semua pihak supaya bersama-sama bertanggungjawab berusaha menjadikan negara Malaysia sebuah negara maju tanpa mengorbankan alam sekitar yang kita cintai.

Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif melalui penyertaan pelbagai forum dan melaksanakan konvensyen-konvensyen antarabangsa mengenai alam sekitar untuk memajukan prinsip dan amalan pembangunan yang mampan atau sustainable development,

dengan izin. Keberkesanan Kerajaan untuk memenuhi cabaran ini seimbang dengan keperluan pembangunan alam sekitar negara bergantung kepada kesedaran dan amalan individu bagi setiap lapisan masyarakat selaras dengan matlamat Wawasan 2020 untuk membentuk masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi. Sebagai amalan, setiap individu perlu mengambil kira sepenuhnya faktor-faktor alam sekitar dalam sebarang tindakannya supaya negara akan terus mengekalkan kehijauannya, kebersihannya, keindahannya dan kemakmurannya.

Tahun 1995 diisytiharkan sebagai Tahun Alam Sekitar ASEAN. Dengan pengisytiharan ini, ianya akan meningkatkan komitmen yang lebih besar bagi Malaysia pada peringkat antarabangsa melalui rangka kerja dasar bagi pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan yang berkekalan. Perisytiharan ini juga dijangka dapat membantu semua pihak meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pemuliharaan alam sekitar yang berterusan dalam proses pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan penguasaan bidang berteknologi tinggi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang melipatgandakan usaha-usaha penguasaan bidang tersebut melalui Penyelidikan dan Pembangunan atau R&D. Program-program R&D yang dilaksanakan akan berteraskan kehendak pasaran, inovatif dan selari dengan keperluan industri tempatan dan antarabangsa. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada peningkatan R&D, pengwujudan rangkaian hubungan yang erat di antara sektor awam dan industri, memperkukuhkan keupayaan institusi penyelidikan dalam pembangunan teknologi, penyusunan semula sistem dan prosedur pembiayaan R&D, penganalisan R&D dan pengkomersilan teknologi.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keupayaan negara merintis bidang-bidang baru dalam sains dan teknologi merupakan salah satu faktor terpenting dalam proses peralihan untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, penekanan dalam bidang-bidang teknologi tinggi dan memunculkan atau emerging technologies, dengan izin, seperti bioteknologi, advanced manufacturing, advanced materials, teknologi maklumat dan telekomunikasi akan diberikan. Peluang-peluang di dalam bidang-bidang baru seperti fibre optics, teknologi angkasa lepas dan teknologi composite akan juga diterokai.

Bagi memajukan pembangunan teknologi angkasa lepas, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) mencari jalan untuk membangunkan sumber tenaga manusia dalam teknologi angkasa lepas;
- (ii) mewujudkan talian perhubungan yang strategik dengan agensi-agensi luar negeri yang berkenaan di negara-negara maju dan negara-negara yang sedang membangun;
- (iii) mengadakan penilaian yang strategik terhadap program sains angkasa negara berdasarkan bidang keutamaan yang diperlukan oleh Kerajaan; dan
- (iv) kementerian akan melancarkan program kesedaran bagi menarik minat orang ramai dan menerangkan betapa pentingnya teknologi angkasa lepas dalam pembangunan perindustrian negara.

Kemampuan menguasai penyelidikan dalam bidang-bidang tersebut akan meletakkan asas yang kukuh bagi mendorong pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi di Malaysia dengan lebih pesat lagi. Di dalam hubungan ini, program kesedaran mengenai sains dan teknologi akan diperluaskan ke seluruh negara di dalam usaha untuk membudayakan sains dan teknologi dalam kehidupan harian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diminta jawab.

*3.47 ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lanang, Seremban, Hulu Langat dan Petaling Jaya Utara yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat dari Lanang berkaitan perkembangan perkhidmatan bomba di bahagian Sibul, ingin saya jelaskan bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba telah mencadang-

kan beberapa buah balai bomba dan kuarters kakitangan didirikan di kawasan SibU. Cadangan balai-balai bomba dan kuarters yang dimaksudkan adalah di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketujuh. Sekiranya permohonan ini diluluskan, tempat-tempat yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) balai bomba dan kuarters di Sungai Merah, SibU;
- (ii) balai bomba dan kuarters pekan Matu, SibU;
- (iii) balai bomba dan kuarters di Daru, SibU; dan
- (iv) balai bomba dan kuarters di Dalat, SibU.

Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh mengenai program Kerajaan dalam menyediakan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah. Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menghargai akan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah perumahan kepada golongan berpendapatan rendah walaupun perkara ini bukan satu tugas yang mudah.

Kementerian melalui jabatan-jabatan di bawahnya akan berusaha untuk menambah bilangan keluarga yang miskin memiliki rumah atau menyewa rumah dan juga meningkatkan kualiti dan persekitaran perumahan yang selesa dan sesuai.

Mengenai tanah perkuburan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga dan Yang Berhormat dari Hulu Langat, Kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan serta piawaian rancangan untuk tanah

perkuburan dan krematoria bagi semua kaum di dalam tahun 1991. Garis panduan ini telah pun dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Negara dan Kerajaan Tempatan dan harus digunakan oleh semua pihak berkuasa tempatan dan negeri-negeri. Piawaian ini telah dan sedang diikuti di dalam penyediaan kajian rancangan struktur dan rancangan tempatan yang dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa tidak mempunyai halangan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat mengenai mensyaratkan setiap pemaju menyediakan tapak perkuburan. Walau bagaimanapun, penyediaan dan pelaksanaan cadangan ini harus diawasi dengan teliti supaya tidak bercanggah dengan nilai-nilai ekonomi, sosial serta kesesuaian guna tanah.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara, mengenai isu memberitahu dan mendengar bantahan awam bagi rancangan-rancangan pembangunan terutama di kawasan perbandaran, Kementerian sentiasa berikhtiar meningkatkan keberkesanan perancangan. Akta Perancangan Bandar dan Desa membolehkan pihak berkuasa negeri menerima pakai bahagian-bahagian tertentu mengikut kebijaksanaan pihak berkuasa negeri. Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor belum menerima pakai bahagian akta ini yang ada peruntukan memberitahu dan mendengar bantahan dari orang ramai. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang menggalakkan semua Kerajaan Negeri menerima pakai keseluruhan akta. Sukacita dimaklumkan juga bahawa Kerajaan Negeri Selangor kini sedang dalam proses menerima pakai keseluruhan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya bagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan bagi perkara-perkara yang mungkin saya tertinggal untuk menjawab, ianya tetap akan diberikan perhatian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Pertahanan.

3.53 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertahanan semasa berucap membahaskan Ucapan Titah DiRaja.

Yang Berhormat dari Marang dan Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan beberapa perkara dan ingin saya jelaskan di dalam Dewan ini, bahawa isu-isu berkenaan pernah diperjelaskan di Dewan yang mulia ini di masa-masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan keraguan proses pengundian pilihan raya di kalangan anggota ATM yang dibangkitkan oleh Wakil dari Marang, saya suka memaklumkan pada Dewan ini bahawa urusan pengundian pilihan raya untuk anggota ATM di kem-kem adalah adil dan selaras dengan kehendak undang-undang pilihan raya yang ada sekarang. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya membenarkan pemerhati dari parti-parti politik memasuki kem-kem semasa pilihan raya dijalankan, adalah tidak berasas. Untuk makluman Yang Berhormat, konsep mengundi dalam Angkatan Tentera

Malaysia adalah mengundi secara pos iaitu pemilih tidak perlu hadir di tempat pembuangan undi. ATM tidak pernah menetapkan tatacara khas kepada pasukan untuk menguruskan proses pengundian. Walau bagaimanapun, bagi tujuan keseragaman, memudahkan pentadbiran dan pengendalian, beberapa arahan pelaksanaan pilihan raya telah pun dikeluarkan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bagan Datoh bangun.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Minta laluan. Kalau begitu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan; sistem yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan begitu telus untuk menentukan tidak ada campurtangan bagi menentukan anggota-anggota tentera mengundi mengikut arahan-arahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tetapi pada pendapat Yang Berhormat, apa pula tuduhan yang dikenakan oleh pihak Pembangkang terus menerus dan apakah langkah-langkah ketelusan ini akan dibuat selanjutnya bagi memuaskan hati pihak Pembangkang terutamanya agar Kementerian Pertahanan tidak akan terus dituduh dalam tiap-tiap pilihan raya bahawa pihak Kementerian Pertahanan campurtangan dalam hal pembuangan undi ini pada anggota-anggota tentera.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat pun sedia maklum parti Pembangkang ini, lagi pun sudah kalau sudah tentu tidak akan berpuas hati cara mana pun pengendalian dibuat oleh mana-mana pihak dan saya yakin dalam mana-mana pilihan raya pun mereka tetap kalah,



tetap juga akan menimbulkan masalah. Tetapi umum tahu, kita tahu bahawasanya tugas dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan bagi memastikan anggota-anggotanya dapat mengundi dengan bebas itu tetap terjamin dan boleh dibuktikan dengan beberapa cara.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Machang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia sedar alasan-alasan yang dibuat oleh pihak Pembangkang bahawa undi pos ini "ada penyelewengan adalah jelas. Satu dari segi konsepnya; Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa undi adalah rahsia. Ini semua orang tahu di bawah Election Act 1958 — undi adalah rahsia. Saya hendak sebut satu contoh bahawa penyelewengan ini berlaku dalam undi tentera. Misalannya sama ada Yang Berhormat ada atau tidak Election Postal Voting Regulation 1959; Peraturan 7 misalannya yang menyebut dengan jelas, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua saya baca:

"Each postal ballot paper issued shall be performed or it reverse stamp will be official" — itu tidak penting. Yang paling berkaitan dalam peruntukan Peraturan 7 ini Tuan Yang di-Pertua ialah:

"Such number shall be marked on the counterfoil". Kalaulah ini berlaku nombor pengundi itu di "marked" atas counterfoil, jadi dengan kata lain pihak ketiga akan dapat tahu pegawai itu mengundi siapa. Ini bertentangan dengan prinsip bahawa undi itu adalah rahsia. Itu satu contoh yang saya sebut. Banyak lagi contoh-contoh dalam peraturan-peraturan ini Tuan Yang di-Pertua yang saya tidak berhajat untuk menyebut satu persatu.

Yang keduanya dari segi konsep. Konsep pos itu sendiri tidak wujud sebenarnya. Apa yang berlaku pihak SPR menyerahkan kepada pihak adjutan di tempat berkenaan, kemudian terpulanglah kepada adjutan untuk membahagi. Tidak mengepos direct kepada mereka yang berkenaan. Jadi, konsep undi pos itu sendiri sudah tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, banyak peruntukan-peruntukan yang kalau saya hendak sebut; sebab itu dalam Parlimen ini saya tanya adakah peraturan-peraturan ini dipinda. Kerana ianya bercanggah dengan akta ibu sendiri. Saya tidak berhajat untuk menyebut satu persatu Tuan Yang di-Pertua. Memang banyak peruntukan di dalam Election Postal Voting Regulation 1959 ini yang bercanggah dengan akta ibunya sendiri dan yang tidak merupakan suatu konsep bahawa undi itu adalah rahsia, bercanggah dengan konsep bahawa undi itu adalah rahsia. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan tentang Peraturan 7 tadi misalannya?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju setiap undi itu tetap rahsia. Tentang ada mark di atas counterfoil itu, Yang Berhormat tidak memperjelaskan apa jenis "mark"nya. Tidak boleh menaruh buruk sangka di mana "mark" itu kononnya boleh menentukan kita dapat mengenal pasti siapa yang mengundi di atas kertas itu. Mark itu mungkin mark yang tidak ada kena mengena langsung dari segi siapa yang mengundi. Kalau pun ada masalah Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh membuat bantahan dan protes kepada pihak SPR yang membuat kertas-kertas undi tersebut, bukan hendak menyalahkan pihak Kementerian Pertahanan yang sesungguhnya tidak bertanggungjawab bagi mencetakkan kertas-kertas undi yang diserahkan kepada pihak Kementerian untuk pula diserahkan kepada anggota-anggota tentera. Itu yang pertama.

Yang kedua tentang konsep. Konsepnya jelas bahawasanya pihak SPR menyerahkan kertas-kertas undi itu kepada Returning Officer, mungkin kepada Pegawai Daerah di tempat-tempat di mana kawasan itu dipertandingkan; dan Pegawai Daerah memanggil semua wakil-wakil yang bertanding untuk melihat penyerahan borang-borang itu dan senarainya kepada pihak pos, wakil pos ada hadir sama dan disaksi dan disahkan oleh wakil-wakil calon yang bertanding. Wakil Pos itu setelah diterima dan di"check" oleh wakil-wakil calon yang bertanding itu akan membawa kertas-kertas untuk diserahkan kepada anggota-anggota tentera itu terus ke kem-kem yang berkenaan dan diserahkan kepada adjutan and then....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun lagi.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tidak habis lagi. Biar saya habis dulu saya punya jawapan. Selepas itu pihak adjutan ini akan menyerahkan individually kepada tiap-tiap seorang anggota tentera yang selepas itu berhak untuk mengundi di mana sahaja dia suka tanpa gangguan, tanpa diketahui oleh sesiapa, siapa yang dia undi dan selepas itu dia masukkan balik ke dalam envelop, seal dan serah balik kepada pihak adjutan itu untuk dikumpulkan dan diserahkan balik kepada pihak Returning Officer, Jadi, jelas Tuan Yang di-Pertua tidak ada apa-apa.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sedarkah di bawah peraturan ini memerlukan seorang anggota tentera itu membuat satu 'certificate of identity' di sampul surat

itu. Dia mesti ada 'certificate of identity'. Maknanya, dia mesti 'establish'kan diri dia siapa dan di dalamnya ada kertas undi, di luar ada 'certificate of identity'. Jadi, dengan kata lain, bila kita membilang undi, kita tahu dia pangkah siapa? Ini bercanggah dengan prinsip undi itu adalah rahsia.

Yang kedua, saya tidak pertikaikan bahawa daripada peringkat 'postal vote' itu dibahagi, wakil calon ada di situ. Tetapi bila sampai di peringkat adjutan, mengapa wakil-wakil calon yang bertanding tidak dibenarkan hadir di situ? Masa hendak membahagikan kertas undi kepada undi-undi pos anggota tentera ini, kita minta wakil parti-parti yang bertanding mesti hadir dalam perjumpaan itu masa hendak membahagikan kertas ini supaya orang yang betul dapat kertas undi. Tetapi mengapa setiap kali permintaan kita supaya wakil parti yang bertanding, iaitu 'polling agent' kita bukan sahaja daripada Pembangkang tetapi daripada parti Kerajaan juga supaya hadir di situ, tetapi ini tidak dibenarkan oleh pihak tentera kerana kononnya bahawa kawasan tentera adalah satu kawasan selamat. Kalau tidak ada wakil yang memerhatikan pembahagian kertas undi itu, apakah kita dapat memastikan bahawa tidak akan berlaku penyelewengan. Saya bukan menuduh mereka menyeleweng pada peringkat itu, tetapi menimbulkan kesangsian yang jelas kepada kita bahawa pembahagian itu tidak mengikut peraturan.

Yang kedua, adjutan tentera tidak pernah pada bila-bila masa dilantik sebagai agen pihak SPR. Kalau SPR tak ada, wakil calon tak ada, bermakna tentera bebas melakukan apa sahaja mengikut kehendak mereka. Sepatutnya wakil SPR mesti ada, wakil parti yang bertanding mesti ada. Itu dua perkara contoh-contoh, dan banyak lagi, Tuan

Yang di-Pertua, yang terdapat di dalam peruntukan ini. Saya tidak mempertikalkan daripada peringkat hendak membahagikan kertas itu wakil parti dipanggil. Kemudian bila sampai kepada peringkat adjutan dan terlepas daripada kawalan terus pada peringkat itu.

Yang keduanya, tiap-tiap orang yang mengundi mesti 'establish identity' dia. 'Certificate of identity' mesti ada. Kalau ada 'certificate of identity' macam mana undi itu rahsia? Sebab di dalam 'counterfoil', di dalam kertas itu (ballot paper), okay, adjutan akan beri kepada pegawai 'A', dia ada rekod itu semua. Kemudian lepas itu, dia memangkah. Di sampul surat itu bila hendak serah balik, dia mesti 'establish identity' dia pula, 'certificate of identity'. Jadi, bila kita tengok 'A' tadi, kita boleh check di dalam itu dia pangkah siapa? Mana ada lagi rahsia kalau macam ini? Bercanggah dengan prinsip akta itu. Terima kasih.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, daripada segi 'certificate of identification' ini tak ada langsung cara yang mana pihak pegawai yang berkenaan bagi mengedarkan 'ballot paper' itu memastikan siapa memangkah siapa, daripada siapa, tidak boleh. Ini diperjelaskan dengan jelas kepada saya setelah ditanya oleh pihak pegawai, 'adakah boleh pihak kamu tahu siapa yang mengundi untuk mana-mana calon'? Tak boleh. Itu pertama.

Keduanya, tentang mengapa tidak ada pemerhati. Saya akan menjawab sebab ada dalam jawapan saya yang belum saya sentuh lagi. Tuan Yang di-Pertua.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Batang Lumar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah menjadi pengundi pos selama lebih 10 tahun, bahkan undi pos saya sampai mengikut, menyusur jalan saya sampai ke England masa saya menjadi student pada pilihan raya tahun 1980 dan saya pernah menjadi pegawai yang mengurus semasa pemilihan undi, tidak kurang di antara 30 ke 50 orang pengundi dalam platoon Pasukan Polis Hutan di Sarawak. Jadi, daripada segi teori memang banyak perkara-perkara yang boleh kita katakan kurang tepat, kurang baik dan boleh mendatangkan kesangsian.

Tetapi ingin saya bertanya kepada pihak Kementerian, macam manakah hendak membuat satu sistem yang lain? Umpamanya pada satu ketika, kalau tak salah saya pada tahun 1976, saya berada di Ulu Tinjar, pada masa itu saya bersama 6 orang polis. Ulu Tinjar kalau hendak pergi ialah tarik bot 4 hari — tarik bot, bukannya naik dalam bot, tetapi kita sendiri yang tarik bot, 8 hari pergi dan balik. Dan yang kita naik bot yang enjinnya jalan di belakang, 4 hari. 4 hari tarik bot dan 4 hari turun bot. Jadi, masa pulang dan balik terpaksa kita ambil setengah bulan. Saya tanyalah dengan pihak Pembangkang, macam mana hendak buat satu sistem hendak 'air drop' ataupun menghantar pegawai-pegawai ataupun pemerhati daripada parti-parti yang berkenaan untuk membuat pengundian yang sedemikian? Tetapi saya sebagai pegawai boleh mengesahkan di sini, saya tak pernah, saya anggap perjalanan pengundian itu satu perkara yang tidak ada kena-mengena dengan saya.

Undi saya adalah undi saya seorang sahaja. Anak-anak buah saya yang di bawah saya itu tak pernah, saya pun tahu, walaupun certificate itu dia bawa, saya tak pernah hendak tahu apa cerita dia. Soalan siapa jadi Menteri, siapa jadi wakil rakyat, itu soalan orang lain.

Jadi, dalam pandangan saya kesangsian ataupun ketidakpuasan pihak Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu perkara yang berbangkit daripada perasaan kecurigaan mereka sendiri kepada siapa sahaja yang mentadbir. Jadi, kalau mereka ini diberi peluang, saya tak tahu macam mana alternatif. Kalau orang itu berada di Belaga, yang berada di Ulu Tinjar, di Ulu Baram, tak payah cakap yang jauh lagi, yang mungkin terlantar di Fiji, di Tahiti, di mana-mana sahaja. Orang-orang yang boleh membuat undi pos ini berada? Macam mana diatitkan satu garis panduan yang mesti diikuti. Kalau tak diikuti, menjadi satu kesalahan daripada segi undang-undang. Jadi, saya hendak tanya kepada pihak Kementerian, apakah sistem yang lebih baik oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang, dahulu Kok Lanas.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata awal-awal tadi pihak Pembangkang ini asalkan dia kalah dalam mana-mana pilihan raya, dia tetap tidak akan puas hati. Maka ditimbul berbagai-bagai kecurigaan, ketidakpuasan hati sebab mereka tidak dapat memerintah, mengalahkan calon-calon daripada parti Barisan Nasional, maka ini satu perkara yang berterusan.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
(Bangun)

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dua Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat. Yang mana satu hendak beri?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya tak mahu bercakap tentang benda yang tidak tepat. Saya bercakap ini benda yang tepat, yang ada di hadapan kita. Saya beri contoh Peraturan 12, "Election Postal Voting Regulation 1959", saya baca untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri:

"A postal voters who wishes to exercise his postal vote, shall exercise it by completing and dispatching the ballot paper and the declaration of identity in accordance with the instruction to the voters in Form III".

Baik, apa dia form ini pula sebut. Form II, Tuan Yang di-Pertua:

"The above name who is personally known to me has produced the ballot paper to the person who certified the certificate of identity".

Mana lagi ada rahsia? Yang Berhormat bacakah peruntukan ini? Jangan jawab semata-mata menuduh bahawa kita mengatakan sesuatu yang tidak benar. Saya bercakap tentang peruntukan undang-undang yang tidak tepat ini. Tengok contoh ini, Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** (Bangun)

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tengok ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya belum habis lagi.

"...the above name who is personally known to me has produced the ballot paper and envelope above, refer to and has sign in the above declaration in my present".

Tunjuk ballot paper, sign di hadapan pihak ketiga. Adakah ini konsep undi rahsia itu wujud?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sama sahaja apa Yang Berhormat sebut tadi iaitu hendak kenalkan identiti yang benar-benar orang yang hendak terima ballot paper itu adalah orang yang namanya ditulis dalam sampul surat untuk diberikan supaya dapat dia mengundi, itu sahaja. Ini mesti diberi.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
(*Bangun*)

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sebab itu kepada orang yang berkenaan mengesahkan dia adalah orang yang berhak mengundi. Bukan semuanya ada berhak mengundi. Maka adanya nama di sampul surat itu, kita mengesahkan orang yang berkenaan itu yang berhak mendapat kertas undi itu. Itu sahaja, Yang Berhormat. Yang lain itu semuanya sangkaan-sangkaan buruk dan sangkaan-sangkaan jahat semata-mata. (*Tepuk*)

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada tiga orang yang bangun. Hendak beri jalan yang mana satu?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Beri yang di belakang pula, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pokok Sena.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin hendak bercakap perkara yang ada di hadapan saya, yang ada kena-mengena dengan saya, barangkali akan memberi penjelasan kepada Yang Berhormat dari Machang. Terlebih dahulu saya ingin tahu adakah Machang itu ada pengundi daripada tentera ini sebab saya ada, ini adalah undi daripada tentera yang terbabit dengan saya. Jumlah undi yang diterima 1,699, daripada tentera 1,646. Undi rosak 341. Barisan Nasional 982. PAS 376. Ini menunjukkan bahawa kita tidak ada paksa dan tentera ada kebebasan mengundi! Ini keputusan yang tepat. Jadi, saya hendak menunjukkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Machang bahawa saya sendiri pun tidak masuk ke dalam kem untuk hendak berkempen sebab tidak dibenarkan. Kita juga mengikut peraturan, tetapi tentera-tentera tidak ada paksaan. Sebab itulah ada undi PAS 376. Lihat wakil dari Kubang Kerian senyum sahaja apabila mendengar ada 376 undi PAS! Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, ya. Ada seorang lagi di sana.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan juga sedikit pandangan dalam isu-isu yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta penjelasan bukan beri penjelasan!

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, tadi pihak Pembangkang membangkitkan apa yang dikatakan meragukan. Saya juga menyokong pendapat Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi. Saya sendiri pernah

menjadi pengundi semasa saya berkhidmat dalam polis dan soal kedudukan mereka yang dalam uniform ini identiti mereka berbeza, tidak sebagaimana orang awam dan kita pun ada 'rules and regulations', dengan izin, dan tidak semestinya perkara ini dibangkitkan. Soal mengundi memang ada kebebasan. Tidak ada paksaan dan tidak ada cuba hendak membuat sesuatu. Tetapi jangan lupa, pihak organisasi sama ada polis atau tentera ini adalah kumpulan yang berdisiplin dan mereka tahu mengundi kepada siapa yang menghulurkan segala nikmat kepada mereka. Pihak Pembangkang kalau hendak menunjukkan bahawa mereka adalah lebih baik, cubalah berikan satu pandangan yang baik atau sesuatu yang baik kepada pihak-pihak ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan supaya menjimatkan masa. Kalau bangun itu untuk minta penjelasan dan bukannya memberi penjelasan.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sambungkan penjelasan tetapi saya ucapkan terima kasihlah di atas soalan yang merupakan minta penjelasan...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat dari Machang bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sudah cukup jelas. Kalau betul kita tidak ada satu sikap yang adil tidak mungkin parti Pembangkang boleh mendapat undi. Banyak tempat di mana angkatan tentera mengundi parti-parti Pembangkang pun mendapat undi...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Machang, dia tidak beri jalan.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sudah cukup.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat tidak boleh bercakap begitu.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk meneruskan jawapan. Belum selesai lagi pun, asyik diganggu separuh jalan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak ATM tidak pernah mengarahkan mana-mana pegawai memerintah ataupun pemerintah pasukan untuk mewujudkan tempat khas untuk tujuan mengundi. Arahan juga tidak pernah dikeluarkan supaya anggota memangkah mana-mana calon. Anggota-anggota bebas memilih mana-mana calon pilihan raya yang bertanding di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan wakil dari Marang juga supaya perjanjian pembelian senjata dengan negara Rusia hendak dikaji semula. Adalah dijelaskan bahawa Kerajaan tidak membeli apa-apa senjata daripada Rusia kecuali 18 buah pesawat MiG29. Bagi tujuan ini Kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula pembelian itu kerana semua 18 buah pesawat MiG29 itu serta senjata dan peralatan dukungannya telah dan sedang dihantar ke Malaysia. Sehingga 15hb Jun, 1995 sebanyak 8

buah pesawat MiG29 telah pun diserahkan kepada TUDM kita sementara penyerahan 10 buah pesawat lagi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sebelum akhir bulan Ogos, 1995. Penerimaan akhir senjata dan peralatan dukungan oleh TUDM akan selesai sepenuhnya pada bulan Julai, 1995.

Dari segi harga, pesawat MiG29 dan peralatan senjata dukungannya adalah lebih murah berbanding dengan pesawat-pesawat dan peralatan senjata dari negara-negara lain. Sebagai contoh, harga keseluruhan pembelian 18 buah pesawat MiG29, senjata dan peralatan dukungannya bernilai hanya RM1.43 bilion walhal harga keseluruhan 8 pesawat FA-18D dari Amerika Syarikat bersama senjata dan alat dukungannya adalah RM1.92 bilion. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak terikat hanya dengan faktor-faktor harga sesuatu pesawat semasa membuat sesuatu keputusan pembelian tetapi bergantung kepada keupayaan dan kesesuaian dengan kehendak-kehendak operasi pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Keningau telah membangkitkan beberapa isu yang antara lainnya berkaitan dengan proses pendaftaran dan pengundian ATM. Suka saya menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu anggota tentera di sesuatu kem akan mendaftar di kawasan di mana mereka bertugas. Senarai daftar pemilih tersebut adalah selari dengan kekuatan sebenar anggota di kem mengikut waktu semasa. Walau bagaimanapun, sewaktu tempoh pilihan raya berkemungkinan terdapat anggota yang tiada di kem tersebut kerana operasi, tugas luar, bertukar, berkursus dan beberapa sebab lain. Mereka masih mendapat hak mengundi kerana pihak pasukan telah mengambil langkah perlu bagi mengesan dan menghantar kertas undi tersebut ke destinasi sebenar mereka. Oleh itu, dakwaan Yang Berhormat dari Keningau bahawa anggota ATM berdaftar dan mengundi di dua kawasan pilihan raya umum adalah tidak berasas sama sekali.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat dari Keningau bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya apa yang dihuraikan itu telah lari daripada tujuan yang sebenar disebabkan apa yang kita tekankan mengenai undi pos di kem tentera ini ialah bahawa apabila kumpulan tentera itu sudah berpindah ke negeri lain, nama mereka itu tidak dikeluarkan daripada Buku Daftar Pemilih itu. Masih ditinggalkan di sana. Ini bererti apabila kumpulan tentera yang baru datang, didaftarkan semula maka bertambahlah bilangan pengundi di kem tentera itu yang sepatutnya tidak bertambah ataupun mengikut pemindahan itu nama tentera itu sudah dikeluarkan daripada Buku Daftar Pemilih. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan mengenai dengan apa yang saya maksudkan sebenarnya.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Keningau. Minta dia ulang semula.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Mungkin bahasa saya tidak begitu tepat. Maksud saya adalah tertumpu kepada bilangan undi pos yang ada di kem tentera yang mana pada asalnya pengundi-pengundi tentera itu apabila didaftarkan memang dimuatkan dalam Buku Daftar Pemilih. Tetapi apabila kumpulan tentera ini sudah berpindah ke lain negeri, nama mereka itu tidak dikeluarkan, tidak mengikut pemindahan mereka ke lain negeri itu tetapi ditinggalkan di dalam

Buku Daftar Pemilih. Jadi, apabila ada anggota tentera yang baru didaftarkan, ini bererti bahawa undi pos itu masih lagi banyak. Yang sepatutnya undi pos yang dikatakan undi anggota tentera yang sudah pindah itu sepatutnya dikeluarkan daripada Buku Daftar Pemilih itu. Ini yang dimaksudkan.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Terima kasih. Yang Berhormat, mungkin agaknya proses hendak menukar tempat mengundi itu dibuat agak lewat sedikit dan pihak SPR mungkin tidak sempat untuk mendaftarkan semula di tempat yang lain. Itu mungkin boleh dibetulkan dalam pilihan raya yang akan datang kelak, insya-Allah.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya pernah menjadi pengundi pos. Tempat pendaftaran saya asal, kalau pandangan di Sarawak, tempat pendaftaran saya yang asal ialah di Sarikei, iaitu kawasan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Tempat pengundian saya tidak ditukar sampai tahun 1988 bila saya sendiri membuat penukaran. Itu menunjukkan pihak askar, pihak polis tidak terlibat langsung soal pendaftar mana pergi orang mereka. Itu menunjukkan memang tiada penglibatan pihak polis, pihak askar, pihak jabatan Kerajaan tidak ada terlibat. Kalau dia hendak tukar di mana dia hendak undi, bila siap tempat perkhidmatan dia tukar ke tempat lain, dia sendiri yang minta permohonan, bukan pihak Kerajaan ataupun jabatan polis ataupun askar. Jadi saya hendak minta penjelasan dari Kementerian, adakah Kementerian hendak terlibat dalam soal pendaftaran pengundi-pengundi daripada polis dan askar.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kementerian Pertahanan tidak ada langsung tugas ataupun membuat apa-apa dari segi pendaftaran. Itu dibuat oleh pihak SPR semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Keningau juga supaya ATM memberi maklumat, sebenarnya kekuatan anggota tentera di satu-satu kem, adalah tidak logik. Maklumat-maklumat berkenaan adalah maklumat rahsia tentera. Sekiranya jatuh ke tangan musuh, boleh menjejaskan keselamatan negara. Kementerian Pertahanan tidak boleh memberikan sewenang-wenangnya jumlah sebenar kekuatan anggota tentera dalam kem-kem kepada mana-mana pihak atas kepentingan keselamatan negara. Yang Berhormat dari Keningau dalam ucapannya dengan jelas juga mahu nama-nama dan maklumat-maklumat anggota tentera di kem-kem diberitahu kepada pihak umum ataupun SPR kononnya hendak mengelak penyelewengan di peringkat pendaftar pemilih. Ini menunjukkan Yang Berhormat dari Keningau tidak berpandangan jauh dan pandangan luas dan begitu jahil tentang isu-isu keselamatan dan pertahanan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dengan memberikan maklumat-maklumat nama-nama anggota, serta lain-lain maklumat kepada orang-orang tertentu, secara tidak langsung kita mendedahkan kekuatan anggota tentera kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, nama-nama anggota yang mendaftar di kem adalah mengikut senarai daftar pilihan raya tahun semasa. Sekiranya ada anggota baru bertukar, nama mereka tidak disenaraikan dalam daftar pemilih di kem tersebut. Mereka dikehendaki mendaftar semula apabila pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih dibuka oleh pihak SPR. Kementerian Pertahanan tidak nampak bagaimana penyelewengan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau boleh berlaku. Maklumat mengenai pemindahan, penukaran anggota tentera sememang diberi oleh pihak ATM kepada SPR,....

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
(Bangun)



**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tuan bangun minta jalan.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** .....dan ini dilakukan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, memandang pendaftaran pemilih dibuka setahun sekali, maka pihak SPR kebiasaannya akan membuat pengesahan lokasi pemilih pada waktu tersebut.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata tadi bahawa tidak ada terlibat di dalam pendaftaran pengundi, tetapi kemudian pula berkata bahawa anggota tentera diarah untuk mendaftar di lain tempat. Ini bererti kalau tidak diarah, mereka tidak akan membuat pendaftaran. Dan kalau arahan itu dilambat-lambatkan, memang mereka tidak akan mendaftar. Itulah sebabnya di Sabah, khususnya di Kem Lok Kawi, bertahun-tahun anggota tentera telah dipindah, tetapi masih juga di situ. Jadi, bukannya ini satu perkara yang disengajakan. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira penjelasan saya sudah begitu jelas, yang mana kita semua tahu bahawa tugas kita sebagai warganegara Malaysia mahu pun anggota tentera ataupun awam adalah semuanya berdaftar, bukan sahaja mereka bertugas. Dan lain-lain masalah sekiranya ada, adalah masalah yang tak kena-mengena dengan Kementerian Pertahanan. Saya tak perlulah terus lagi membawa perkara-perkara yang sama yang telah saya sentuh....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Machang bangun, hendak beri jalan.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:**.....jelaskan, terang sebentar tadi.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampak daripada penjelasan dan penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, seolah-olah sistem undi pos ini perfect, tidak ada salah, tidak ada kesilapan, semuanya berjalan dengan baik. Saya minta penjelasan Yang Berhormat, Yang Berhormat mahu buktikan kalau saya beri kepada Yang Berhormat bahawa apa Yang Berhormat kata ini tak betul, dengan syarat Yang Berhormat beri jaminan bahawa anggota-anggota tentera tersebut jangan diambil tindakan oleh tentera. Saya ada banyak bukti-bukti di hadapan saya bahawa penyelewengan ini berlaku, Yang Berhormat. Saya ada statutory declaration daripada anggota tentera yang mengatakan bahawa paksaan dan ugutan ini berlaku. Apa Yang Berhormat hendak bukti-bukti ini saya boleh beri dengan jaminan bahawa Yang Berhormat tidak akan mengambil tindakan kepada anggota-anggota tentera ini. Boleh atau tidak?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada pihak yang tertentu. Tepuk dada tanya selera, apa pasal tanya saya. Tak perlu tanya saya, Tuan Yang di-Pertua. Apa pula perlu jaminan-jaminan. Jangan berdialog di sini, saya sudah jawab. Saya rasa tepuk dada tanya selera, bebas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Kuala Pilah supaya memberikan perhatian yang serius ke atas keperluan-keperluan asas anggota tentera, adalah dimaklumkan Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin di atas masalah berkenaan dan sentiasa menjaga kebajikan anggota ATM. Kementerian sentiasa berusaha mencari

langkah-langkah positif untuk memenuhi keperluan-keperluan ATM sejajar dengan pengorbanan mereka menjaga keamanan negara. Pengorbanan mereka ini tak dapat dibayar dengan wang ringgit semata-mata. Dalam hal itu, sayugia dimaklumkan bahawa faktor kenaikan gaji bagi anggota ATM hanyalah merupakan salah satu daripada usaha ke arah tujuan tersebut. Langkah-langkah lain yang telah dan sedang diambil untuk menangani perkara ini ialah mengkaji semula syarat-syarat perkhidmatan ATM sesuai dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja beberapa ulasan yang dapat saya berikan di atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang disebutkan sebentar tadi. Sekiranya ada perkara-perkara lain yang tidak dapat saya jelaskan di sini, Kementerian saya akan mengkaji dan mengambil perhatian sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

*4.29 ptg.*

**Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' Haji Annuar bin Haji Musa):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbahasan Ucapan Menjunjung Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Saya suka memberikan penjelasan atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat khususnya yang telah menyentuh mengenai Program Pemulihan Rakyat Termiskin dan juga mengenai perlaksanaan program kemudahan infrastruktur yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah bercakap dengan panjang lebar mengenai kemiskinan di luar bandar dan Kementerian ingin mengucapkan terima kasih dan kita berharap keprihatinan Ahli Dewan Undangan Negeri Pasir Mas sedikit sebanyak mencerminkan keprihatinan Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan khususnya tentang masalah kemiskinan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan akan tetap meneruskan objektif mengurangkan kemiskinan seperti mana yang telah termaktub dalam Dasar Pembangunan Nasional. Menurut dasar tersebut kadar kemiskinan akan dapat dikurangkan sehingga 0.8% menjelang tahun 2000 dan kita yakin masalah kemiskinan ini boleh ditangani dan dapat dikurangkan.

Dan kita sama sekali menolak dakwaan bahawasanya kemiskinan kononnya atas alasan ianya merupakan satu takdir, maka ianya harus dibiarkan begitu sahaja.

Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sahaja telah diperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM266 juta di bawah Program PPRT yang mana setakat ini 70% telah pun dibelanjakan sehingga akhir tahun 1994.

Kementerian telah mengenal pasti beberapa faktor yang membawa kepada kejayaan program-program di bawah PPRT dan oleh kerana mulai pada tahun ini Program Pembasmian Kemiskinan telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar, maka ianya akan diberikan perhatian yang lebih bersungguh-sungguh. Tetapi suka lah Kerajaan Pusat memberikan penegasan bahawa kejayaan untuk melaksanakan tanggungjawab pembasmian kemiskinan ini, amat memerlukan kerjasama Kerajaan Negeri bagi memastikan kejayaannya.

Sukacita dinyatakan terdapat beberapa Kerajaan Negeri yang langsung tidak mengambil sebarang tindakan, hatta jawatankuasa yang sepatutnya diwujudkan bagi menyelaraskan pelaksanaan Program Rakyat Termiskin, tidak pernah bersidang walaupun sekali dalam setahun. Terdapat Kerajaan-Kerajaan Negeri yang tertentu telah mengambil sikap yang mengangapkan ini tidak menjadi tanggungjawab yang penting yang menyebabkan negeri-negeri tertentu masih berada dalam keadaan kemiskinan yang cukup tinggi. Walaupun terwujud keadaan yang sedemikian .....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Boleh atau tidak dijelaskan negeri-negeri mana secara khusus yang tidak memberi response kepada perjuangan Kerajaan Barisan Nasional untuk membela nasib rakyat miskin?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan negeri-negeri hanya satu negeri sahaja. Dan saya tidak berhasrat untuk menyebutnya kerana takut saya pun tumpang malu sama. (Ketawa)

Kita berharap keadaan seperti ini tidak akan berpanjangan dan kita berharap semua pihak akan bersama-sama dengan mendokong iltizam Kerajaan Pusat untuk menjadikan masalah kemiskinan ini sebagai agenda yang utama yang akan sama-sama kita selesaikan. Kerajaan Pusat akan menjalankan beberapa tindakan bersepadu dengan penjelasan yang lebih baik bagi memastikan keperluan golongan sasar dirancang secara menyeluruh bagi mengelakkan daripada berlakunya pertindihan bantuan serta memastikan bantuan sampai ke kumpulan sasar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan soal projek-projek pembangunan di luar bandar, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Yan, Sipitang, Tanjong Karang, Pasir Mas dan Tambun telah membangkitkan tentang keadaan jalan-jalan raya yang tidak baik yang terdapat di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar dan telah pun mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah jalan yang kurang baik di luar bandar. Jumlah peruntukan yang disediakan adalah cukup besar, walaupun saya memahami jumlah itu masih belum mencukupi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan peruntukan-peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam antaranya adalah seperti berikut.

Bagi jalan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan disediakan sebanyak RM630 juta dan sehingga Disember 1994 sebanyak RM596 juta atau 94% telah habis dibelanjakan.

Bagi jalan-jalan kampung, peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM483 juta dan sebanyak RM364 juta atau 76% telah pun dibelanjakan. Cuma bagi bekalan air luar bandar, di mana penyediaan peruntukan sebanyak RM424 juta disediakan tetapi sehingga tahun 1994 hanya RM278 juta atau 65% sahaja yang dapat dibelanjakan.

Bagi bekalan elektrik sebanyak 52% telah pun dibelanjakan. Ini menunjukkan....

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Pada masa pemerintahan PBS di Sabah, ada tuduhan mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak memberi bantuan pembangunan untuk negeri Sabah, apakah ini benar atau tidak?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar! Seperti mana yang kita semua maklum dan terdapat dalam rekod bahawasanya Kerajaan-kerajaan yang di bawah Pemerintahan Pembangkang termasuk Sabah dan Kelantan terus menerima bantuan, tetapi seperti mana biasa apabila Kerajaan itu berpindah kepada Barisan Nasional kerana mudah kita menyalurkan kita salurkan lebih sedikit daripada biasa.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Keningau bangun Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau benarlah ada bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, kenapa jalan-jalan raya yang di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan daripada Kota Kinabalu ke Kudat, daripada Kota Kinabalu ke Sandakan dan ke Lahad Datu, semuanya dalam keadaan yang buruk, kenapa tidak ada kewangan untuk 'maintenance'?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Itu adalah kerana sikap Kerajaan Sabah sendiri pada masa itu yang tidak berjaya mewujudkan hubungan yang baik!  
(Tepuk)

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Speaker, ini bercanggah dengan apa yang diumumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional bahawa tujuan mereka datang ke Sabah adalah untuk membantu rakyat dan apabila kita membantu rakyat ini tanpa mahu mengira apakah latar belakang ataupun kepercayaan terhadap apa-apa parti — sepatutnya, kerana rakyat Malaysia. Ini menunjukkan sikap negatif!

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat harus merenung semula di zaman-zaman pemerintahan yang mana Ahli Yang Berhormat itu berkuasa. (Tepuk) Adalah menjadi perkara biasa 'principle of reciprocity' kita boleh menghulurkan bantuan dengan syarat adanya suasana yang 'conducive' untuk memungkinkan kerjasama yang sedemikian.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
Ugutan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah sikap Barisan Nasional selalu mengugut-ugutkan dan menakut-nakutkan untuk mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tentang kemurnian sikap Barisan Nasional boleh dilihat daripada keputusan pilihan raya secara demokrasi. (Tepuk)

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk ...

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada dua yang bangun!

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Silakan!

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, kemenangan beberapa kerusi Barisan Nasional di negeri Sabah adalah di atas penggunaan 'pengundi-pengundi hantu'!

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, ini dalam bahasa Inggeris, dengan izin, 'sour grapes'.  
(*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, inilah gelagat Pembangkang, tadi pun membincang soal pengundi pos dan sebagainya. Dan saya hendak menjelaskan sedikit.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Satu lagi bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, biar saya menjelaskan dahulu apa yang saya hendak sebutkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sekejap!

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Termasuk soal 'pengundi hantu', 'undi tentera', 'undi paksa' — pada hal Pembangkang terlupa dalam sejarah kemenangan mereka! Misalnya dalam soal undi tentera. Pernah ada kem-kem tentera tertentu yang mana Pembangkang dapat undi lebih banyak daripada Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Ahli Yang Berhormat dari Machang yang banyak bercakap dahulu, dalam masa pilihan raya tahun 1990 beliau dapat 900 undi daripada kem tentera berbanding dengan BN hanya 1,100 perbezaan 200. Tetapi bila undi banyak dapat — diam!

Kononnya pilihan raya adil. (*Tepuk*) Tetapi kali ini apabila undi mereka merosot banyak, kerana ada perubahan sikap di kalangan tentera, maka kononnya ada tekanan, ada paksaan, berlaku tidak adil. Ini 'sour grapes'.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ...

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(*Bangun*)

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Sila!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tuaran.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kata tadi bahawa semasa PBS memerintah, bantuan tidak dapat dihulurkan oleh kerana tidak ada hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah telah merdeka dalam Malaysia selama lebih kurang 36 tahun dan berada di luar Barisan Nasional hanya 3 tahun. Namun demikian, kemiskinan di Sabah dikatakan begitu banyak ataupun tinggi.

Jadi, adakah ini menunjukkan bahawa walaupun Sabah berada di dalam Barisan Nasional, Barisan Nasional itu juga gagal untuk memantapkan ekonomi negeri Sabah? Itulah yang saya ingin tanyakan!

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, membicarakan soal kemiskinan, kita harus melihat kebelakang. Bagaimana keadaan Sabah dalam masa 20 tahun yang lalu dan itu boleh dihitung dan itu boleh disukat tetapi pembangunan negeri Sabah jelas tergendala semasa di bawah pemerintahan PBS kerana sikap PBS sendiri pada masa itu tidak berjaya mewujudkan hubungan yang lebih baik bagi membolehkan dan memudahkan Kerajaan Pusat menghulurkan bantuan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
Tuan Yang di-Pertua, pembangunan tidak boleh dilaporkan dalam 3 tahun sahaja. Jadi, saya ingin tanya apa yang dibuat selama 27 tahun yang lalu?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:**  
Apakah saudara ingat di Sabah sekarang semuanya hutan belantara belaka? Tidak pernah ada pembangunan? Saya percaya sejak di bawah pemerintahan Barisan Nasional apa yang telah ada di Sabah, hendak disebut yang dibawa oleh PBS barangkali sedikit sekali. Apa yang ada di Sabah selama ini adalah apa yang pernah dibuat oleh Barisan Nasional dahulu. Bukannya dibuat oleh PBS dalam masa tiga tahun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, yang dibelakang itu.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
Saya rasa itu satu pemesongan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional di Sabah sekarang adalah sebagai projek-projek sambungan yang dibuat oleh Parti Bersatu Sabah.  
(Ketawa)

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Libaran bangun Yang Berhormat.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada Menteri dan Kementerian Luar Bandar yang telah begitu aktif bergerak untuk memperbaiki

jalan-jalan di kawasan luar bandar di negeri Sabah. Memang jelaslah parti PBS ini cuba tahu membangkang sahaja dan saya yakin dan percaya bahawa pemimpin-pemimpin PBS ini cuma naik kapal terbang sahaja, tidak pernah berjalan di jalan-jalan raya dari Kota Kinabalu ke Sandakan. Justeru itu saya minta penjelasan kepada Kementerian untuk menerangkan kepada pihak Pembangkang yang mungkin masih kabur atau tidak dengar atau masih tidur tentang program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar selama 3 tahun kebelakangan ini.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:**  
Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa yang sebenarnya pihak Pembangkang bukan tidur dan juga bukan tidak sedar, cuma dia berjerebu sedikit selepas pilihan raya. Jadi, tidak payahlah saya layan semua.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Keningau bangun Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, disebabkan Ahli Yang Berhormat dari Libaran tadi ada minta penjelasan mengenai dengan projek-projek luar bandar yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1994 — tolonglah senaraikan, adakah?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:**  
Senarai untuk projek sepanjang tahun 1994 boleh saya berikan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kerana menjadi Peguam percuma kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional — di belakang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan sedikit kepada Menteri. Oleh sebab banyak persoalan yang bertanya tentang track record dan kalau kita lihat kebelakangan ini Barisan Nasional baharu 1 tahun — sebelum itu siapa yang memerintah? 9 tahun siapa yang memerintah? PBS. Jadi, sewajarnya penilaian, kalau di dalam Dewan yang mulia ini, track record 9 tahun — berapa banyak jalan dibuat, taraf kemiskinan kita sudah banyak diperturunkan, berapa bantuan-bantuan telah diberi, hendak minta 'capua'. Boleh Menteri beri 'capua' (kira-kira) ini? Itu sebenar ukurannya dan itu perlu diperbincangkan. Bukannya apa yang kita hendak buat di masa akan datang. Di masa akan datang kita tidak bimbang, kerana Barisan Nasional akan tetap bela.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** *(Bangun)*

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nanti sekejap, beri dia jawab dahulu. Sudah salah peraturan, beri dia jawab dahulu.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir biarlah masalah kemelut zaman PBS itu menjadi sejarah untuk anak cucu rakyat Sabah sahajalah. Mudah-mudahan sejarah itu tidak akan berulang.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak berikah Yang Berhormat?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penegasan di sini sama ada Sabah ataupun Kelantan ataupun negeri-negeri yang lain dalam soal urusan pembangunan luar bandar akan kita terus berikan perhatian yang bersungguh-sungguh.

Ahli Yang Berhormat dari Santubong telah mengaitkan kenyataan saya bahawa RMI bilion telah pun diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi program PPRT. Ingin saya membuat sedikit pembetulan mengenai kenyataan tersebut, sebenarnya apa yang dimaksudkan ialah peruntukan bagi Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM1.076 bilion, sementara peruntukan di bawah program yang sama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh belum lagi ditentukan. Tetapi apa jua komitmen yang pernah kita lakukan sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, kita akan terus dokong dan teruskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Kerajaan akan senantiasa membuat penilaian mengkaji semula semua pakej-pakej yang terdapat dalam rancangan Program Pembangunan Rakyat Termiskin supaya ianya mencapai matlamat program. Kini Kerajaan telah membuat beberapa perubahan dengan memberikan penekanan kepada aspek pembangunan insan, latihan kemahiran, projek ekonomi yang berdaya maju dan peningkatan kemudahan-kemudahan pembelajaran supaya masyarakat termiskin dapat digemblengkan menjadi aset yang produktif dalam pembangunan negara. Untuk itu, sukacita saya menegaskan bahawa tumpuan yang khusus dan yang lebih lagi akan diberikan

kepada beberapa negeri seperti Sabah, Kelantan, Kedah, Sarawak, Terengganu dan Perak kerana negeri-negeri ini adalah antara negeri yang mempunyai bilangan rakyat termiskin yang agak tinggi. Kerajaan juga akan memastikan agar program PPRT ini dapat dimanfaatkan oleh mereka yang benar-benar layak dan ini akan dilakukan dengan mengemas-kinikan mekanisma-mekanisma pelaksanaan program dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap telah meminta supaya peruntukan yang lebih banyak hendaklah disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dalam usaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas terutamanya jalan-jalan dan menaikkan taraf jalan yang sedia ada di luar bandar.

Saya ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang menunjukkan keprihatinan yang tinggi, maka sebab itulah pagi esok saya akan memberikan taklimat atas permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional tentang rancangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar dapat diberikan kerjasama oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Bandau bangun.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Menteri yang berkenaan bertanggungjawab terus untuk mengurangkan kemiskinan negara, khususnya di negeri-negeri yang dikatakan mundur seperti di negeri Sabah. Barisan Nasional negeri telah berjanji untuk

mengurangkan kemiskinan ke tahap '0' (sifar) pada tahun 2000. Saya ingin bertanya apakan tindakan Kementerian ini dan program-program yang khusus untuk mencapai matlamat tersebut kerana setakat ini apa yang dijalankan adalah program-program biasa sahaja.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Satu pelan tindakan untuk Sabah sedang diaturkan termasuklah untuk mengemas-kinikan jentera-jentera pelaksanaannya. Satu daripada langkah sekiranya boleh saya sebutkan di sini ialah untuk membawa agensi penyatuan dan pemulihan tanah kerana di lihat di Sabah tanah adalah merupakan aset yang tersedia ada yang boleh digunakan untuk membantu masalah kemiskinan.

Untuk itu, Kerajaan Negeri Sabah pimpinan Barisan Nasional telah memohon kepada Kerajaan Pusat dan mengundang agensi Kerajaan Persekutuan iaitu FELCRA untuk diwujudkan dan berfungsi di negeri itu dan Kerajaan Pusat telah bersetuju agar FELCRA dengan segera mewujudkan operasinya di Sabah dan akan mengambil tindakan-tindakan pemulihan dan penyatuan tanah sebagai satu daripada lead agency yang akan menjalankan pelbagai program pembasmian kemiskinan yang akan dijalankan di negeri itu.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bandau bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Speaker dan Menteri. Satu lagi, bilakah rancangan itu dijangka dilaksanakan? Kedua, di manakah... (Disampuk) Esok, terima kasihlah kalau esok tetapi saya tahu juga, rekod Barisan Nasional tidak begitu.



Tuan Speaker, di manakah tempat-tempat kawasan tanah yang telah difikirkan ataupun dikenal pasti untuk dilaksanakan dan dari segi pentadbirannya nanti, adakah jentera Kerajaan ini iaitu FELCRA, akan dikendalikan oleh orang-orang tempatan atau pegawai-pegawai akan diangkat dari sini tanpa penyertaan pegawai-pegawai tempatan?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Sukacita dimaklumkan mengenai penubuhan FELCRA bukannya esok tetapi bulan lepas, pejabat telah pun dibuka, untuk makluman Yang Berhormat (*Tepuk*) dan lusa saya akan ke Sabah untuk bertemu dengan pegawai-pegawai yang telah pun dihantar ke sana. Ini menunjukkan Barisan Nasional cekap, lebih awal dari soalan Yang Berhormat. (*Tepuk*)

Mengenai tempat di mana kita akan jalankan program pembangunan, kita akan teliti dan kaji tempat yang didapati sesuai tetapi antara kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti ialah kawasan-kawasan yang balaknya telah diambil oleh PBS, tinggal tanahnya yang akan kita majukan. (*Tepuk*)

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Keningau.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Speaker, ini adalah sangkaan jahat. (*Ketawa*) Out of order!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sangkaan jahat ini tidak ditujukan kepada individu. Sebentar, ya.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Yang Berhormat, adakah bermakna PBS tidak pernah mengambil kawasan balak daripada Sabah?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Memang tidak!

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Ini satu pembbohongan besar, Yang Berhormat. (*Tepuk*)

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat, sekejap.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Barisan Nasional selalu menggunakan tuduhan-tuduhan.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan. Sarawak mempunyai lebih kurang 5,000 buah rumah panjang dan beberapa ratus kampung berjauhan dan berada di kawasan-kawasan pedalaman yang jauh.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan tentang bekalan elektrik iaitu RES. Sehingga tahun 1993, peruntukan dari Persekutuan semua dilaksanakan oleh SESCO (Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak) dan hasilnya cukup baik, tetapi dari tahun 1994 sampai sekarang projek ini telah diambil oleh satu syarikat swasta. Tetapi sampai sekarang, lebih kurang setahun setengah satu projek RES (Rural Electric Scheme) belum dilaksanakan. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah Kerajaan Persekutuan kaji semula untuk memujuk SESCO balik untuk melaksanakan projek itu kerana syarikat swasta itu tidak ada ofis atau tenaga kerja dan kemudahan-kemudahan untuk melaksanakan projek itu khasnya di Sarawak kerana area begitu luas.

Yang kedua, RES iaitu bekalan elektrisiti luar bandar ada satu sistem iaitu laksanakan projek demi projek. Maksudnya kalau ini projek sudah tutup, pengguna yang membina rumah lebih lambat tidak menerima kemudahan RES. Kerana itu saya ingin mencadangkan iaitu adakan satu fund yang spesifik untuk....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta penjelasan jangan terlalu panjang. Minta pendekkan sedikit.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Satu minit, kerana saya tidak ada chance berucap dalam perbahasan. Bolehkah RES tidak menjalankan projek ke projek? Projek jangan tutup. Apabila nanti ada tambahan rumah, mereka pun boleh terima kemudahan RES. Ini sahaja dua perkara, terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Kementerian amat menyedari perkara ini dan atas sebab itulah kita memperkenalkan pendekatan yang berbeza bagi memastikan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar di Sarawak dapat dijalankan dengan lebih baik. Saya mengakui bahawa sehingga ke tahun 1993 kita menggunakan perkhidmatan SESCO untuk pelaksanaan projek ini.

Kemudian pada awal 1994, kita telah menerima permohonan dan pengesyoran dan pihak swasta untuk melaksanakan projek ini secara turnkey dan pihak Kementerian Kewangan telah membuat penilaian dan telah pun membuat keputusan agar kita mencuba pendekatan menggunakan konsep pelaksanaan secara turnkey di mana sebuah syarikat telah dipilih sebagai syarikat payung induk dan melaksanakan secara serentak dengan memilih beberapa syarikat di bawahnya. Tetapi oleh kerana proses pemilihan itu telah memakan masa, maka saya mengakui dalam projek tahun 1994 telah tergendala, sehinggalah hanya pada awal tahun 1995 barulah perjanjian dapat ditandatangani antara Kerajaan dengan syarikat yang berkenaan bagi pelaksanaan projek tahun 1994 dan 1995. Saya telah mengarahkan pegawai yang tertentu untuk membuat satu penyelidikan ke tapak untuk melihat dan mengkaji keupayaan

dan prestasi syarikat itu dan daripada laporan yang diberikan bahawasanya projek ini boleh berjalan dengan lebih baik sebaik sahaja kerja-kerja dan perlantikan yang telah dibuat itu.

Walau bagaimanapun, sukacita saya menegaskan bahawa kita akan mengawal selia pelaksanaan projek ini dan sekiranya syarikat yang diberi tanggungjawab itu gagal memenuhi peraturan dan syarat dan menunjukkan efisiensi yang lebih baik, Kerajaan tidak teragak-agak untuk menarik semula dan mengkaji semula cara dan pendekatan yang dipakai.

Sukacita saya menegaskan dalam masalah Sabah dan Sarawak, sistem pelaksanaan menjadi cukup penting, sebab itu kita amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bahawa pelaksanaannya tidak lagi secara ad-hoc ataupun projek ke projek. Apa yang akan dilakukan ialah suatu perancangan jangka panjang selama 5 tahun yang mana seperti mana saya akan terangkan esok kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, di mana Ahli-ahli Parlimen akan diminta memberikan input dan senarai-senarai projek yang difikirkan perlu. Kemudian ia akan disemak dan peruntukan 5 tahun akan disediakan dan ia akan terus dilaksanakan secara pakej yang tidak perlulah proses tender yang berulang-ulang dan memakan masa yang lama itu diteruskan. Ini saya sedang mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sukacita saya memaklumkan bahawa persiapan...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada dua yang bangun lagi. Hendak beri Yang Berhormat yang mana?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:**  
Saya hendak beri Tumpat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tumpat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih kepada Yang di-Pertua. Saya hanya sekadar untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat. Berapakah peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibelanjakan untuk dua rancangan Malaysia yang lalu di bawah bantuan skim PPRT yang telah dibelanjakan di Kelantan?

Yang kedua, berapakah peruntukan untuk jalan-jalan di luar bandar yang telah dibelanjakan oleh pihak Kementerian dan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan datang, berapakah peruntukan yang disediakan untuk Kelantan bagi pembinaan jalan-jalan di luar bandar dan juga di bawah skim bantuan PPRT untuk Kelantan?

Apakah pihak Kementerian boleh memberi jaminan bahawasanya segala projek yang akan dilaksanakan itu akan dilaksanakan dengan seadil-adilnya menurut prosedur-prosedur yang sebaik-baiknya, iaitu dengan adanya kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kelantan — tidak sebagaimana yang lepas-lepas sebagaimana saya difahamkan dan saya tahu semua bantuan itu sama ada untuk pembinaan jalan luar bandar, sama ada untuk bantuan kepada orang-orang miskin, benda itu dijadikan sebagai senjata untuk mempengaruhi rakyat bagi menyokong Barisan Nasional. Saya rasa itu soalan yang pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak sambung lagi?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:**  
Ada lagi hendak sambung, boleh. (*Ketawa*) Tidak ada? Baik. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang ingin tahu berapa banyak program-program PPRT yang dilaksanakan di Kelantan, kalau saya sebut, dia terperanjat. Program di bawah PPRT ini berbagai-bagai — ada program rumah, peningkatan ekonomi, ada scholarship, bantuan makanan dan sebagainya.

Saya ambil satu sahaja — ASB. Di negeri Kelantan, borang yang telah diisi dan telah diluluskan oleh pihak yang bertanggungjawab berjumlah 22,000. Yang Berhormat tolong kalikan dengan RM5,000 seorang. Kalau tak silap saya, kira-kira RM100 juta hanya untuk Kelantan sahaja dan semuanya diberikan dengan tidak mengira soal mereka itu datang daripada parti apa, tidak pernah disemak mereka bayar yuran apa dan pangkah parti apa, lebih-lebih lagi kita tahu dan kita sedar di Kelantan ada satu pantun yang berbunyi;

Beri gula — kacau,  
Beri kain — pakai,  
Beri lembu — heret,  
Pangkah — pangkah PAS! (*Ketawa*)

Walaupun ada pantun hasutan yang sedemikian, saya beri penegasan, soal kemiskinan melewati batasan-batasan politik dan itu prinsip yang akan dipertahankan oleh Kerajaan Barisan Nasional! (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat....

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:**  
Yang timbul, yang menjadikan masalah kerana adanya hasutan-hasutan sehingga menjadikan mereka yang layak menerima bantuan tidak digalakkan untuk

memohon, kononnya bantuan ASB adalah haram. Kononnya jangan pergi ke rumah tok penghulu yang dipertanggungjawabkan untuk memproses bantuan-bantuan. Oleh kerana diajarkan budaya yang sedemikian, maka ada rakyat yang tertinggal di bawah program ini.

Saya percaya keadaan ini boleh diperbaiki dan saya nampak ada perubahan ke arah yang positif dan itulah yang saya doakan. Dengan adanya pertanyaan, ertinya ada keinginan dan adanya keprihatinan dan insya-Allah, saya berani beri jaminan kepada Yang Berhormat, malah saya sudah tegaskan kelmarin, saya sudah menulis surat secara rasmi kepada Menteri Besar Kelantan, minta untuk berjumpa, hendak membincang khusus tentang pelaksanaan program-program agar rakyat Kelantan tidak ketinggalan kerana masalah-masalah dan karenah-karenah yang kita boleh elakkan dan kita utamakan kepentingan rakyat. Kalau Barisan Nasional berani mengambil tindakan dan pendekatan yang sebegini, saya tak nampak kenapa PAS tidak dapat menyahut seruan Kerajaan Pusat untuk membela orang miskin. *(Tepuk)*

Tentang peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, ini belum lagi selesai dan sedang dalam perancangan. Sekali lagi saya beri penegasan, Kelantan tetap dalam pertimbangan seperti mana juga negeri-negeri yang lain dan kerana kebetulannya, jumlah bilangan rakyat termiskin di Kelantan mengikut bancian 1993 berjumlah 24,000 orang, antara yang tertinggi ataupun yang paling tinggi, maka tentulah usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan peruntukan yang sewajarnya, keutamaannya akan tetap ada untuk Negeri Kelantan. Saya harap Yang Berhormat yakinkanlah pimpinan Yang Berhormat untuk memainkan peranan yang lebih positif.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *(Bangun)*

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *(Bangun)*

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Tiga orang yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri pada siapa?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Keningau.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Keningau.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang tertarik dengan dasar yang ditekankan bahawa apabila kita bantu rakyat termiskin itu, kita tidak perlu mengetahui tentang latar belakang kepercayaan politik mereka. Saya minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan di sini, kenapa pula di kawasan saya, banyak yang memohon ASB ini, mereka diminta pula mengisi borang UMNO, kalau tidak, tidak dapat.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Mengisi borang UMNO tidak menjadi kesalahan, boleh isi. Kalau diminta dan sukarela isi, isi. Kalau tidak isi, tidak akan didakwa di mahkamah, insya-Allah. Tetapi tentang soal bantuan-bantuan ini, seperti mana dasarnya adalah jelas. Bagi negeri Sabah, sepanjang masa PBS memerintah, usahkan hendak bantu, banci pun tidak. Kita baru selesai buat bancian, kita dapati di Sabah sekurang-kurangnya ada 16,000 keluarga yang perlukan perhatian yang segera.

Dengan sukacita saya memberi pene-  
gasan, 16,000 yang baru dibanci di Sabah,  
16,000 yang baru dibanci di Sarawak akan  
terlibat dalam pendekatan konsep  
PRAKTIS ataupun Program Rakyat  
Termiskin secara pakej. Mereka ini akan  
disusun kaedah-kaedah bantuan dan kalau  
kurang campur tangan politik hendak  
menghalang perkara ini daripada parti-  
parti Pembangkang, maka insya-Allah,  
semuanya akan terima bantuan.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan  
Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri  
mengelakkan jawapan. Tadi dia mengata-  
kan bahawa tidak kira fahaman politik,  
bantuan rakyat termiskin ini diberi kepada  
rakyat termiskin, tetapi apabila saya  
menyentuh bahawa di kawasan saya,  
orang-orang yang memohon bantuan ASB  
ini, mereka tidak diberi bantuan kalau  
mereka ini tidak masuk dahulu parti  
UMNO. Jadi, saya menekankan di sini  
bahawa ini adalah satu ugutan. Ini adalah  
satu sikap yang menakutkan. Ini adalah  
bertentangan dengan — ini musim pilihan  
raya — ini bertentangan dengan prinsip  
demokrasi dan undang-undang pilihan  
raya. Kenapa berlaku begitu sedangkan  
Yang Berhormat mengatakan bahawa  
tidak mengira fahaman politik, mesti  
dapat!

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:**  
Saya sebutkan, dasar adalah jelas bahawa  
bantuan untuk rakyat termiskin tidak  
mengira fahaman politik. Dakwaan Yang  
Berhormat saya perlukan bukti dan insya-  
Allah, saya sedia menyelidiki perkara ini.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji  
Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bandau.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan  
Yang di-Pertua, saya ingin merujuk  
kembali kepada rancangan Kerajaan  
untuk membasmi kemiskinan di Sabah,  
khususnya dalam 3½ tahun yang tinggal  
ini mengenai rancangan pembangunan  
FELCRA di Sabah yang mana saya  
percaya ini adalah satu tindakan, kalaulah  
projek itu diurus dengan baik termasuk  
syarat-syarat tertentu yang menguntung-  
kan rakyat, saya percaya kita semua juga  
sedia menerimanya. Tetapi, Tuan Yang di-  
Pertua, saya ada dua lagi perkara yang  
inginkan penjelasan mengenai perkara ini.  
Yang pertama, saya ingin bertanya tentang  
pegawai-pegawai yang terlibat dalam  
pelaksanaan. Yang Berhormat Menteri  
yang berkenaan telah menjawab bahawa  
beliau telah mengirinkan pegawai-  
pegawai dari Semenanjung ke sana.

Saya ingin bertanya, tidak adakah  
pegawai-pegawai dalam skim perkhidmat-  
an Persekutuan yang sedia di Sabah  
untuk menjalankan tugas-tugas demikian  
tanpa mengirinkan pegawai-pegawai yang  
baru dari sini sebab saya tahu ramai juga  
pegawai-pegawai dari negeri Sabah yang  
ada dalam FELDA dalam Malaysian  
Cocoa Board (MCB) dan dalam jabatan-  
jabatan yang ada kaitan dengan pema-  
ngunan tanah. Sebab ini antaranya adalah  
yang diminta dan dijanjikan oleh Barisan  
Nasional untuk memberi peluang lebih  
luas kepada orang-orang tempatan  
mengambil bahagian di dalam perkhid-  
matan awam.

Keduanya, dari segi pelaksanaan projek  
ini nanti, adakah FELCRA akan mengam-  
bil tanah ini dari Sabah ataupun sekadar  
menguruskan yang dipunyai oleh rakyat  
atau dipunyai oleh negeri Sabah? Sete-  
rusnya, bolehkah Yang Berhormat mem-  
beri jaminan bahawa apabila projek ini  
telah berterusan dimulakan nanti, bahawa  
pelaksanaannya itu semuanya dilaksana-  
kan oleh pegawai-pegawai yang dididik  
dan dilatih dari golongan tempatan?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Yang Berhormat. Suka saya jelaskan bahawa untuk peringkat permulaan, oleh kerana FELCRA itu baru dan belum pernah wujud di Sabah, maka usaha untuk mewujudkan office buat pertama kalinya harus melibatkan pegawai-pegawai yang sedia ada. Malangnya tidak ada anak-anak Sabah yang sedang berkhidmat di bawah FELCRA, maka kita menghantar pegawai yang ada yang punya pengalaman untuk memulakan kewujudan FELCRA.

Saya percaya selepas ini akan terlibat lagi pengambilan-pengambilan tenaga dan sebagainya dan seperti mana janji Barisan Nasional, memang kita mengutamakan pengambilan daripada tenaga-tenaga anak-anak tempatan. Tetapi suka saya tegaskan dasar Kerajaan Persekutuan menggalakkan interaksi antara pegawai-pegawai, malah kita ingin melihat anak-anak Sabah bekerja di Semenanjung dan pegawai-pegawai daripada Semenanjung turut menabur khidmat di Sabah. Maka bukan menjadi soal yang utama bagi FELCRA, soal anak Sabah atau tidak anak Sabah — siapa pun yang berkhidmat di bawah FELCRA Sabah, tanggungjawabnya ialah untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di Sabah.

Mengenai soal pemilikan tanah, kita ingin menegaskan bahawa bukan menjadi dasar FELCRA untuk pergi dan mengambil tanah untuk dijadikan milik FELCRA. Konsep FELCRA menggunakan tanah-tanah yang sedia dimiliki dipulihkan, dimajukan kemudian diserahkan kepada mereka yang telah dikenal pasti. Dalam konteks Sabah, sebahagian daripada tanah-tanah yang dikenal pasti itu barangkali tanah-tanah Kerajaan dan apabila dimajukan tentulah pemilikannya akan diberikan kepada para peserta.

Saya ingin memberikan jaminan sekali lagi kalau masih ada keraguan bahawasanya dalam soal pembasmian kemiskinan ini kita akan menjalankannya secara bersungguh-sungguh memastikan matlamat Kerajaan untuk menangani soal kemiskinan ini dengan berkesan akan dilaksanakan tanpa kompromi. Program-program akan terus diperbaiki, pendekatan baru akan terus diperkenalkan sementara penyeliaan dan pengawasan bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan akan dilakukan oleh Kementerian dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tumpat bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan sekarang Yang Berhormat, saya yakin tentang keikhlasan Yang Berhormat. Nampaknya air muka yang jernih, nampak keikhlasan. Tetapi yang saya tidak yakinnya pegawai-pegawai bawahan. Apakah Yang Berhormat yakin pegawai-pegawai Yang Berhormat akan melaksanakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dan oleh pihak Kementerian? Itu persoalannya. Sebab pengalaman-pengalaman saya yang lepas Tuan Yang di-Pertua, tidak sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri. Misalnya dalam isu baja, memang pihak Menteri tidak ada apa-apa. Tetapi ternyata berlaku di Kelantan, sebab di sana pihak Kerajaan Persekutuan atau JPP telah melantik penggawanya, penghulunya dan sebagainya; dan pada umumnya bantuan itu disalurkan melalui mereka ini; dan mereka ini kita tahulah bagaimana sikap-sikap mereka.

Sebagaimana yang saya telah menyebutkan tadi, mereka telah mengeksploitasi keikhlasan itu bagi mempengaruhi orang supaya mengisi borang UMNO, masuk UMNO, ikut UMNO dan menjadi boneka UMNO dan sebagainya. Ini persoalan yang berlaku di Kelantan. Untuk mengatasi persoalan ini Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat tidak bersedia sekiranya supaya bantuan misalnya untuk memperbaiki rumah yang RM3,000 itu disalurkan selain daripada penghulu-penghulu yang Yang Berhormat lantik ini, disalurkan juga melalui pejabat-pejabat D.O. misalnya. D.O. ini adalah pegawai. Bukan orang politik. Bukan disalurkan melalui saya tetapi melalui pegawai-pegawai yang dari segi perundangan maka wujudnya pegawai itu adalah diakui oleh perlembagaan dan undang-undang.

Yang kedua yang saya ingin penjelasan daripada pihak Kementerian dan Yang Berhormat Menteri, masalah jalan-jalan luar bandar ini. Apakah Yang Berhormat tidak sedar selama ini setelah jalan itu kita buat, datang pihak pegawai-pegawai Yang Berhormat buat pula jalan dan claim. Kadang-kadang kita buat sudah hampir siap, dia kata, "Berhenti dulu pasal kita buat". Beri dia buat. Dia claim. Semua sekali habis masuk saku atau poket dan kita ada bukti Yang Berhormat. Dalam persoalan ini banyak bukti-bukti yang ada pada kita ini dan Tuan Lawyer S46 pun ada, dia lawyer kita di sini (*Sambil menunjuk ke arah Y.B. dari Machang*) (*Disampuk*). Banyak fail-fail mengenai senarai bagaimana projek telah diselewengkan oleh pihak pegawai-pegawai, petugas-petugas, penghulu, penggawa Yang Berhormat lantik di peringkat daerah-daerah. Saya akui Yang Berhormat ini orang baik, orang jujur. (*Disampuk*) (*Tepuk*) Tetapi saya tidak akui orang-orang yang di bawah Yang Berhormat ini orang yang baik dan orang yang jujur dan saya

harapkan untuk projek-projek jalan luar bandar untuk masa-masa yang akan datang, kalau boleh hendaklah diselaraskan. Kalau tidak mahu selaraskan dengan Kerajaan Negeri Kelantan pun tidak apa tetapi diselaraskan dengan D.O. supaya projek itu tidak overlapping, tidak bertindih dan sebagainya. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat atas pujipujian. Saya ingat sebab saya baik saya dapat mengalahkan calon APU dalam pilihan raya yang lepas. (*Tepuk*) Yang Berhormat, saya fikir saya hendak mengajak Yang Berhormat secara ikhlas untuk merenung dengan seikhlas-ikhlasnya tentang senario dan suasana yang berlaku di negeri kita Kelantan ini. Jangan nampaknya bahawasanya penyelewengan itu kononnya dilakukan oleh orang UMNO sahaja. Saya yakin pegawai-pegawai saya, pegawai-pegawai Kementerian, pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan tidak berminat untuk bertindak bias, tetapi kadangkala Yang Berhormat harus tahu suasana bagaimana mereka bekerja. Yang Berhormat cadangkan supaya saya kebela-kangkan pegawai Kerajaan Pusat, beri pada D.O. atau pegawai-pegawai Kerajaan Negeri. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, sejauh mana Yang Berhormat yakin D.O.-D.O. itu boleh bertindak adil walaupun mereka mahu berlaku adil? Tidakkah Yang Berhormat tahu mereka dihalang daripada menyertai program Kerajaan Persekutuan?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*) Kita bersamasama supaya tidak berlaku penyelewengan, tidak disalahgunakan....

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** ...jumpa Menteri Besar pun tidak hendak jumpa. Walau bagaimanapun, kita masih harap akan ada perjumpaan itu. Saya hendak menegaskan sekali lagi....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan orang Kelantan jadi hendak tahu sikit senario Kelantan daripada Yang Berhormat. Saya dengar masa mula-mula Kerajaan PAS ditubuhkan di Kelantan, kalau tidak silap saya 2,200 orang penghulu telah diberhentikan. Jadi, selepas penghulu-penghulu ini diberhentikan apa yang telah berlaku kepada penghulu-penghulu ini? Tadi disebut supaya semua baja-baja dan sebagainya disalurkan melalui penghulu, jadi saya dengar 2,200 orang kalau tidak silap diberhentikan. Jadi, apa yang sudah jadi dengan penghulu-penghulu ini?

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Sebenarnya penghulu campur mubaligh, campur guru Al-Quran yang dipecat oleh Kerajaan APU hampir 5,000 orang dan ini membentuk suasana politik dan perkara itu tidak berhenti dengan pemecatan-pemecatan imam dan sebagainya. Sebab itu saya fikir kalau hendak melihat suasana politik Kelantan, eloklah kita renung baik-baik supaya kita tidak terlalu bias dan emosi. Sebaliknya kita memikirkan bagaimana dapat kita wujudkan suatu kejernihan dan memungkinkan suasana bekerja yang lebih baik bagi kepentingan rakyat. Saya telah memulakan langkah pertama, memberikan peluang untuk diadakan kerjasama sekurang-kurangnya dalam urusan yang boleh memberikan kepentingan dan faedah kepada rakyat.

Saya hendak menjelaskan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dipohon...

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yan bangun. Ya, kita tidak ada masa banyak lagi sekarang. Ya, barangkali kita kena panjangkan malam ini pula. Sila.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, cuma satu sahaja saya hendak minta penjelasan pasal benda ini memang benda yang cukup sensitif. Pasal bercakap dengan PAS ini memang sensitif. Jadi, di Kelantan terutama sekali di Kedah dan Terengganu ini, negeri-negeri yang mereka cuba hendak tawan tetapi rakyat cerdik. Cuma satu sahaja, adakah benar bahawa PAS dia menjanjikan syurga? Cuma saya hendak tahu syurga ini syurga buatan depakah, syurga ciptaan Tuhan yang depa hendak beri kat rakyat kalau memangkah PAS? Jadi, itulah yang saya harap penjelasan pasal Yang Berhormat dari Kelantan, saya dengar-dengar cerita sahaja.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Dalam bab ini saya tidak layak hendak jawab persoalan itu kerana perkara ini ditimbulkan oleh PAS. Biarlah PAS berikan penjelasan. Saya harap perkara itu tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penegasan sekali lagi bahawa tentang soal keadilan, pelaksanaan yang baik dan sebagainya, insya-Allah Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memastikan pelaksanaan projek untuk rakyat termiskin ini akan dilaksanakan sebaik mungkin dan tentulah ianya lebih mudah dilaksanakan apabila adanya kerjasama daripada semua pihak.



Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan berbagai pandangan menyentuh Kementerian saya dan semua pandangan yang mungkin sebahagiannya tidak dapat saya jawab pada petang ini, insya-Allah saya akan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada pandangan-pandangan dan teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan yang lalu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

5.20 ptg.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada kaitan dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah pun membangkitkan masalah bagi pemilik bangunan berstrata atau rumah-rumah pangsa yang bertingkat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga akhir tahun 1994 sebanyak 34,943 hakmilik strata telah dikeluarkan oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dari segi bilangan permohonan, sebanyak 1,425 permohonan telah diterima, 808 permohonan diluluskan, 249 ditolak dan baki 368 masih dalam proses. Kementerian ini sentiasa mengawasi pelaksanaan Akta Hakmilik Strata semenjak ianya dikuatkuasakan pada 1 Jun, 1985.

Berhubung dengan masalah kelambatan pengeluaran hakmilik strata, kajian awal telah dijalankan untuk mengenal pasti punca-punca kelambatan agar tindakan sewajarnya dapat diambil. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelewatan

disebabkan oleh semua pihak yang terlibat bagi melaksanakan sesuatu projek perumahan yang berbilang tingkat. Sebab-sebab kelambatan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (a) permohonan yang dikemukakan tidak lengkap atau cacat;
- (b) pemaju dan juruukur berlesen lambat mematuhi kehendak Pejabat Tanah atau Pejabat Ukur seperti melepaskan gadaian;
- (c) pemaju lambat menjelaskan bayaran-bayaran kelulusan; dan
- (d) juruukur tanah berlesen lambat mengemukakan draf pelan akui untuk disemak.

Beberapa tindakan telah diambil oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk menyelesaikan masalah kelambatan dalam mengeluarkan hakmilik strata. Tindakan-tindakan yang dimaksudkan termasuklah yang berikut:

- (a) pengeluaran Pekeliling KPTG mengenai tindakan-tindakan strata, carta aliran kerja, senarai semakan dan format untuk merekod kemajuan prosesan permohonan-permohonan untuk hakmilik strata;
- (b) panduan untuk hakmilik strata;
- (c) kursus dan latihan, termasuk latihan amal mengenai hakmilik strata;
- (d) ceramah-ceramah dan seminar-seminar mengenai hakmilik strata;
- (e) penubuhan unit hakmilik strata;
- (f) perkhidmatan nasihat mengenai hal-hal berkaitan dengan strata; dan
- (g) memperkenalkan sistem prosesan setempat (one stop processing centre) untuk hakmilik strata.

Ada juga kes mengenai permohonan yang diterima dan sangkut dalam proses-an kerana hakmilik tanah telah digadai dan belum dilepaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan bahawa terdapat pengambilan balik tanah oleh Kerajaan yang tidak adil. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses-an pengambilan tanah yang dilaksanakan adalah mengikut peraturan-peraturan dan peruntukan undang-undang seperti yang terdapat di dalam Akta Pengambilan Tanah, 1960. Akta Pengambilan Tanah adalah berlandaskan kepada Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, bagi memperkemaskinikan lagi akta ini, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sedang mengkaji beberapa peruntukan yang ada untuk dipinda. Beberapa peruntukan yang terdapat di dalam akta ini akan dipinda bagi menjadikannya lebih telus atau transparent, di samping memperkenalkan beberapa peruntukan baru.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga membangkitkan tentang pengambilan tanah di Sabah. Akta Pengambilan Tanah, 1960 tidak terpakai di Negeri Sabah. Sebarang pengambilan tanah menggunakan Sabah Land Acquisition Ordinance. Kadar pampasan ditentukan mengikut harga pasaran kawasan tersebut dan jenis kegunaan tanah. Jika pemilik tanah tidak puas hati dengan pampasan itu, mereka boleh merayu kepada mahkamah. Pihak Kementerian saya tidak dapat memberi keterangan lanjut mengenai kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana butir-butir terperinci tidak diberikan.

Ahli Yang Berhormat dari Senai membangkitkan beberapa perkara, sukacita saya menjawab seperti berikut. Pertama, Kerajaan-Kerajaan Negeri sedang dalam

proses mengeluarkan surat hakmilik kepada peneroka yang telah menjelaskan bayaran kembali. Setakat ini seramai 30,740 peneroka telah menjelaskannya dan dari jumlah itu, seramai 23,766 atau 77.2% telah menerima hakmilik. Usaha sedang dibuat dengan Pejabat Tanah Daerah yang berkenaan bagi menyiapkan surat hakmilik baki peneroka seramai 6,994 orang.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum itu selamat kembali ke Dewan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat ada mengatakan hakmilik akan diberi kepada peneroka-peneroka ini. Saya hendak bertanya, bila hakmilik ini diberi bagaimana nanti pengurusan tanam semula tanah-tanah ini nanti? Adakah FELDA akan tetap membantu pengurusan menanam semula tanah-tanah yang diserahkan hakmilik ini ataupun pengurusan tanam semula atau pengurusan ladang ini nanti terus diserahkan semua sekali kepada peneroka-peneroka ini? Persoalan saya, dengan penyerahan hakmilik ini adakah pengurusan FELDA akan terus membantu dari segi penyelenggaraan ladang-ladang ini nanti?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, tentang tanaman semula ada satu prosedur yang tertentu dan pengeluaran hakmilik ini kepada peneroka tidak menjejaskan prosedur itu.

Yang kedua, peranan utama mengatasi masalah.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun seorang lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak penjelasan sedikit sebab di dalam usaha Kerajaan khususnya FELDA memberikan taraf hakmilik iaitu geran kekal kepada pihak peneroka, terutamanya peneroka FELDA, saya hendak tahu, apakah geran yang dikeluarkan oleh pihak FELDA ini geran yang sah ataupun geran palsu? Kerana adalah menjadi satu modal politik, khususnya parti Pembangkang di Jelebu di mana 203 geran yang telah diserahkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan Mac yang lalu, rata-ratanya dituduh sebagai geran palsu. Terima kasih.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, geran tidak dikeluarkan oleh FELDA tetapi oleh Jabatan Tanah dan geran itu sah.

Yang kedua, peranan utama mengatasi masalah sosial seperti keruntuhan akhlak dan penyalahgunaan dadah perlu dipikul oleh institusi keluarga itu sendiri. Ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aktiviti keluarga, terutama kegiatan anak-anak. Walau bagaimanapun, institusi peneroka seperti Jawatankuasa Kemajuan Rancangan, gabungan persatuan wanita, persatuan belia, RELA, Jawatankuasa Masjid, PEMADAM dan ahli masyarakat rancangan itu sendiri turut memberi perhatian terhadap perkara ini melalui program kepimpinan, pendidikan, kesihatan, keagamaan, belia dan wanita.

Ketiga, sebilangan besar belia-belia FELDA menerima pendidikan yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan sama ada di sektor awam atau industri. FELDA memang menggalakkan industri kecil seperti industri kecil elektronik dan pembuatan seperti Yang Berhormat syorkan.

Selain dari itu, FELDA dengan kerjasama agensi lain turut menyediakan peluang latihan, pinjaman modal dan tapak perusahaan bagi anak-anak peneroka di rancangan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Belia dan Sukan.

*5.29 ptg.*

**Menteri Belia dan Sukan (Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kapar, Alor Gajah, Ledang, Keluang, Kinabatangan, Parit Sulong, Larut dan Batang Lupar.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah pun menyatakan bahawa dengan 'Program Rakan Muda' Kementerian Belia dan Sukan pastinya menjadi satu Kementerian yang bertambah penting misinya dalam pengurusan generasi muda negara supaya mereka benar-benar menjadi penunjang dan penggerak pembangunan masyarakat dan negara ke arah kecemerlangan. Saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat di atas Program Rakan Muda ini dan kata-kata yang bermotivasi kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa penglibatan sepenuhnya semua lapisan masyarakat rakyat Malaysia sama ada dari pihak Kerajaan mahupun daripada sektor korporat dan rakyat jelata adalah

kunci kejayaan visi dan misi program Rakan Muda, iaitu satu cetusan dan terbitan daripada Wawasan 2020 dalam membentuk identiti anak bangsa Malaysia ke arah mencapai Wawasan Negara Maju.

Dalam mengolah program ini, Kementerian Belia dan Sukan telah pun meraih kepakaran dan tenaga fikiran daripada pelbagai pihak terutamanya daripada pihak generasi muda sendiri, agensi Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan pihak swasta untuk memastikan bahawa Rakan Muda ini bukan sahaja dapat memikat imaginasi dan membawa penyertaan generasi muda, malah akan memanfaatkan masyarakat dan negara keseluruhannya.

Kementerian Belia dan Sukan memang bergantung kepada sokongan dan juga sumbangan kepakaran pihak Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta dalam pelaksanaan program Rakan Muda ini. Kementerian telah pun mengatur strategi mobilisasi sosial dengan melibatkan seramai mungkin NGO untuk membantu pelaksanaan serta menjamin kejayaan program ini. Usaha sedang dijalankan untuk menggubal beberapa strategi jangka pendek, sederhana dan juga panjang untuk memastikan objektif Rakan Muda akan dapat dicapai sepenuhnya dengan menepati sasarannya.

Pihak Kementerian menyediakan insentif dan juga memberikan galakan serta sokongan kepada organisasi bukan Kerajaan yang terlibat. Secara tidak langsung ianya akan dapat membantu mengukuhkan organisasi, meningkatkan tahap kepakaran dalam bidang-bidang tertentu dan seterusnya meningkatkan keupayaan dalam menganjurkan sebarang program.

Pengemblengan kepakaran dan juga khidmat profesional yang terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan dan NGO, swasta dan juga masyarakat akan dilibatkan

sepenuhnya melalui peningkatan keupayaan mengendalikan program serta menambatkan bilangan tenaga mahir di semua peringkat pelaksanaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ahli Yang Berhormat Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya suka mendengar mengenai usaha untuk memperbaiki organisasi pertubuhan-pertubuhan sukan yang setengahnya sangat lemah kerana ada unsur-unsur lain termasuk unsur politik. Adakah kezaman pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah seperti dalam sukan badminton — dengan ada yang profesional diswastakan dan sebagainya dan juga BAM yang begitu masyhur yang sentiasa menimbulkan masalah petenggaran dan sebagainya?

Jadi adakah satu formula bukan sahaja untuk badminton bahkan juga untuk semua jenis sukan supaya tidak wujud perkelahian ataupun pertenggaran di antara satu sama lain?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita memaklumkan berkenaan dengan badminton. Kedua-dua pihak yang terlibat telah pun mendapat kata sepakat untuk menyelesaikan masalah ini dan kita harap ianya tidak berbangkit lagi. Sudah ada kesungguhan untuk bekerjasama dan dengan cara ini saya fikir tidaklah menjajaskan mutu prestasi dan mutu badminton negara kita. Memang saya akui bahawa masalah politik dalam pertubuhan-pertubuhan sukan dan bukan sukan memang berlaku dan kadang-kala ianya membawa kesan yang agak besar dan ada juga terdapat badan-badan yang tidak bergerak kerana masalah itu berbangkit hingga menimbulkan pertelingkahan yang hebat.

Saya sedang memberikan perhatian yang berat kepada soal ini kerana saya dapati bahawa kalau sekiranya tidak dapat diatasi dengan cara yang terbaik mengikut formula-formula yang sedang difikirkan sekarang, kesannya ke atas mutu sukan kita tentu begitu besar — akan merosot, mungkin. Sebab itu, saya sedang mengambil inisiatif untuk berbincang dengan semua pemimpin pertubuhan-pertubuhan yang terlibat dan mencari satu pendekatan baru cara bagaimana — bukan menerusi undang-undang dan peraturan — tetapi atas dasar kerjasama dan kesedaran tentang pentingnya kedudukan pertubuhan-pertubuhan ini sentiasa mantap dan tidaklah isu-isu politik dalam persatuan itu menghantui atlet-atlet negara. Saya berharap, kita akan dapat satu pendekatan baru untuk mengatasi masalah ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi. Saya menerimalah jawapan itu dengan baik. Cuma satu lagi, adakah kemungkinan bagi pihak Kementerian mencari jalan untuk menanamkan semangat yang lebih kukuh lagi. Misalnya dalam badminton — satu-satunya bidang sukan di mana kita dapat menjadikan satu keunggulan di dunia — ini satu-satunya sukan. Walau bagaimanapun, saya nampak semangat itu tidak begitu baik terutamanya selepas hadiah, tanah dan sebagainya dibanjiri dengan begitu sahaja. Selepas mendapat hadiah yang begitu lumayan, semangat turun, lesap sama sekali. Ini satu contoh yang paling tidak baik bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapatkan pendapat daripada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa semangat dari segi latihan dan sebagainya sangat kurang. Misalnya, di Indonesia pelatih-pelatihnya ditempaikan dewan untuk bermain badminton kadang-kadang pukul 5.30 atau 6.30 pagi. Subuh syafii pun mereka pergi berlatih, tetapi di negara ini, pukul 7.30, 8.00 pagi pun tidak sampai lagi! Ini menunjukkan satu semangat yang kurang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya tidak berapa bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi yang mengatakan semangat orang Malaysia ini kurang daripada semangat orang Indonesia. Mungkin beliau melihat daripada satu-satu peristiwa tertentu sahaja. Umumnya, bila ada pasukan Malaysia bertanding untuk berlawan dengan mana-mana pasukan dari negara-negara lain, semangat orang kita juga kuat. Jadi, saya fikir kita tidak harus membuat andaian-andaian yang tidak tepat seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari Larut, Kementerian saya akan memastikan bahawa dalam pelaksanaan program Rakan Muda ini, ruang tidak akan diberi kepada wujudnya unsur-unsur yang negatif.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian saya tidak akan menolak kemungkinan munculnya unsur-unsur sedemikian dalam melaksanakan program ini sekiranya pihak yang terlibat dengan pelaksanaannya tidak mengikut kod ataupun etika pelaksanaan. Dalam hubungan ini, serta untuk menambahkan keberkesanan program Rakan Muda, Kementerian saya sedang pun menyediakan satu kod etika amalan yang seharusnya dipatuhi oleh pihak badan organisasi ataupun individu yang melaksanakan program dan aktiviti program Rakan Muda khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar atas sokongan beliau kepada usaha Kementerian serta kata-kata nasihat beliau. Beliau juga bertanya sama ada program Rakan Muda ini akan dapat diteruskan jika kedua-dua sumber kewangan dan kepimpinan Kerajaan ditarik balik. Sehingga ini, belum ada

rancangan untuk kita menarik balik kedua-dua faktor ini. Kementerian saya amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat. Malahan saya yakin Ahli Yang Berhormat mempunyai peranan yang utama untuk turut menjadi pemimpin untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial belia yang membimbangkan kita.

Kementerian saya menyedari bahawa wawasan untuk generasi muda Malaysia bukan merupakan tanggungjawab Kementerian secara terasing. Kita semua bersama-sama bertanggungjawab membantu belia Malaysia menuju ke arus perubahan minda yang lebih menjelang tahun 2020.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan yang telah mengadakan atau mewujudkan program Rakan Muda. Yang saya ingin dapat penjelasan ialah dari segi pelaksanaannya. Pertama, adakah jawatankuasa pelaksana di peringkat negeri dan juga daerah melibatkan kesatuan-kesatuan belia? Sebagai contoh, di peringkat negeri melibatkan majlis-majlis belia negeri duduk bersama-sama di dalam jawatankuasa pelaksana, dan kalau di daerah melibatkan majlis belia daerah. Kalau ada penglibatan peringkat-peringkat belia ini, saya ucapkan terima kasih. Tetapi saya ingin jelaskan ada di antara negeri-negeri yang jawatankuasa pelaksana di peringkat negeri mahupun di daerah, mereka tidak melibatkan badan-badan belia yang sedia ada.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Memang sudahpun kita jadikan keputusan supaya dalam segala program yang hendak diatitkan baik di peringkat negeri mahupun peringkat daerah, penglibatan belia itu sendiri khususnya pertubuhan-pertubuhan belia,

malahan pertubuhan yang ada kepentingan belia dimasukkan di dalamnya supaya segala idea-idea yang bernas yang hendak dikemukakan oleh mereka itu dapat kita terapkan dalam mengatur aturcara program-program yang berkenaan. Malahan dari segi struktur formal di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah, wakil-wakil daripada majlis belia, sebagai contoh, juga adalah ahli dalam jawatankuasa ini. Kalau ada di mana-mana kawasan mereka tidak terlibat mungkin ada terkeluar. Saya harap, Yang Berhormat boleh beritahu dan kita boleh nasihatkan supaya mereka ini dapat dimasukkan sebagai ahli jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat berharap bahawa Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar yang saya tahu telah pun melibatkan diri hampir 35 tahun dalam pergerakan belia akan terus melibatkan diri dan juga memberikan kepimpinan dalam pergerakan tersebut ini agar semangat kesukarelaan akan terus membara dan tidak timbullah sindrom subsidi di kalangan kesatuan-kesatuan belia. Kementerian saya akan terus giat melaksanakan program Rakan Muda. Program Rakan Muda ini akan diletakkan di atas landasan yang kukuh di mana semua aktiviti yang dilaksanakan akan mempunyai empat asas seperti berikut:

- (i) penghayatan serta amalan agama dan moral mencakupi sistem pendidikan agama dan moral secara formal dan tidak formal;
- (ii) penguasaan ilmu dan kemahiran melalui pendidikan berterusan ruang kedua dan pendidikan melalui sistem persekolahan;
- (iii) ketahanan institusi keluarga yang berasaskan struktur dan ikatan kekeluargaan melalui gugusan nilai budi, kasih sayang, hormat-menghormati, komitmen dan komunikasi, perhubungan keluarga dengan masyarakat serta tradisi dan ilmu keibubapaan;

- (iv) pembentukan nasionalisme dan identiti bangsa Malaysia yang diterapkan melalui kefahaman, kesedaran dan pengamalan sejarah dan warisan seni budaya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas pandangan dan sokongan kepada Kementerian saya sepanjang tempoh perbincangan. Segala cadangan amatlah dihargai agar generasi muda masa kini yang merupakan khazanah dan harta negara akan dilengkapi dengan satu sistem nilai dan gaya hidup yang berkualiti supaya mereka akan muncul sebagai pemimpin mengisi wawasan dan juga pewaris negara maju kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

*5.46 ptg.*

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberikan perhatian serta diambil kira oleh Kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Kelang telah menyentuh tentang beberapa isu yang berkaitan dengan

wanita, iaitu mengenai wujudnya undang-undang yang tidak memberi layanan yang sewajarnya terhadap wanita, seperti Guardianship of Influence Act 1961 dan Distribution Ordinance 1998. Kami sedar bahawa ada beberapa daripada undang-undang ini, kalau kita lihat pun ianya diwujudkan pada tahun 1961, 1958. Mungkin pada masa itu ianya tepat dan sesuai dengan keadaan masyarakat pada masa itu. Tetapi setelah 30 atau hampir 40 tahun berlalu, sudah tentulah ianya tidak berapa sesuai di setengah-setengah peruntukan yang ada dalam undang-undang tersebut.

Bagi mengemaskinikan dan untuk supaya undang-undang ini dapat benar-benar memberikan perlindungan kepada pihak-pihak yang dimaksudkan, Kementerian memang sudah mengadakan jawatankuasa yang mengkaji dari semasa ke semasa undang-undang yang di bawah tadbiran Kementerian sendiri, dan jawatankuasa-jawatankuasa ini bukanlah terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian sahaja, bahkan kita menjemput pihak-pihak yang mengamalkan undang-undang, pihak-pihak yang berkuasa menggubal undang-undang dan juga pihak-pihak yang menggunakan undang-undang. Jadi, saya ingin memberikan jaminan bahawa pindaan-pindaan sewajarnya dari semasa ke semasa akan dilaksanakan untuk menentukan bahawa undang-undang yang ada di negara kita ini benar-benar menepati objektif dan matlamatnya.

Yang Berhormat dari Kapar menyarankan supaya Kerajaan mengambil berat terhadap kes-kes keganasan rumah tangga yang telah meningkat setiap tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang mengambil berat terhadap masalah sosial ini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membendung masalah adalah pertamanya menggubal undang-undang yang telah pun diluluskan oleh Dewan ini pada tahun lepas dan penguatkuasaannya akan

dilaksanakan tidak lama lagi kerana kita perlu mengkaji satu dua perkara yang mengikut pandangan setengah-setengah pihak bercanggah di antara satu undang-undang dengan satu undang-undang. Jadi, perkara ini mestilah kita perbetulkan dahulu, kemudian barulah boleh kita menguatkuasakannya.

Program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran kepada umum bahawa perbuatan keganasan rumah tangga ini adalah satu perbuatan yang teruk. Ini sering kita lakukan dalam kursus-kursus dan program-program bukan sahaja terhadap wanita, tetapi juga kumpulan-kumpulan lain supaya semuanya dapat menangani masalah-masalah keganasan rumah tangga ini. Program kaunseling juga diperhebatkan kerana banyak pihak yang mungkin agaknya kurang memahami dari segi punca masalah ini timbul dan bagaimana hendak menyelesaikannya. Kalau lebih ramai dalam masyarakat kita mempunyai kemahiran sebagai kaunselor, saya yakin mereka ini dapat membantu mereka yang bermasalah dalam keganasan rumah tangga, dalam penderaan dan pengabaian kanak-kanak dan banyak lagi isu-isu yang berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang menyentuh tentang kedudukan dan peranan wanita perlu dipertingkatkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian menerusi program-programnya sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pelajaran, ekonomi, pendidikan, kesihatan, politik dan sebagainya.

Dan untuk memperkukuhkan jentera negara dalam menangani isu-isu mengenai wanita, Kementerian telah pun menubuhkan jaringan Pegawai Perhubungan Hal Ehwal Wanita di peringkat Kementerian, negeri dan daerah iaitu satu network yang kita yakin akan dapat menjalankan fungsi-

nya iaitu berfungsi sebagai forum untuk mendapatkan maklum balas mengenai isu-isu yang berkaitan dengan wanita khususnya kesan program dan projek yang kita laksanakan di peringkat Kementerian terhadap wanita.

Selain daripada itu jaringan ini digunakan untuk menyebarkan dan memberi maklumat mengenai wanita dalam pembangunan di antara Urusetia Hal Ehwal Wanita ini iaitu yang dikenali sebagai HAWA dan Kementerian-kementerian yang berkaitan. Di samping itu kita juga telah menubuhkan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita dan jawatankuasa ini di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Sukacita saya memaklumkan bahawa sepuluh buah negeri telah pun mewujudkan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita ini dan kita akan mempergiatkan lagi penubuhannya di daerah-daerah di seluruh negara. Jawatankuasa-jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pemimpin-pemimpin yang kita tahu berwibawa, mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk melaksanakan program-program dan projek-projek yang difikirkan akan mendatangkan manfaat dan faedah kepada masyarakat wanita dan seterusnya kepada keluarga-keluarga wanita.

Di peringkat antarabangsa, Kementerian memainkan peranan penting dalam mengetengahkan isu-isu mengenai wanita untuk mendapat perhatian masyarakat antarabangsa khususnya melalui penyertaan Kementerian di mesyuarat-mesyuarat peringkat antarabangsa.

Malaysia juga adalah merupakan ahli-ahli kepada Suruhanjaya Taraf Wanita Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan wakil kita di situ mempunyai banyak peluang untuk bukan sahaja memaparkan apa kejayaan-kejayaan yang telah dapat dicapai oleh wanita di negara kita ini, bahkan dapat berkongsi pengalaman dengan pemimpin-pemimpin wanita yang lain, yang ada dalam suruhanjaya tersebut.



Untuk membantu Kerajaan dalam menangani isu-isu wanita, satu Majlis Penasihat Kebangsaan telah pun ditubuhkan pada tahun 1976 yang dipanggil Majlis Integrasi Wanita Dalam Pembangunan iaitu ringkasnya NACIWID. Badan ini telah pun menjalankan tugasnya sejak tahun 1976 sebagai badan penyelar, perunding dan penasihat kepada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan yang kebanyakannya adalah pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang telah pun melibatkan diri begitu hebat sekali dalam program-program yang diadakan. Program lain yang dilaksanakan oleh HAWA untuk meningkatkan status wanita dalam pelbagai bidang, termasuklah mengadakan kursus latihan keusahawanan, latihan kepekaan gender khususnya di kalangan para perancang, penggubal dasar dan juga pelaksana program dan projek di Kementerian-Kementerian.

Kementerian ini juga dengan kerjasama badan pertubuhan wanita sukarela mewujudkan khidmat-khidmat khusus kepada wanita yang memerlukan. Kita juga telah mencuba satu projek bersama dengan PERTIWI yang telah menubuhkan Pusat Aduan Wanita untuk memberi khidmat nasihat kepada wanita yang bermasalah.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Santubong bangun.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu apakah persiapan yang telah dibuat untuk menghadiri persidangan di Beijing dan apakah perkara-perkara yang hendak diketengahkan atau di'highlight'kan daripada negara kita. Dan selepas itu saya mohon komen sedikit daripada Yang Berhormat Menteri tentang beberapa statistik yang saya telah utarakan dalam ucapan baru-baru ini.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya persiapan untuk menghadiri persidangan di Beijing sedang dilaksanakan iaitu draf laporan-laporannya sudah pun siap dan akan kita bawa bersama. Penyertaan rombongan Kerajaan belum lagi diluluskan iaitu sedang dirangka dan bahan-bahan lain iaitu faxci, wall chart dan lain-lain bahan yang penting dan perlu untuk memberitahu kepada seluruh peserta yang menghadiri The Fourth Women's Conference di Beijing ini pada bulan Ogos dan September, kita sedang cetak dan kita memikirkan apa juga yang boleh, yang perlu kita bawa untuk memprojeikan kejayaan wanita di Malaysia. Dan jangan pula pihak Pembangkang menyangka kita hendak memprojeikan benda yang baik sahaja, kalau ada yang menjadi masalah dan isu, kita akan bawa juga dan untuk mendapatkan pula pandangan daripada wanita di negara-negara lain. Kita tidak berat sebelah, kita berfikiran terbuka kerana kita dalam satu masyarakat yang global iaitu sebahagian dari masyarakat global, sudah tentulah kita tidak mahu bahawa kita ini terasing daripada wanita di negara lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, pendek sahaja kerana saya tertarik kepada hujah tadi, dia menyentuh mengenai Pembangkang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di setengah-setengah negara, dia ada satu kuota untuk penyertaan wanita sama ada di Dewan Perwakilan ataupun di dewan-dewan lain misalnya mereka ada menetapkan pada 2020, mereka hendak 50% wanita dan sebagainya. Dan dengan hati yang terbuka seperti yang disebutkan tadi, apakah pendapat Yang Berhormat mengenai hal yang seperti ini?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak bersetuju kalau kita minta Kerajaan menentukan kuota. Sebab ini bererti bahawa wanita tak mampu ber-

saing dengan orang lelaki, itu saya tidak bersetuju. (*Tepuk*) Kerana kalau kuota yang kita fikirkan, matlamat kita hendak capai berapa peratus, itu ya, itu mesti ada dan memang ada! Ini agenda terselindung wanita. Jadi, dalam usaha-usaha kita untuk mencapai ke taraf itu, kita mesti membuat banyak perkara iaitu melatih wanita, mendedahkan mereka kepada ilmu pengetahuan dan sebagainya, kalau tidak kita tidak boleh bersaing. Ini bukan bersaing untuk menjatuhkan orang lain — tidak. Bersaing secara baik untuk kemajuan kerana saya rasa kita semua mengakui bahawa kalau kita mendidik seorang lelaki, kita mendidik hanya seorang individu, tetapi kalau kita mendidik wanita kita mendidik satu keluarga. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** Bersetuju!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi. Kalau demikian adakah Yang Berhormat mencadangkan menubuhkan satu Kementerian — satu-satunya Kementerian hanya untuk wanita supaya semua yang dicadangkan tadi dapat dijalankan dengan lebih lancar dan rancangannya lebih rapi.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, itu Yang Berhormat silap! Sebab itu bukan matlamat kami kerana kita hendak semua Kementerian ini penting untuk semua orang, lelaki, perempuan, yang tua, yang muda, yang remaja, yang kanak-kanak. Jadi, kenapa kita mesti asingkan? Kita tidak perlu mengasingkan! Jadi, kalau orang lelaki semua ikhlas maka bersama-samalah kita memajukan kaum wanita kalau di mana kita dapati mereka kurang maju. (*Tepuk*) Itu yang paling penting kerana kita mesti ingat bahawa negara kita ini mempunyai penduduk 49.6% adalah wanita. Jadi, dari segi pembangunan negara, kita perlukan tenaga wanita ini, kalau ada wanita mogok — kacaulah kita ya? Kalau wanita mogok di rumah tangga pun — kita kacau nanti!

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemimpin-pemimpin wanita ASEAN dalam mesyuaratnya di akhir tahun wanita antarabangsa 1975 di Jakarta telah bersetuju bahawa kita berpegang kepada kerjasama dengan kaum lelaki untuk kemajuan. Bersetuju?

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Speaker, penjelasan yang akhir sekali. Adakah Yang Berhormat pernah berfikir bahawa HAWA adalah satu bahagian daripada Jabatan Perdana Menteri, tetapi sekarang tiba-tiba dijatuhkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Bukankah ini satu penurunan tahapnya mengenai betapa pentingnya hal wanita di negara ini?

**Datin Paduka Hajah Zaleha bin Ismail:** Pentingnya itu tidak menjadi soal di mana ia berada. Pada saya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah begitu penting sekali kerana asas (*foundation*) yang paling penting bagi sesebuah negara yang maju ialah perpaduan negara dan pembangunan masyarakat juga adalah satu unsur yang paling mustahak. Kalau masyarakatnya kucar kacir dengan bermacam-macam masalah, negara tidak akan dapat membangun. Jadi, saya menganggap apa juga yang ada di bawah Kementerian ini, demi untuk perpaduan negara dan untuk memajukan masyarakat seluruhnya adalah penting, tidak kira di mana, tidak kira taraf, status — sebagai bahagiankah, sebagai jabatankah. Yang pokoknya ialah objektifnya dan ke mana ia akan sampai. Itu yang paling penting.

Kepada Yang Berhormat Santubong, saya minta maaf kerana statistik Yang Berhormat minta itu tidak ada pada saya di sini dan saya akan melihat dan akan memberi jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat dari Kluang menyentuh tentang promosi untuk mengingatkan masyarakat kepada pentingnya perpaduan. Jiran muda boleh meningkatkan semangat setia kawan. Beliau juga mencadangkan supaya tindakan diteruskan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini jumlah sektor Rukun Tetangga yang telah diwujudkan adalah 1,505. Jiran Wanita di bawah Rukun Tetangga ialah 825 dan Jiran Muda — 807. Program-program di bawah Rukun Tetangga adalah untuk menggalakkan integrasi di kalangan masyarakat setempat menerusi aktiviti pelbagai bidang. Program di bawah Jiran Wanita pula adalah untuk memberi peluang kepada kaum wanita setempat untuk berinteraksi dan berkenalan antara satu sama lain melalui berbagai aktiviti yang dijalankan, khususnya, kepada faedah-faedah wanita dan saya bukan sahaja kata faedah untuk wanita, bila faedah untuk wanita juga untuk faedah keluarganya.

Manakala program di bawah Jiran Muda pula, ialah untuk menggalakkan remaja bergiat dalam organisasi sukarela, melatih bakat-bakat kepimpinan di kalangan mereka iaitu pemimpin-pemimpin muda serta melibatkan diri dalam aktiviti kejranaan, motivasi, seminar, kesenian, khemah kerja dan berbagai-bagai lagi aktiviti yang kita anjurkan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bukan sahaja bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, bahkan dengan lain-lain Kementerian — Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan misalnya — kita kena bekerjasama kalau kita ingin mencapai matlamat Wawasan 2020 itu dan persediaannya dibuat dari sekarang.

Yang Berhormat dari Keningau telah menyentuh, khususnya berkaitan dengan Kementerian ini iaitu mengenai per-

paduan. Saya petik sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat:

“Kita bersyukur kerana dalam perkara integrasi nasional negara Malaysia bolehlah dikatakan lebih maju daripada negara-negara lain, walau bagaimanapun tahap pencapaian ini belum lagi memuaskan. Apa yang perlu dilakukan pada masa kini ialah usaha yang lebih gigih dan jujur, khususnya dari golongan pemimpin-pemimpin politik dan juga penggubal dasar. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi pengetahuan umum bahawa usaha Kerajaan untuk memupuk integrasi nasional, seringkali tidak dibuktikan dengan rancangan-rancangan yang tepat pada matlamatnya dan juga sikap negatif beberapa pemimpin yang boleh menjadikan contoh kepada rakyat biasa, dalam perkara ini corak politik Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua.....”

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Nantilah dahulu saya belum jawab lagi. Ini saya baca *Hansard*.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Ada pembedulan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pembedulan.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Ini yang betul, Yang Berhormat.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sudah betullah itu, saya baca *Hansard*.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Yang betulnya “yang tidak boleh dijadikan contoh” bukan “yang boleh dijadikan contoh” — itu pembedulannya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Ini salah di sinilah, bukan salah saya. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana pengiktirafan Yang Berhormat mengenai integrasi nasional oleh warganegara Malaysia yang lebih maju daripada negara-negara lain. Terima kasih. Betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Terima kasih. Tetapi, usaha-usaha Kerajaan ini kadangkala tidak dapat dilaksanakan disebabkan tentangan daripada parti Pembangkang. Itu pada kenyataan. Ada peristiwa-peristiwa yang berlaku. Kadang-kadang Kerajaan hendak membawa pembangunan pada sesuatu tempat tetapi tidak mahu diterima, jadi, bukan salah Kerajaan. Kadang-kadang ada program-program Kerajaan diboikot. Betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Jadi, bagaimana yang hendak dikatakan bahawa usaha-usaha kita itu tidak efektif dan tidak memberi kesan dan sebagainya serta dipersoalkan pula sama ada Barisan Nasional ini jujur dan tidak jujur.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Nanti sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** .....khususnya dalam golongan pemimpin-pemimpin politik .....

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata nanti sekejap.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** .....dan penggubal dasar katanya. Baik! Penggubal dasar itu adalah Dewan Rakyat dan Dewan Negara, jadi, termasuklah Barisan Nasional dan Pembangkang. Jadi, kalau dasar yang digubal dan diluluskan itu tidak betul, sama-samalah kita bertanggungjawab. Betul? Tidak mahu terima? Yang Berhormat Kepong tidak setuju?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Dia kata golongan-golongan pemimpin politik, kita semua pemimpin-pemimpin politik. Saya berpendapat bahawa Barisan Nasional cuba menjalankan kerjanya begitu baik sekali dan saya berharaplah selepas ini bahawa pihak-pihak Pembangkang, khususnya apa jua program dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, saya minta diterima dengan baik supaya kita dapat melaksanakannya dengan sama rata dan sama rasa dan tidak ada peluang lagi bagi mana-mana Pembangkang nanti untuk menuduh bahawa Barisan Nasional ini mendiskriminasikan mana-mana pihak.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi disebutkan bahawa ada program-program yang ditolak dan diboikot. Minta Menteri menjelaskan apakah projek-projek yang dimaksudkan "yang ditolak atau diboikot".

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya tengok yang tersiar di dalam akhbar — Rakan Muda yang ditolak — yang tersiar di dalam akhbar dan kalau hendak dikatakan pemimpin-pemimpin yang negatif.....

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Siapa yang menolaknya?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Pembangkanglah yang menolak! Itu sudah tahu bersuluh pula. Dan Yang Berhormat juga menyebut apa yang dikata sikap negatif — tidak boleh menjadi contoh kepada rakyat dan sebagainya dan khusus menyebut dalam perkara ini corak politik Barisan Nasional. Saya sama sekali tidak bersetuju. 100% tidak setuju atas tuduhan ini kerana kalau hendak katakan pemimpin-pemimpin yang bersikap demikian, kalau ada pun dari Barisan Nasional, dari Pembangkang lebih lagi dan apabila kita masuk kepada pilihan raya ke-9, 1995, keputusannya menunjukkan bahawa cara Barisan Nasional itu adalah yang terbaik. Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah duduk, Yang Berhormat. Dia sudah duduk.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia duduk saya sudah bangun. Saya minta penjelasan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Baiklah.

**Tuan Chua Jui Meng:** Ada Usul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan

ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Usul di hadapan kita ini, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kesihatan.

6.08 ptg.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Dewan ini yang telah memberi perhatian kepada

isu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan fungsi Kementerian Kesihatan serta memberikan cadangan-cadangan sewaktu membincangkan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana perkenan Baginda menyampaikan Ucapan DiRaja pada 8hb Jun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang di atas prihatin beliau meminta Kementerian mengkaji skop perkhidmatan di hospital-hospital luar bandar di Sabah supaya dapat diperbaiki kerana kawasan luar bandar di sana memerlukan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik. Kementerian Kesihatan sentiasa memberi penekanan dan tumpuan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan khususnya di kawasan luar bandar. Perkhidmatan yang diberikan adalah meliputi perkhidmatan rawatan perubatan, perkhidmatan penjagaan kesihatan asas dan perkhidmatan pemulihan dan pencegahan serta khidmat sokongan yang lain.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian termasuk mencadangkan beberapa projek di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh di mana sebanyak 31 projek ialah berkaitan penambahbaikan hospital-hospital luar bandar. 5 projek pembinaan hospital baru dan 2 projek hospital gantian. Selain daripada itu, sebanyak lebih RM20 juta telah dipohon sepanjang 5 tahun akan datang bagi tujuan perolehan peralatan-peralatan perubatan di semua hospital di Sabah bagi menggantikan atau menaik taraf peralatan sedia ada.

Sementara itu perkhidmatan kepakaran di Hospital Queen Elizabeth dijangkakan akan dapat dipertingkatkan melalui kajian pelan induk fasa kedua yang dijangkakan akan dilaksanakan pada akhir Rancangan Malaysia Ketujuh. Perkhidmatan sedia ada kian bertambah baik melalui projek menaik taraf hospital tersebut yang sedang dalam pelaksanaan. Selain dari itu,

sebuah unit rawatan jantung juga dijangka akan ditubuhkan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memantapkan perkhidmatan jagaan asas, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah memindahkan pentadbiran perkhidmatan rawatan pesakit luar daripada pentadbiran hospital yang diamalkan sekarang ke bawah pengurusan program kesihatan awam. Ini akan menjadikan hospital sebagai pusat khusus untuk rawatan perubatan pesakit dalaman untuk menjadikan perkhidmatannya lebih berkesan.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan perkhidmatan rawatan pesakit luar sebanyak...

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan tentang keadaan lif di Hospital Queen Elizabeth yang sekarang tidak boleh digunakan dan pesakit-pesakit yang sudah pun sakit terpaksa berjalan kaki untuk naik ke tingkat 8. Jadi, saya rasa ini satu perkhidmatan yang perlu di-segerakan dan sampai sekarang belum lagi ada tindakan yang saya nampak sudah diambil.

Yang kedua, tentang keadaan terutamanya kaum wanita yang bersalin. Saya sering pergi melawat di situ juga oleh kerana ramai rakyat di kawasan saya yang pergi ke situ. Mereka bukan duduk atau bersalin seperti manusia tetapi seperti binatang, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana selepas bersalin, mereka tidak ada katil tetapi terpaksa duduk di lantai dan tidak mencukupi untuk kaum wanita. Saya rasa itulah yang ingin saya tanya kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga tadi. Itu saya ingin penjelasan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Perkataan itu tadi tidak seronoklah. Itulah ibu-ibu kita, wanita-wanita yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan kita mesti menghormati...

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran, nanti, nanti...Bagi dia menjawab dahulu.

**Tuan Chua Jui Meng:** Kita akan memberikan penghormatan yang setinggi-tingginya kepada semua wanita-wanita kita yang pergi ke hospital untuk bersalin. Yang sebenarnya Yang Berhormat dari Tuaran tidak boleh masuk bilik bersalin kalau tidak, mana tahu perkara-perkara yang disebutkan tadi.

Tetapi mengenai lif di hospital yang rosak, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tuaran dan saya akan membuat kajian mengenai hal ini dan mengarahkan agar lif itu diperbaiki dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan juga memberi tumpuan terhadap pengurusan perkhidmatan kesihatan awam. Sebanyak 24 buah daerah kesihatan akan diwujudkan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh bagi mengambil alih fungsi pejabat kesihatan kawasan. Di samping itu, sebanyak 10 pasukan pergigian bergerak, 14 klinik pergigian sekolah, 18 klinik kesihatan, 7 klinik ibu dan anak dan 14 klinik desa telah dirancang untuk dibina atau dinaik taraf dalam masa yang sama.

Bagi memperbaiki pencapaian projek bekalan air, tandas dan kesihatan alam sekitar, Kementerian Kesihatan juga mencadangkan peruntukan sebanyak lebih daripada RM44 juta diperolehi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lanang telah membangkitkan mengenai pembinaan sebuah pusat perubatan di Perth yang dapat membekalkan maklumat perubatan diagnostik yang boleh diperolehi melalui satelit dan meminta Kementerian Kesihatan menghubungi pihak berkenaan bagi memperoleh maklumat-maklumat tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan telah sedia maklum mengenai cadangan Kerajaan Australia untuk menubuhkan Asia Pacific Telemedicine di Perth dan telah pun mendapat maklumat yang diperlukan dari pihak berkenaan sejak bulan April yang lalu. Walau bagaimanapun, buat masa ini pihak Kementerian Kesihatan sedang mengkaji dengan lebih terperinci akan segala aspek perkhidmatan tele-medicine untuk menentukan keperluan dan kesesuaiannya kepada matlamat dan fungsi Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak? Beri.

**Tuan Chua Jui Meng:** Beri.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang saya ingin meminta penjelasan dari Menteri yang berkenaan. Terutamanya ialah tentang pembayaran yuran hospital khususnya di kalangan orang-orang miskin. Pada dahulunya ada pengecualian tetapi sekarang khususnya di luar bandar, ini telah dikuatkuasakan dan ini telah menghadapi masalah yang banyak kepada rakyat miskin. Saya ada satu kes di mana

seorang pesakit berhutang RM17 kepada Kerajaan dan dia menerima surat amaran untuk dibawa ke mahkamah dalam kadar dua minggu kalau tidak diselesaikan. Jadi, saya rasa ini saya minta penjelasan dari pihak Menteri.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari konteks negeri Sabah, Kerajaan Barisan Nasional telah berjanji untuk meningkatkan taraf infrastruktur kesihatan dengan janji mengurangkan, dengan izin, doctor population ratio dari satu doktor ke 5,000 jumlah masyarakat kepada satu doktor ke 2,500 dalam tahun 2000 iaitu 3½ tahun dari sekarang. Saya ingin bertanya, apa usaha-usaha khusus dan spesifik dan drastik yang sedang dilaksanakan kerana apa yang kita lihat sekarang ini, *laissez faire*, dengan izin, itu juga yang telah dilakukan di masa yang lalu untuk mencapai matlamat ini.

**Tuan Chua Jui Meng:** Pada prinsipnya, Kerajaan Barisan Nasional dalam perkara-perkara yang ada kaitan dengan perubatan dan kesihatan telah terkenal bukan sahaja di rantau ini tetapi oleh pihak World Health Organisation sebagai satu Kerajaan yang pro-poor, dengan izin dan oleh kerana itu yuran untuk orang miskin adalah terlalu rendah dan kalau mereka tidak mampu untuk membayar, Yang Berhormat boleh buat satu recommendation kepada Kementerian untuk dihapuskan hutang yang ditanggung oleh orang miskin itu. Itu bukan satu masalah.

Pada amnya, kos untuk Kementerian Kesihatan untuk menguruskan semua hospital dan klinik-klinik di negara kita, kita hanya dapat balik 5% daripada jumlah kos yang dibelanjakan oleh Kementerian Kesihatan. Ini sudah jelas menunjukkan kita memberikan perkhidmatan yang cukup luas dan cukup baik juga dengan kos kepada rakyat jelata yang amat rendah.

Mengenai soalan yang kedua mengenai doktor yang sentiasa dibangkitkan bukan sahaja di Dewan ini tetapi di luar Dewan juga, kita sedang, telah dan akan ambil langkah-langkah yang positif yang berkesan untuk mengatasi masalah yang kerap kali berlaku.

Oleh kerana permintaan daripada rakyat jelata kian bertambah dan mereka memohon untuk perkhidmatan yang lebih baik dengan lebih banyak doktor yang memberikan perkhidmatan kepada mereka. Oleh kerana itu, Kementerian Kesihatan mengambil berat perkara ini. Antara langkah-langkah yang diambil ialah melatih lebih ramai lagi graduates daripada fakulti perubatan di universiti-universiti. Kita menggalakkan juga pihak swasta untuk menubuhkan kolej-kolej untuk mengeluarkan lebih ramai graduan-graduan dalam bidang perubatan. Pada masa kita ada beberapa kolej yang baru yang menunjukkan minat mereka untuk menubuhkan fakulti untuk mengeluarkan doktor untuk negara kita.

Selain daripada itu, kita ambil daripada luar — doktor-doktor kontrak daripada luar masuk ke dalam negara kita untuk berkhidmat buat sementara sehingga kita boleh dan mampu untuk mengeluarkan doktor daripada universiti dan kolej-kolej dengan secukupnya. Selain daripada itu, beberapa langkah telah dikaji, umpamanya pada tiap-tiap tahun.....

**Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Chua Jui Meng:** Belum habis. Pada tiap-tiap tahun Kementerian Kesihatan mempunyai 800 doktor atau pegawai perubatan yang pergi ke universiti untuk melanjutkan pendidikan mereka — satu kursus untuk 4 tahun untuk memperolehi Masters Degree iaitu Specialist Degree.

Kita mencadangkan kepada universiti-universiti agar mereka tidak payah pergi sepenuh masa ke universiti, tetapi tinggal di dalam hospital dan berkhidmat di



hospital — hands-on experience dan mengikuti kursus universiti daripada hospital. Dengan itu kita menjimatkan 800 doktor. Pada masa yang akan datang, mungkin 3 tahun atau 4 tahun selepas ini, 800 doktor dapat berkhidmat di hospital-hospital kita. Banyak langkah-langkah dikaji sekarang dan kita akan melaksanakan seberapa boleh untuk mengatasi masalah kekurangan doktor. Bukan sahaja di Sabah, di Semenanjung juga sama. Sekian, terima kasih.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Batang Lupar bangun. Minta bertanya berkenaan dengan perkara yang diucapkan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Ya, yang diucapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bertanya atau meminta penerangan. Mengikut peraturan Mesyuarat, kenalah meminta penerangan di atas benda yang diucapkan, bukan dibawa keluar satu benda yang berasingan sama sekali. Itulah peraturannya. Sila.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Betul, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan kemudahan kesihatan di luar bandar, dasar Kerajaan, yang saya tahu kerana saya pernah bertanya ialah satu-satu tempat tidak dilayakkan mengadakan klinik di luar bandar melainkan ada penduduk tidak kurang daripada 800 orang. Jadi, yang sedihnya, di Sarawak kita ada 7,000 kampung dan rumah panjang yang mungkin jarak di antara satu dengan lain adalah setengah jam atau satu jam perjalanan manakala hospital atau klinik yang terdekat mungkin 3 jam atau 4 jam atau setengah hari perjalanan. Jadi, soalan saya di sini, adakah pihak-pihak Kementerian membuat dasar baru agar satu tempat

dikenal pasti di tiap-tiap kawasan pedalaman supaya soal 800 orang itu mungkin boleh dipenuhi dengan masyarakat yang berdekatan di satu-satu kawasan — diadakan satu klinik untuk satu kawasan. Itu yang pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat! Yang Berhormat, cukuplah, kita tidak ada masa. Ya, sila.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar atas soalan itu. Sebenarnya, kita rasa bangga di Malaysia ini oleh kerana kita ada satu prinsip di Kementerian Kesihatan iaitu kita hendak mencapai satu matlamat iaitu matlamat itu ialah, tiap-tiap penduduk di tanah air kita akan memperolehi satu kemudahan kesihatan Kerajaan tidak lebih daripada 5 kilometer daripada tempat duduknya. Itu satu prinsip yang kita gunakan. Kita rasa bangga oleh kerana di Semenanjung, kita sudah sampai kepada tahap 95% penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia sudah masuk di dalam kategori yang saya sebutkan itu. Satu pencapaian yang sangat baik — 95% jumlah penduduk di Semenanjung.

Tetapi saya akui, di Sabah dan Sarawak, hanya di peringkat 70% sampai 75% sahaja. Maka ada 25% sampai 30% yang di luar jarak 5 kilometer daripada kemudahan klinik kesihatan yang terdekat. Tetapi oleh kerana Sabah dan Sarawak lebih lambat masuk di dalam Persekutuan, oleh kerana itu masih ada satu time gap. Tetapi dalam jawapan saya tadi, kita telah merancang lebih banyak lagi kemudahan fizikal, klinik, hospital dan lain-lain untuk Sabah dan itu akan termasuk juga Sarawak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Cukuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup dah? Tak mahu beri jalan dah? Dia tak mahu beri jalan dah. Kementerian Pembangunan Usahawan.

6.26 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam sidang ini.

Yang Berhormat Larut telah membangkitkan mengenai Tahun Pembangunan Usahawan 1994. Sebagai makluman, tahun 1994 telah diisytiharkan sebagai Tahun Pembangunan Usahawan oleh Kementerian Perusahaan Awam yang sekarang ini menjadi Kementerian Pembangunan Usahawan. Ia merupakan satu usaha Kementerian bersama agensi-agensinya membantu, membimbing dan mempromosikan keusahawanan serta merupakan pendekatan baru di dalam perumusan program-program dan aktiviti-aktiviti yang lebih bersepadu dengan mengambil kira keperluan pengoptimuman penggunaan sumber-sumber tenaga manusia dan kewangan yang terhad di samping untuk menghasilkan impak yang lebih ketara kepada para usahawan bumiputera.

Tahun Pembangunan Usahawan 1994 juga merupakan satu penonjolan penting hasrat Kerajaan untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera ataupun MPPB dan keunggulan peranan agensi-agensi Kementerian di dalam bidang ini. Agensi-agensi Kementerian mempunyai kekuatan masing-masing dan apabila digabungkan tenaga kerjasama dalam melaksanakan aktiviti ataupun program yang dirancangkan itu, ianya boleh membawa golongan

usahawan bumiputera kepada sektor ekonomi yang lebih teguh seperti mempertingkatkan ekuiti dalam sektor korporat dan sebagainya.

Tahun Pembangunan Usahawan juga telah membawa kerjasama baru yang lebih erat di antara agensi-agensi KPA dan usahawan-usahawan bumiputera dalam usaha mengurangkan jurang yang wujud di antara mereka dan memantapkan ekonomi bumiputera mencapai MPPB tanpa menjejaskan etika bekerja masing-masing.

Tahun Pembangunan Usahawan 1994 juga ternyata telah berjaya menonjolkan imej Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya dalam aspek keusahawanan. Banyak aktiviti-aktiviti/kegiatan/galakan yang telah diadakan dan dilaksanakan oleh pihak Kementerian dan agensi-agensi Kementerian baik di peringkat negara, negeri, tempatan dan antarabangsa. Kebanyakan program-program aktiviti tersebut telah disatukan di bawah satu strategi dan persefahaman yang mendalam di antara agensi-agensi Kementerian dan agensi-agensi di luar Kementerian yang bertujuan membawa pergerakan MPPB secara berterusan menuju kepada Wawasan 2020.

Sebanyak 19 program aktiviti utama telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian manakala agensi-agensi di bawah Kementerian telah pun berjaya melaksanakan sebanyak 105 program dan aktiviti. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada program ataupun aktiviti tersebut telah dilaksanakan sepanjang tahun. Di antara aktiviti di peringkat antarabangsa yang telah dilaksanakan ialah menganjurkan seminar antarabangsa bersama Nebraska Centre for Entrepreneurship USA mengenai "The Fourth Global Conference on Creative Entrepreneurship", "The Total Entrepreneurship in The Global Economy" yang telah dihadiri oleh kira-kira 300 orang usahawan luar negara dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM100,000 telah diperuntukkan bagi menampung program-program yang dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kebanyakan agensi menggunakan peruntukan kewangan masing-masing. Peruntukan kewangan juga telah digunakan untuk menyediakan logo Tahun Pembangunan Usahawan 1994 yang merupakan sebuah gasing sedang berputar yang melambangkan usahawan sentiasa ligat dengan usaha-usaha keusahawanan mereka.

Dari segi keberkesanan pelaksanaan program aktiviti Tahun Pembangunan Usahawan 1994 adalah didapati ianya telah berjaya dan memberi perangsang kepada agensi-agensi untuk berusaha lebih giat lagi dalam membantu usahawan-usahawan. Dari sudut usahawan pula, dari tinjauan yang telah dibuat mereka mengatakan banyak maklumat-maklumat baru yang diperolehi yang mana selama ini tidak diberi pendedahan atau mereka tidak tahu ke mana hendak ditujukan persoalan mereka. Di samping itu juga, mereka mendapat pasaran baru terutama di peringkat luar negeri menerusi pelbagai ekspo, galeri usahawan yang telah diadakan dengan usahasama dan kerjasama padu dari semua agensi-agensi amanah di bawah Kementerian. Program-program kesedaran pembangunan usahawan dan keusahawanan yang terus dijalankan dan dipergiatkan sebagai teras aktiviti-aktiviti Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keperluan golongan penjaja dan peniaga-peniaga kecil di seluruh negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, sukalah Kementerian ini memberi jaminan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan tidak mengabaikan keperluan mereka. Di samping MARA yang menyediakan tabung pinjaman bagi peniaga kecil, terdapat Credit

Guarantee Corporation (CGC) yang merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Di bawah CGC terdapat kemudahan....

**Datuk Hanafi bin Ramli:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Jerlun bangun.

**Datuk Hanafi bin Ramli:** Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada pihak-pihak tertentu memberi pinjaman kewangan kepada penjaja kecil dengan kadar RM1,000 kemudiannya kena bayar RM1,300 dan dipungut balik bayaran itu dalam tempoh 100 hari. Maknanya sehari RM13.00. Walaupun penjaja itu belum lagi buka kedai, tetapi pemberi pinjaman wang itu akan datang dan membuat pungutan.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih di atas perhatian yang diberi oleh Yang Berhormat. Sebenarnya ianya di dalam pengetahuan kita.

Di bawah CGC terdapat kemudahan-kemudahan pinjaman seperti Tabung Penjaja-penjaja dan Peniaga Kecil 1992 di mana tabung ini bertujuan membolehkan persatuan-persatuan penjaja terlibat secara aktif di dalam membantu ahli-ahli mereka mendapatkan pinjaman. Di bawah skim-skim khas untuk penjaja dan peniaga kecil yang menyediakan pinjaman sehingga RM10,000 tanpa faedah, seramai 35,000 penjaja telah mendapat kemudahan dengan nilai pinjaman sebanyak RM126,000. CGC juga mengadakan rancangan bersama Amanah Ikhtiar Malaysia di mana bantuan disalurkan kepada peniaga-peniaga kecil di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Setakat April 1995, pinjaman yang diberikan di bawah skim ini ialah sebanyak RM9.9 juta melibatkan 7,033 peminjam.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Di samping itu juga, Kementerian Pembangunan Usahawan melalui agensi-agensinya juga menyediakan premis perniagaan serta juga khidmat runding nasihat kepada penjaja dan juga kepada peniaga-peniaga kecil. Sungguhpun demikian, saranan Yang Berhormat tepat pada masanya dan akan seterusnya diberi perhatian dalam perancangan program-program pembangunan usahawan di Kementerian yang menjamin kepentingan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Gaya mengenai permohonan lesen kenderaan perdagangan yang diuruskan oleh LPKP Sabah. Sukacita dimaklumkan bahawa.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Tanjung Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Telah kita dengar tadi berbagai-bagai agensi telah pun diwujudkan seperti CGC, MARA dan juga beberapa agensi telah ditubuh untuk membantu peniaga dan penjaja kecil. Saya ingin mendapat penjelasan. Adakah pihak Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menubuhkan satu lembaga sebagai contoh kalau peladang mereka ada Lembaga Pertubuhan Peladang. Kalau nelayan mereka ada LKIM dan ada persatuan nelayan yang berdaftar. Jadi, adakah Kementerian Yang Berhormat berusaha ke arah menubuhkan lembaga untuk peniaga dan penjaja kecil?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Pihak Kementerian sekarang masih lagi dalam perediaan proses brainstorming, dengan izin, untuk mengadakan blue print Kementerian. Insya-Allah sebulan lagi Yang Berhormat, kita akan kemukakan ca-

dangan kita. Sukacita dimaklumkan bahawa tempoh memproses permohonan lesen baru mengambil masa selama tiga bulan tertakluk kepada permohonan-permohonan yang diterima mempunyai dokumen-dokumen yang lengkap. Walau bagaimanapun, memang diakui terdapat setengah-setengah yang agak lewat diproses disebabkan perlu penyiasatan dan mendapat maklumat tambahan yang difikirkan perlu. Sebagai makluman kebanyakan permohonan lesen baru dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Mengenai permohonan lesen lori oleh syarikat-syarikat, tidak dinafikan terdapat permohonan yang diluluskan hanya setakat satu ataupun dua lesen sahaja dari jumlah yang dipohon. Setiap permohonan yang dipertimbangkan akan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) jumlah lesen yang diluluskan sebelum mempertimbangkan permohonan yang baru oleh pemohon individu atau syarikat;
- (ii) jenis-jenis perniagaan yang dijalankan;
- (iii) kemampuan kewangan syarikat-syarikat sama ada mempunyai kemudahan pinjaman ataupun sebagainya.

Sungguhpun begitu, Lembaga masih mempertimbangkan dan meluluskan permohonan-permohonan yang berkaitan sekalipun tidak mempunyai jumlah lesen yang dipohon. Berhubung dengan pengeluaran lesen mengikut kaum adalah tidak berbangkit sama sekali. Lembaga mempertimbangkan setiap permohonan mengikut keperluan dan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Dalam Negeri.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Dalam Negeri. Semasa perbahasan dijalankan terdapat beberapa dakwaan terhadap Kerajaan bahawa kononnya negara ini tidak demokratik dan tidak ada kebebasan akhbar. Sehubungan dengan itu adalah ditegaskan iaitu Kerajaan sebenarnya selama ini mengutamakan soal keselamatan dan kesejahteraan negara dan pada masa yang sama sistem demokrasi berparlimen diamalkan dengan baik.

Pada masa kini pengharaman rapat umum masih difikirkan perlu kerana jika ditarik balik nescaya banyak perhimpunan haram sengaja diadakan untuk membesarkan isu-isu yang menyemarakkan perasaan perkauman dan keagamaan secara melampau. Isu-isu yang sensitif kepada kaum-kaum menjadi pilihan utama dan selalunya diperbesar-besarkan sehingga boleh menimbulkan ketegangan kaum. Kerajaan masih merasakan puak-puak pelampau agama dan perkauman ini menunggu peluang untuk mengganggu keadaan negara yang aman dan harmoni. Dengan adanya batasan seperti sekarang, Kerajaan yakin dapat mengawal semangat pelampau agama dan perkauman serta dapat menghindar kejadian buruk daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa bukan sahaja akhbar.....

**Tuan P. Patto:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bagan.

**Tuan P. Patto:** Terima kasih, Tuan Speaker. Bolehkah saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru sahaja memberi beberapa sebab tentang mengapa rapat umum diharamkan dalam negara ini. Adakah beliau sedar bahawa selepas rusuhan 13 Mei 1969 dan apabila Parlimen bermesyuarat semula selepas rusuhan itu, rapat umum dibenarkan waktu itu dan tidak ada berlaku sebarang rusuhan yang menggugat keselamatan negara pada ketika itu dan dalam pilihan raya tahun 1974 juga rapat umum dibenarkan. Sehingga tahun 1978 apabila rapat umum diharamkan dengan alasan bahawa Parti Komunis Malaya ketika itu mengadakan ulang tahunnya pada waktu itu dan oleh kerana itu rapat umum diharamkan pada tahun 1978. Memandangkan pada hari ini Parti Komunis Malaya sendiri sudahpun hampir-hampir menyerah diri dengan penyerahan senjatanya dan ia tidak melanjutkan perjuangan bersenjatanya; maka tidakkah sampai masanya untuk rapat umum dibenarkan semula? Bukan bahawa negara ini tidak pernah mengadakan rapat umum dan tidakkah benar bahawa rapat umum adalah di bawah kawalan polis seperti mana tercatat dalam Akta Polis dan tidakkah benar bahawa sebarang rapat umum yang boleh diadakan hanya boleh diadakan selepas mendapat kebenaran daripada pihak polis? Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri datang mengatakan rusuhan, pelampau, fanatik agama dan sebagainya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul pada satu ketika rapat umum itu dibenarkan dan pada masa selepas 13 Mei, 1995 ini yang selalunya dari pihak Pembangkang kata jangan sebut-sebut peristiwa itu, tetapi Ahli Yang Berhormat sudah sebut, jadi saya pun terangkan fakta ini. Sebaik sahaja selepas 13 Mei, masa itu rakyat semua kaum pun begitu berhati-hati sebab semua termasuk

Pembangking, pun tak hendak mahu tengok satu keadaan kacau lagi dan untuk beberapa tahun itu semua berhati-hati. Jadi, masa itu kalau rapat umum pun orang sudah ada satu peristiwa yang ingatkan kita, dia baru lagi. Tetapi apabila selepas beberapa tahun, sehingga tahun 1978, nampaknya selalunya ingatan (memory) kita itu very short, lambat-laun orang sudah bangkitkan macam-macam isu lagi.

Dalam satu tempoh di mana keadaan negara kita telah pun begitu stabil, begitu harmoni, suasana (atmosphere) pelaburan pun begitu baik, maka Kerajaan telah mengkaji keadaan keseluruhan, timbul pula nampaknya ada gejala perkauman, gejala pelampau agama mula ganti tempat komunis. Maka kita rasa perlu teruskan kawalan, bukan kita hapuskan langsung rapat umum. Pada hari ini saya rasa ahli Pembangkang pun bersetuju sebenarnya beberapa tahun ini banyak parti-parti Pembangkang telah berjaya menganjurkan majlis makan besar secara raksasa sampai 5,000 orang, 10,000 orang hadir untuk berucap, masa itu adalah dibenarkan, tetapi dengan kebenaran polis. Apabila ada kebenaran polis, maka ini adalah satu keadaan untuk membolehkan polis buat persediaan kawalan keselamatan. Sekiranya ada apa-apa kacau-bilau, gaduh ataupun ada musuh Pembangkang, hendak kacau Pembangkang itu, polis boleh tahan, polis boleh asingkan jangan beri dia timbul 'riot' ataupun gaduh. Saya rasa niat Kerajaan itu adalah baik. Kita tak hendak tengok siapa pergi baling batu, siapa lawan dengan siapa, Ini adalah keadaan yang sebenar yang dapat saya terangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Jangan banyak sangatlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tak cagak banyak, sedikit sahaja, minta penjelasan. Saya tak mahu panjang lebar. Cuma tadi penjelasan itu tidak tepat. Pada satu ketika dia kata negara ini memang aman, damai, tak ada masalah langsung sekarang dan pada satu ketika dia kata, ini polis baik, dia siasat semua dan dia berhenti. Saya ada menyertai satu rapat umum raksasa yang dianjurkan oleh pihak MCA, saya pergi tengok juga kerana dia pelawa saya, samar-samarlah namanya. Saya nampak pihak polis pun ada buat kerja juga dengan rapi, raksasa itu dibenarkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Apa 'raksasa', Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rapat umum raksasa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya. Ada bezanya itu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang ada beza. Walau bagaimanapun, ini bermakna kita mampu untuk membenarkan rapat umum raksasa. Kalau kita mampu, mengapa kita masih haramkan? Dan Padang Terap pun tahu tiap-tiap kali Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Point of Order.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak payahlah, saya sudah habis.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of Order, nanti Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya sudah habis, tak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu terpulang kepada Kerusi. Yang Berhormat tunggu sebentar.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Point of order, 35(1). Dia bercakap macam orang jual ubatlah. (*Ketawa*) Dia tengok speaker.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa ni.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya belum lagi buat keputusan. Saya rasa memang itu cara Ahli Yang Berhormat dari Kepong berucap, tetapi saya rasa tak kena juga. Yang Berhormat diingatkan supaya singkatkan soal ini. Janganlah ambil kesempatan untuk berucap, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tak berucap. Kita mesti ada mukadimah dahulu. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Soal terus, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalnya, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi semua mendorong kepada inilah masa sesuai untuk kita membenarkan rapat umum, tetapi dalih-dalih yang diberikan tak masuk akal langsung.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang saya jelaskan tadi sudah cukup jelas dan munasabah. Dengan kawalan polis dan dengan adanya atur masa, tempat yang sesuai diizinkan, itulah yang menjadikan majlis raksasa itu berjaya sampai habis tanpa menimbulkan kacau-bilau. Kalau sekiranya kawalan itu tidak ada, saya rasa pada masa yang sama dua parti cuba hendak pergi satu tempat nak buat raksasa dua-dua sekali, gaduhlah nanti.....

**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Dua-dua raksasa itu akan jadi.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dua-dua raksasa? Rapat umum, ya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Dia akan jadi satu kacau-bilau yang raksasa.

**Tuan P. Patto:** Minta penjelasan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya baru lagi, beri saya masuk kepada tajuk.

**Tuan P. Patto:** Tak payah, yang itu juga, rapat umum itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu hak dia sama ada hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan P. Patto:** Ya, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

**Tuan Ong Ka Ting:** Tak adil bagi orang lain tunggu kita cakap isu ini sudah habis.

**Tuan P. Patto:** Bolehlah beri saya sedikit mengenai rapat umum ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Okay, last, ringkas sahaja.

**Tuan P. Patto:** Terima kasih. Tuan Speaker, tadi dalam memberi penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa nampaknya ada gejala ganti komunis. Saya tak tahu apa maksudnya. Itu pertama.

Yang kedua, tidakkah beliau sedar bahawa Suruhanjaya Pilihanraya yang mempunyai tanggungjawab ke atas kerja-kerja menjalankan pilihan raya, juga membuat saranan bahawa rapat umum harus dibenarkan dengan kawalan polis, bukan tanpa kawalan polis. Tidakkah beliau juga sedar bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang sekarang juga ada membuat saranan bahawa mungkin sudah tiba masa untuk membenarkan rapat umum dibenarkan dan ia dikawal seperti mana termaktub dalam Akta Polis. Bolehkah Yang

Berhormat Timbalan Menteri menyebut adakah di mana-mana tempat di masa lampau di mana rapat umum dibenarkan bagi dua pihak, Pembangkang dan parti pemerintah, di tempat yang sama oleh polis, saya kira tak ada. Waktu rapat umum dibenarkan, tak berlaku macam itu sebab permit diberi kepada hanya satu pihak, bukan kepada dua-dua pihak.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa memang boleh jadi kacau-bilau kalau dibenarkan oleh polis untuk diadakan rapat umum di satu tempat yang sama, itu saya setuju, tetapi polis tak pernah beri begitu. Hanya saya hendak dapat tahu, tidakkah sudah tiba masanya untuk rapat umum dibenarkan memandangkan bukan sahaja SPR malah Ketua Menteri Pulau Pinang daripada Barisan Nasional pun menyarankan supaya rapat umum dibenarkan dan juga badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) juga membuat saranan itu. Tidakkah tiba masanya untuk kaji semula saranan ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah keadaan, dengan izin, 'ideal condition' memang banyak perkara kita boleh timbang, termasuk apa yang disarankan kononnya Suruhanjaya Pilihan-raya pun kata rapat umum itu wajar.....

**Tuan P. Patto:** Penjelasan. Bukan 'kononnya', tetapi itu benar.

**Tuan Ong Ka Ting:** Itu hak saya memilih perkataanlah.....

**Tuan P. Patto:** Bukan, ia mempunyai erti kata yang lain.

**Tuan Ong Ka Ting:** Itu hak saya. Hak saya nak cakap apa.....

**Tuan P. Patto:** Bukan, hak tak boleh pilih kata-kata sesuka hati, Tuan Speaker? Tuan Speaker lebih faham!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu sekadar pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Patto:** Bukan pandangan. Memilih kata itu kena tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat bolehlah tidak bersetuju, Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Bukan soal setuju atau tak setuju, tepat atau tak tepat, benar atau tak benar.

**Tuan Ong Ka Ting:** Okay, Ahli Yang Berhormat dari Bagan boleh tegur tetapi saya masih pilih perkataan yang maksud saya, kononnya rapat umum itu wajar. Kononnya ia wajar. Ini bermakna, di bawah keadaan semuanya sempurna, kata-kannya negara Malaysia kita ini tidak ada kesensitifan perkauman ataupun penduduknya tidak dalam proposi yang bercampur-campur dan agama pun tidak begitu berbagai dan juga ada masa-masa transitional untuk menjalankan sesuatu dasar untuk wawasan jauh tetapi di masa transitional period ini memang ada kesensitifannya — dia punya perasaan.

Kalau sekiranya tidak ada keadaan seperti ini yang kita terpaksa alami, mungkin Malaysia kita boleh bebas dalam apa-apa pun dan kita boleh anggapkan semua parti begitu matang dan orang di sini semuanya tidak emosi, maka ini semua bolehlah. Tetapi keadaan yang kita telah pun belajar daripada peristiwa-peristiwa dahulu dan masa kini yang mana kita nampak gejala yang seperti ini mungkin terjadi.

Jadi, pihak keselamatan yang lebih mahir dari segi keselamatan ialah pihak polis dan juga pihak penguat kuasa yang lain dan mereka telah memandangkan berat. Rasanya masa belum tiba untuk kita bebaskan semua. Bahkan pada masa ini



Kerajaan membenarkan perjumpaan melalui majlis-majlis jamuan makan malam ataupun majlis-majlis di dalam bangunan-bangunan yang besar yang tertutup. Jadi, buat masa ini kita izinkan dan tidak disekat sampai habis. Mungkin pada satu hari nanti apabila kita mendapati suasana itu sudah lebih menggalakan maka kita akan kaji semula. Ini tidak selama-lamanya. Saya ingat isu ini cukuplah tak payah kita bincang panjang sangat. Walau bagaimanapun,...

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
(*Bagun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Yan bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pandangan Kerajaan supaya rapat umum ataupun rapat raksasa ini dibekukan kerana walaupun tidak ada rapat umum atau rapat raksasa, ternyata kelonggaran yang diberi oleh Kerajaan apabila ceramah-ceramah yang dijalankan, kadangkadangkaw kawan itu berceramah di atas rumah PPRT, rumah yang kecil, tetapi di luar itu beribu — sepuluh ribu pun ada — fasal hendak dengar kes khalwat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat, pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam siri-siri ceramah yang diadakan terdapat bahawa pihak Pembangkanglah yang sentiasa mengeluarkan isu-isu yang menghangatkan keadaan seperti membakar akhbar, pukul orang televisyen dan sebagainya. Orang TV3 tidak fasal-fasal, hendak cari makan sekupang, dua kena pukul. Jadi, yang mula kerja ini adalah orang dari parti Pembangkang. Kemudian mereka desak Kerajaan buat rapat raksasa. Dalam tidak buat rapat

raksasa pun mereka dok pukul orang, ini pula kalau ada rapat raksasa dia 'himbuk' lagi teruk, Tuan Yang di-Pertua! Jadi, saya sokong ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak buat ucapankah ataupun hendak menyoal?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan. Sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya. (*Ketawa*) Terima kasih.

**Tuan Ong Tee Keat:** Memang saya bersetuju dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan kerana beliau telah mengingatkan saya untuk membuat satu lagi penerangan di sini.

Sebenarnya saya tidak huraikan apa yang Kerajaan atau pasukan keselamatan rasa bimbang dari segi perhimpunan raksasa atau rapat umum yang begitu senang pihak-pihak Pembangkang seperti mana yang baru ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan. Mereka baru-baru ini — bukan dahulu — tetapi sebelum pilihan raya iaitu masa kempen pilihan raya mereka telah mengadakan rapat umum yang besar-besar walaupun tidak diizinkan. Mereka telah mengapi-apikan semua yang...

**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya belum habis! Apa yang saya hendak cakap, you belum tahu! Beri saya habiskan penerangan dahulu...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sabar dahulu!

**Tuan P. Patto:** Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kata rapat umum tanpa kebenaran. Itu saya ingat tidak tepatlah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Ya. Memang ada perjumpaan kempen pilihan raya dijadikan rapat umum di mana seorang penceramah berdiri di atas bukit dan dalam lebih kurang 10,000 orang mendengar macam-macam ucapan mengapi-apikan — sampai hendak bunuh Perdana Menteri kita — itu telah dikeluarkan! Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Bagan belum pernah dengar! Mungkin satu hari kita boleh beri tape kepada Ahli Yang Berhormat...

**Tuan P. Patto:** Ya, apabila Timbalan Menteri membuat rapat umum dan berucap begitu mungkin saya akan pergi dan dengar. *(Ketawa)*

**Tuan Ong Ka Ting:** Pada satu hari nantilah!

**Tuan P. Patto:** Ya! Dia akan membuat ucapan dalam rapat umum membunuh Perdana Menteri. *(Disampuk)*

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya rasa Ahli Yang Berhormat....

**Tuan P. Patto:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli Yang Berhormat Bagan, janganlah mencelah macam itu!

**Tuan Ong Ka Ting:** Ahli Yang Berhormat dari Bagan ataupun dari Kepong ataupun Ahli-ahli DAP di sini mungkin mereka tidak merasa berapa seriusnya. Sudah ada terjadi macam-macam rapat umum dalam bentuk yang lain di negeri-negeri di Pantai Timur, mereka tidak tahu. Atau di tempat-tempat yang dikuasai oleh parti yang satu lagi yang tidak menyokong parti DAP dalam pemilihan Ketua Pembangkang! Mana dia tahu? *(Tepuk)* Itulah yang kita hadapi sekarang. *(Tepuk)* Selalunya apabila kita tengok sesuatu isu, kita tidak menengok dari pendirian kita sahaja, kita kena tengok dari semua segi. Jadi, niat itu memang baik, hendak menjaga keselamatan untuk semua termasuk Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi menegaskan bukan sahaja akhbar *Roket* bahkan semua akhbar parti politik baik dari pemerintah, tidak kira UMNO, MCA, GERAKAN atau sesiapa juga mahupun Pembangkang memang tidak dibenarkan untuk menjual kepada umum akhbar-akhbar parti mereka kerana itu merupakan lidah rasmi untuk diedarkan kepada ahli-ahlinya, sudah cukup. Lagi pun sudah banyak akhbar-akhbar harian untuk mereka menyuarakan suara mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mendakwa kononnya Kerajaan mengenakan kawalan ketat ke atas pihak akhbar. Adalah ditegaskan di sini bahawa Kementerian Dalam Negeri terus memelihara kebebasan akhbar, di samping memastikan tidak ada mana-mana pihak cuba menyalahgunakan kebebasan itu sehingga menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara ataupun kemoralan di negara ini.

Pertambahan jumlah penerbitan yang telah diberikan permit penerbitan jelas menunjukkan Kerajaan mendokong kebebasan bersuara selaras dengan Perlembagaan.

**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Masa sudah suntuk.

**Tuan P. Patto:** Masa suntuk?

**Tuan Ong Ka Ting:** JPM ada banyak lagi hendak gulung!

**Tuan P. Patto:** Tak apa, itu...

**Tuan Ong Ka Ting:** Lain kalilah.

**Tuan P. Patto:** Ah?

**Tuan Ong Ka Ting:** Kita bincang di luar nantilah. *(Ketawa)*

**Tuan P. Patto:** Macam mana hendak bincang di luar? Jawablah di dalam Dewan! *(Ketawa)*

**Tuan Ong Ka Ting:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga Mei 1995 sejumlah 64 permit akhbar harian dan 30 permit akhbar mingguan telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia. Sebenarnya, ramai pelawat, pelancong ataupun pelabur yang datang ke Malaysia ini begitu kagum kerana mereka mendapati terdapat banyak akhbar dalam berbagai bahasa yang dapat dibaca dalam negara ini. Ini satu keadaan yang kita tidak dapat cari di kebanyakan negara lain yang dikatakan negara maju. Mereka mengawal dengan begitu ketat.

Adalah menjadi tugas Kementerian Dalam Negeri untuk memberikan peringatan kepada semua akhbar tempatan dari semasa ke semasa supaya tidak menyiarkan berita-berita, rencana-rencana atau kenyataan-kenyataan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Peringatan tersebut adalah perlu apabila terdapat gejala bahawa trend laporan sesuatu akhbar itu mula melampaui batasan.

Kerajaan tidak ada niat untuk menyekat kebebasan rakyat untuk menjalankan aktiviti dan mengeluarkan pandangan mereka. Perlembagaan Persekutuan memang menjamin kebebasan rakyat. Namun begitu, prinsip Perlembagaan juga menekankan hak-hak kebebasan individu atau segolongan kecil rakyat ada mempunyai batasan apabila dibandingkan dengan kepentingan umum masyarakat. Oleh sebab itu, beberapa Akta termasuk ISA telah pun diluluskan oleh Parlimen ini selaras dengan kehendak Perlembagaan.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan isu kononnya ramai pendatang asing di Sabah telah dibekalkan

dengan kad pengenalan biru sama ada palsu atau betul dan resit pengenalan sementara borang JPN 1/9 juga turut dikeluarkan.

Mengenai penggunaan kad pengenalan dan resit sementara JPN 1/9 di dalam pilihan raya di Sabah, Kementerian ini ingin menjelaskan bahawa masalah ini mempunyai kaitan dengan penggunaan dokumen pengenalan palsu oleh mereka yang tidak bertanggungjawab terutamanya pendatang asing. Dengan menyedari masalah yang berlaku, pihak Kerajaan telah mengambil tindakan menubuhkan Pasukan Petugas bagi membendung masalah itu berlaku berleluasa.

Agensi-agensi penguatkuasaan juga telah melipatgandakan usaha-usaha pembasmian. Sebagai contoh, sejak tahun 1990 sehingga 1994 sebanyak 7,640 kad pengenalan palsu telah dikesan oleh pihak polis. Selain daripada itu, beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara di negeri Sabah telah ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang. Bilangan pendatang asing yang telah diusir balik ke negaranya hasil tindakan oleh pasukan petugas khas ini sejak tahun 1990 hingga 10hb Jun 1995 ialah kira-kira 63,180 orang. Mengenai dakwaan beliau bahawa terdapat beberapa orang di Sabah yang memiliki kad pengenalan yang sama nombornya, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya membantu Kerajaan untuk mengemukakan senarai nama mereka untuk disiasat dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Kementerian Dalam Negeri tidak akan bertolak ansur kepada orang-orang atau sindiket-sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu atau mengeluarkan satu kad kepada lebih daripada satu orang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Ahli Yang Berhormat dari Bandau.....

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bandau bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya telah sampai Bandau ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia hendak minta jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Ini terakhir, lepas ini tak ada lagi.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okay. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Timbalan Menteri yang berkenaan. Tadi pihak Timbalan Menteri telah mengakui bahawa ada wujudnya sindiket yang membuat IC palsu ini. Saya ingin bertanya, memandangkan bahawa dalam proses penukaran kad pengenalan plastik ke kad pengenalan bermutu tinggi di mana surat beranak tidak diperlukan lagi untuk tujuan itu, jadi tidakkah bahaya timbul di mana kad pengenalan palsu ini walaupun palsu diteruskan untuk ditukarkan kepada kad pengenalan bermutu tinggi kerana surat beranak tidak lagi diperlukan, memandangkan di kalangan pegawai-pegawai ada penyelewengan di peringkat kawasan seperti mana juga Yang Berhormat telah akui bahawa beberapa pegawai telah pun diambil tindakan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menerangkan perkara ini di Parlimen pada sesi yang lalu, di mana sistem penukaran kad pengenalan memang dijalan — nama KPT itu bukan dari segi kualiti tinggi, tetapi adalah kad pengenalan bermutu tinggi dari segi ciri-ciri keselamatan dan security measure, di mana satu-satu kad lama plastik itu yang dipohon untuk tukar, permohonan itu akan dirujuk kepada ibu pejabat di Kuala

Lumpur, tidak akan diproses di Sabah. Di Kuala Lumpur akan dapatkan master failnya, di mana dalam master fail terdapat pendua asal kad genuine itu untuk disemak. Kalau sekiranya kad yang ada pada pemegang itu dengan kad pada rekod itu adalah betul, sejajar dan tidak ada apa-apa percanggahan, maka barulah kad baru itu akan dikeluarkan oleh ibu pejabat. Jadi, saya rasa tak kira apa yang mereka akan menyampaikan, pada akhirnya the deciding end, dengan izin, adalah dekat ibu pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang menyedari masalah yang dihadapi oleh penduduk pedalaman untuk menukar kad pengenalan plastik kepada kad pengenalan baru. Salah satu cara yang telah diambil ialah dengan menghantar kakitangan JPN ke kawasan pedalaman melalui program lawatan khas bagi membantu menyelesaikan masalah-masalah sijil kelahiran dan penukaran kepada kad pengenalan baru. Walau bagaimanapun, masalah pengangkutan, perhubungan dan cuaca menghadkan kelancaran pelaksanaan program tersebut. Bagi menjamin keberkesanan lawatan khas ini, kerjasama pihak ketua-ketua masyarakat, pemimpin-pemimpin politik juga amat diperlukan supaya memberitahu kepada penduduk tempatan untuk mengambil kesempatan terhadap perkhidmatan yang sedia ada itu.

Berkenaan dengan perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupa, denda sehingga RM150.00 yang dikenakan adalah kerana pendaftaran lewat kad pengenalan selepas berumur 21 tahun. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah buat keputusan untuk mengecualikan denda tersebut bagi penduduk luar bandar di Sarawak. Oleh yang demikian, jika sekiranya masih ada dikenakan denda, maka Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah bangkitkan perkara ini kepada Pengarah JPN di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Bukit Bintang berkenaan dengan laporan polis yang telah dibuat ke atas MBf Holdings, satu subjek yang sangat popular, Yang Berhormat selalu bangkit-bangkitkan. Adalah dimaklumkan siasatan polis mengenai perkara ini telah pun selesai dilaksanakan. Pihak Peguam Negara telah meneliti laporan dan keputusan telah dibuat iaitu tidak ada kes untuk didakwa.

Seterusnya Yang Berhormat dari Bukit Bintang bertanya kenapa Jabatan Imigresen Malaysia tidak mengawal selia dengan baik pekerja-pekerja asing di Malaysia. Suka saya menjelaskan bahawa pekerja asing di Malaysia terdiri dari pekerja-pekerja sah dan pekerja yang tidak sah. Pekerja sah diberi pas lawatan kerja atau MRC, dengan izin, Machine Readable Card sebagai pengenalan diri dan bertujuan supaya pekerja-pekerja asing tidak menukar majikan kerana pada kad atau pas tersebut dicatatkan nama majikan dan tempat bekerja. Di samping itu, kawalan juga dilakukan terhadap tempoh mereka yang diizinkan bekerja di Malaysia.

Bagi pekerja yang tidak sah, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti meningkatkan kawalan dan rondaan oleh agensi-agensi penguatkuasaan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti. Pihak berkuasa juga ada menjalankan operasi berkala seperti 'Ops Nyah' dan melancarkan operasi mengesan dan menangkap pekerja-pekerja asing yang didapati terlibat dengan kes-kes jenayah dan seterusnya mengambil tindakan mendakwa mereka di mahkamah atau dikenakan denda dan seterusnya diusir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1992 hingga hari ini seramai 111,051 orang pendatang tanpa izin ini telah pun diusir.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi penjelasan ke atas beberapa pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan. Bagi pandangan dan teguran yang tidak sempat saya jawab dengan sempurna, saya beri jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jabatan Perdana Menteri diminta jawab.

*7.09 mlm.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Penggal Pertama Parlimen Kesembilan yang lalu.

Beberapa perkara berkaitan Jabatan Perdana Menteri turut disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana pilihan raya umum baru sahaja berlalu, maka ramai Ahli Yang Berhormat menyentuh perkara berkaitan pilihan raya, terutama pihak Pembangkang yang sering tidak berpuas hati dengan Suruhanjaya Pilihanraya mengendalikan pilihan raya yang lalu. Saya tidak bercadang untuk menjawab secara terperinci kepada perkara-perkara yang dibangkitkan kerana ianya disentuh secara umum tanpa bukti yang kukuh mengenai kelemahan perjalanan pilihan raya yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa Parlimen bagi mengkaji penyelewengan yang berlaku dalam pilihan raya umum 1995. Untuk menjawab kepada cadangan ini biarlah terlebih

dahulu saya mengulas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Ahli Yang Berhormat yang lain dari pihak Pembangkang.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mendakwa bahawa kertas penamaan calon telah ditolak dengan sewenang-wenangnya. Di dalam hubungan ini, sukalah dijelaskan bahawa pihak SPR telah menolak kertas penamaan calon berlandaskan kepada peruntukan undang-undang. Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981 jelas menyatakan bahawa SPR berpendapat tidak ada sebab mengapa bakal-bakal calon gagal mengisi kertas penamaan dengan lengkap, kerana kertas penamaan ini telah dipermudahkan dan cara mengisinya telah diterangkan dengan jelas dalam buku panduan calon yang dikeluarkan oleh SPR.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mendakwa bahawa terdapat kucar-kacir dalam pemilihan kad warna kertas undi. Kenyataan Yang Berhormat itu tidak benar sama sekali. Tidak berlaku keadaan kucar-kacir di dalam pemilihan warna kertas undi. Warna kertas undi telah ditetapkan lebih awal iaitu warna 'old gold' untuk Parlimen dan warna putih untuk Negeri.

Apa juga dakwaan bahawa terdapat kesilapan semasa pengiraan undi oleh SPR, perkara ini juga tidak berasas sama sekali. Pengiraan undi telah berjalan dengan lancar di bawah penyeliaan ketua tempat mengundi. Tidak mungkin berlaku kesilapan ketika proses pengiraan undi kerana jumlah undi yang dikira adalah kecil iaitu antara 350 hingga 600 kertas undi sahaja. Dan ianya dilakukan di bawah pengawasan rapi ejen-ejen yang mewakili calon.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Tuaran dan Keningau juga membangkitkan mengenai 'phantom voters' semasa pilihan raya umum yang lalu. SPR menafikan terdapatnya 'pemilih hantu' atau phantom voters dalam daftar pemilih. Memang terdapat keadaan dalam mana orang-orang yang tidak dikenali telah keluar mengundi di dalam pilihan raya tetapi mereka bukan pengundi hantu. Apa yang sebenarnya berlaku ialah pemilih-pemilih itu, pada tarikh kelayakan memang bermastautin di satu-satu bahagian pilihan raya. Tetapi telah berpindah ke tempat lain. Dari segi undang-undang, mereka ini layak untuk mengundi di bahagian ...

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Sekejap, Yang Berhormat!

Dari segi undang-undang, mereka ini layak mengundi di bahagian pilihan raya di mana-mana nama mereka tercatat. Jika benar wujud pengundi hantu ini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan sepatutnya mengemukakan bantahan apabila rang daftar pemilih dipamerkan. Silakan!

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tuaran bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tadi, Menteri berkata bahawa tidak ada pengundi palsu ataupun pengundi hantu tetapi kita telah menghantar lebih kurang 100,000 pengundi hantu yang wujud di Sabah. Dan seperti yang dikatakan SPR sendiri telah

mengakui bahawa lebih kurang 10% daripada pengundi yang telah keluar mengundi di Sabah dalam pilihan raya negeri Sabah 1994 adalah pengundi-pengundi hantu. Dan SPR sendiri mengakui perkara itu. Jadi, kenapa pula Yang Berhormat Menteri menafikan bahawa ada pengundi hantu, sedangkan sebuah parti komponen Barisan Nasional di Sabah telah juga mempersoalkan kesahihan lebih kurang 12,000 pengundi-pengundi yang ada di dalam daftar pengundi di Sabah. Saya ingin penjelasan tentang hal ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat itu akan disiasat lagi dan apa yang dihantar tidak semestinya perkara yang benar. *(Tepuk)*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Keningau yang mendakwa terdapat warganegara asing didaftar sebagai pengundi. Sukalah dijelaskan bahawa kakitangan SPR yang dilantik sebagai ...

**Tuan P. Patto:** Penjelasan!

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Nanti sekejap Yang Berhormat, biarkan saya habiskan dahulu sekejap.

Sukalah dijelaskan bahawa kakitangan SPR yang dilantik sebagai Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran untuk urusan pendaftaran pemilih akan menyemak butir-butir tiap-tiap orang yang ingin mendaftar sebagai pemilih. Dan jika mereka memenuhi syarat-syarat seperti kewarganegaraan dan berumur 21 tahun ke atas, maka mereka akan didaftarkan sebagai pemilih untuk menentukan sama ada seorang itu warganegara atau tidak. Kakitangan SPR akan menyemak sama ada mereka mempunyai kad pengenalan, sama ada kad pengenalan lama ataupun kad pengenalan baru. Dalam hal ini kakitangan SPR tidak berkemampuan untuk menentukan sama ada kad pengenalan itu sah atau palsu. Tambahan pula

SPR bukanlah pihak yang berkuasa untuk berbuat demikian. Khusus untuk negeri Sabah, SPR ada menjalankan urusan menyemak butir-butir pemohon untuk pendaftaran sebagai pemilih dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Jika rekod permohonan itu tidak ada di Jabatan Pendaftaran Negara, maka permohonan itu tidak akan diproseskan. Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Terima kasih. Tadi, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, dia ada mengatakan bahawa tidak ada 'phantom voters'. Dan apa yang dimaksudkan sebagai 'phantom voters' adalah pengundi-pengundi yang mungkin tidak bermastautin di tempat yang mana mereka berdaftar sebelum hari mengundi. Dan juga Yang Berhormat Menteri ada mencadangkan bahawa sebarang bantahan harus dibuat sewaktu daftar pemilih dipamerkan.

Sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa apa yang ada dalam undang-undang ataupun peruntukan yang ada dalam undang-undang berkaitan dengan daftar pemilih dan penyemakan ialah sesuatu bantahan hanya boleh dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sewaktu daftar pemilih dipamerkan. Dan sedarkah beliau bahawa daftar pemilih dipamerkan hanya untuk 14 hari dan 14 hari itu pun beberapa jam sahaja setiap hari. Dan sedarkah beliau bahawa tidak munasabah langsung bahawa seseorang yang mahu membuat bantahan tidak dapat membuat bantahan itu dalam tempoh yang begitu singkat tetapi bolehkah pihak Kerajaan menimbang untuk meminda undang-undang tersebut khususnya peruntukan 14 hari di mana daftar pemilih itu dipamer supaya diberi tempoh yang lebih panjang dan masa yang lebih panjang bagi setiap hari supaya pemilih ataupun orang yang berminat boleh mengkaji dan melihat sama ada orang yang mendaftar untuk menjadi pemilih itu benar-benar bermastautin di tempat yang ia tuntutan pemastautin.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Saya sedar bahawa keadaan undang-undang yang ada ialah 14 hari dan seperti mana yang telah diumumkan bahawa Kerajaan sedang melihat semula kepada peraturan-peraturan yang ada di dalam SPR. Tetapi suka saya menjelaskan bahawa kita beri 14 hari itu, bagi seseorang yang berminat kepada sesuatu perkara, 14 hari itu sudah cukup panjang. *(Tepuk)* Bagi yang tidak berminat jika kita beri 14 tahun pun dia tidak berbuat apa-apa!

Ahli Yang Berhormat dari ....

**Tuan P. Patto:** Penjelasan!

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Cukuplah Yang Berhormat, masa tidak ada.

**Tuan P. Patto:** Satu sahaja lagi.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Okay, last one.

**Tuan P. Patto:** Thank you. Tadi Yang Berhormat Menteri kata, bagi orang yang berminat itu, 14 hari memang lebih daripada cukup. Sedarkah Yang Berhormat Menteri dalam 14 hari kalau kita pergi menyiasat lebih kurang kadang-kadang 4,000 atau 5,000 pengundi dalam satu buku daftar pemilih itu, sama ada orang itu benar-benar bermastautin di tempat itu atau tidak? Sedarkah atau tidak, sebab 14 hari — itulah sebabnya saya menyarankan sama ada Kerajaan boleh menimbang untuk memberi masa yang lebih, bukan sahaja parti politik yang berminat, saya rasa NGO dan rakyat biasa pun harus berminat! Sebenarnya daftar pemilih yang dipamerkan ialah untuk memberi peluang kepada pemilih untuk menyemak sama ada nama beliau ada berdaftar atau tidak. Tetapi mereka tidak dapat berbuat demikian kerana kesuntukan masa, itu sebab-

nya saya bertanya, bukan kerana 14 hari begitu panjang bagi orang yang berminat. Memang ramai yang ada berminat — parti politik berminat, tetapi kesuntukan masa kita tidak boleh menyiasat 4,000 atau 5,000 pemilih.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Cara penyenaian nama dalam daftar undi sangat senang iaitu tahu sahaja nombor kad pengenalan boleh dicari namanya. Ahli Yang Berhormat timbulkan tadi, dia kata daftar yang sangat tebal itu kerana Yang Berhormat berminat hendak mencari mana calon penyokong parti lawannya dia hendak buang. Dia seorang pun dok tunggu dok mencari 14,000 nama pemilih — jadi panjanglah!

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Kalau individu mencari nama dia ....

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*

**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Cukuplah yang tadi, I said it was the last for you!

**Tuan P. Patto:** It is not fair!

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Kalau pengundi yang berkenaan hendak mencari nama dia, ada atau tidak ada mudah sahaja! Tetapi ada orang yang berniat jahat lain jadi nampak teballah daftar pengundi itu. *(Tepuk)*

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.



**Dato' Mohd. Tajol Rusli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Juhar bin Haji Mahiruddin):** Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa amat susah sekali kita hendak mengetahui sama ada seseorang itu bermastautin apabila mereka mendaftar di dalam daftar pengundi. Misalnya, kita ambil Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang juga bertanding di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang — adakah beliau benar-benar bermastautin di Pulau Pinang ataupun bermastautin di Kuala Lumpur ataupun di Melaka. Ini satu contoh. Bagaimana pula dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain, misalnya, yang datang daripada negeri Perak dan bertanding di Pulau Pinang, adakah mereka bermastautin di Pulau Pinang ataupun bermastautin di negeri Perak?

Jadi, kalau 2 contoh ini kita susah hendak tahu sama ada betul atau tidak, bagaimana dengan yang lain-lain?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Sebab itu kita membuat undang-undang SPR ini liberal sedikit, kerana kita hendak menjemput parti Pembangkang lawan kita dalam pilihan raya — itulah. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga ada membangkitkan.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tuan bangun.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Sekejap Yang Berhormat, masa tidak ada. Sekejap lagi saya beri peluang. Point yang ini tidak habis lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga ada membangkitkan mengenai urusan persempadanan semula bahagian pilihan raya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya telah dijalankan mengikut proses undang-undang di mana pameran telah diadakan pada 23 Julai, 1993 hingga 23 Ogos, 1993. Semasa pameran pertama diadakan orang ramai atau mana-mana pihak yang tidak berpuas hati boleh membuat bantahan akan cadangan tersebut dan Suruhanjaya Pilihanraya telah memberi pertimbangan terhadap rayuan-rayuan itu dengan saksama.

Bagi memenuhi kehendak undang-undang, sekali lagi Suruhanjaya Pilihanraya telah membuat pameran kali kedua mulai pada 22 November, 1993 hingga 22 Disember, 1993 untuk tujuan yang sama. Setelah proses tersebut selesai, satu laporan lengkap telah dibentang di Dewan Rakyat untuk perbincangan dan ianya telah diluluskan pada 26 April, 1994. Oleh itu adalah tidak wajar jika Ahli Yang Berhormat dari Tanjong masih membangkitkan perkara ini setelah urusan persempadanan dilakukan mengikut undang-undang. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang masa bantahan pendaftaran pengundi ini. Saya tidak tahu di Semenanjung, tetapi di Sabah tidak jelas tentang bantahan. Jadi, masalahnya ada dua — pertama; pihak pendaftar sendiri tidak tahu undang-undang dan yang kedua pula, undang-undang itu sendiri tidak jelas. Jadi, inilah yang kita minta kepada pihak yang berkuasa supaya mengambil perhatian. Kita bukan semata-mata membantah, kita ingin memperbaiki cara pendaftaran, terutamanya di Sabah di mana banyak sekali rakyat asing yang sudah masuk ke dalam daftar pengundi.

Jadi, kalau tidak dibersihkan daripada daftar pengundi, ada kemungkinan besar bahawa negeri Sabah itu tidak akan menjadi sebahagian lagi daripada Persekutuan Malaysia. *(Sorak)* Kita faham ini. Jadi, itulah matlamat kita. Kita ingin membantu bukan membantah. Jadi, soalnya adakah Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa cara-cara mendaftar itu terlalu lemah, tidak ada peruntukan yang jelas dan adakah Jabatan Perdana Menteri ataupun SPR bercadang supaya pendaftaran itu dijalankan sepanjang tahun? Itu soalan saya.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi, Kerajaan sedang melihat semula apa-apa perkara dan butiran-butiran di dalam peraturan dan undang-undang SPR. Jadi, perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang juga mendakwa bahawa Kerajaan sementara yang terdiri daripada Barisan Nasional semasa Parlimen dibubarkan telah menggunakan kedudukannya serta jentera Kerajaan bagi tujuan berkempen untuk tujuan pilihan raya. Ingin saya tegaskan bahawa terdapat salah faham mengenai dengan penggunaan jentera Kerajaan ketika kempen pilihan raya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini ketika Parlimen dibubarkan, kedudukan para Menteri dan Timbalan Menteri masih lagi kekal sebagai 'care taker' Kerajaan. Oleh itu segala kegiatan Menteri dan Timbalan Menteri setelah Dewan Rakyat dibubarkan masih lagi merupakan tugas rasmi dan untuk tujuan itu mereka menjalankan tugas Kerajaan, bukannya kempen. Oleh itu adalah tidak betul dakwaan kononnya para Menteri dan Timbalan Menteri menggunakan jentera Kerajaan untuk tujuan kempen.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Silakan. Tinggal seorang sahaja?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan Kepong, sudah jauh malam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bising, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap, tetapi bising. Sudah cukup! Baik.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita menyaksikan televisyen, tiap-tiap hari daripada pukul 6.00 sampai larut malam, bukan sahaja kedua-dua Yang Amat Berhormat, bahkan juga orang-orang yang lain, yang tidak kena-mengena dengan jawatan Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri ataupun menteri-menteri yang lain yang buat kempen, dakyah dan propaganda satu hari suntuk. Bukan sahaja di dalam TV bahkan juga di dalam radio.

Kalau itulah jawapannya, jadi, saya ingat itu tidak tepat. Memang tidak tepat. Satu jawapan yang kurang wajar.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, itu tuduhan yang karut dan jahat sangka sahaja. *(Tepuk)* Kerana pada masa itu rakyat jelata mahukan penerangan. Parti Pembangkang mengelirukan pendapat rakyat jelata dengan begitu hebat sekali, maka Kerajaan perlu mengembalikan pemikiran rakyat jelata kepada lunas yang betul. *(Tepuk)*

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah meminta supaya peruntukan dalam perlembagaan dipinda dalam mana jika seseorang itu melakukan kesalahan di mana-mana jua maka ia tidak akan dibenarkan bertanding dalam pilihan raya di Malaysia. Perkara ini akan diteliti oleh Kerajaan dengan seadil-adilnya.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau ada membangkitkan mengenai wujudnya pergandaan nombor kad pengenalan dalam daftar pemilih. Pihak SPR tidak menafikan kewujudan perkara ini. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa penipuan telah berlaku. Pemilih-pemilih yang berganda nombor kad pengenalan itu adalah merupakan pemilih yang berbeza dan mereka benar-benar wujud. Apa yang berlaku ialah berlaku sedikit kesilapan ketika SPR memasukkan butir-butir kad pengenalan ke dalam daftar pemilih dengan menyebabkan lebih dari seorang pemilih berkongsi nombor kad pengenalan.

Tindakan yang diambil oleh pihak SPR setakat ini ialah mengesan pemilik kad pengenalat sebenar di Jabatan Pendaftaran Negara. Setelah ini dilakukan, SPR terpaksa mencari rakan kongsi yang satu lagi dan ini memerlukan gerakan pengesanan "on the ground" kerana kakitangan SPR perlu menemui sendiri pemilih yang berkenaan untuk mengetahui nombor kad pengenalan yang sebenar. Gerakan ini perlu mengambil masa kerana terdapat sedikit kesukaran untuk mengesan pemilih-pemilih yang berkenaan yang berada di seluruh pelosok negara. Ahli Yang Berhormat dari Marang.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Sekejap Yang Berhormat, saya habiskan satu paragraph ini. "I Love You". *(Ketawa)*

Ahli Yang Berhormat dari Marang....  
nanti dahulu Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak apa dia kata "I Love You", Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** I love you. *(Ketawa)*

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah mendakwa bahawa terdapat keadaan di mana penggunaan wang yang terlalu banyak untuk tujuan pilihan raya oleh pihak tertentu. Sukalah dinyatakan bahawa undang-undang yang berkuat kuasa sekarang telah meletakkan had perbelanjaan yang boleh dibelanjakan oleh calon ketika pilihan raya.

Mengikut seksyen 19 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, jumlah wang yang boleh dibelanjakan oleh calon adalah seperti berikut:

Parlimen — RM50,000

Dewan Undangan Negeri — RM30,000

Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti yang kukuh dan sahih tentang penyalahgunaan wang ketika Pilihan Raya Umum yang lalu, ianya bolehlah dilaporkan kepada pihak polis atau BPR. Begitu juga petisyen pilihan raya boleh dikemukakan mengenai perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah membangkitkan mengenai keadaan yang mana apabila seorang pemilih yang datang untuk mengundi mendapati namanya telah tercatat sebagai telah mengundi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penyamaran seumpama ini adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihanraya 1954. Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti bahawa perkara itu berlaku, ia sepatutnya dilaporkan kepada pihak polis dan seterusnya boleh dijadikan asas untuk petisyen pilihan raya. Sila, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memandangkan jawapan tadi yang menunjukkan ada kekurangan dan kelemahan di dalam jentera untuk mendaftar pemilih, adakah pihak Kerajaan akan terima cadangan untuk mengadakan daftar pemilih sepanjang tahun dengan diadakan sistem komputer di dalam SPR dan juga di dalam pejabat pendaftaran dan kita sama-sama, tiap-tiap hari boleh semak? Jika ada yang sudah meninggal dunia kita boleh fit into computer di dalam SPR dan sebagainya. Jadi, kita ada dalam tahap untuk mencapai satu negara yang maju pada 2020, itu satu niat, satu tujuan yang memang baik. Walau bagaimanapun, kita mesti adakan sistem pendaftaran yang lebih sempurna. Adakah pihak Yang Berhormat akan menerima cadangan ini?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Cadangan Ahli Yang Berhormat itu, saya akan bawa kepada Kerajaan.

Selain dari apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang secara umum mengenai pilihan raya, Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan 7 perkara secara terperinci ketika membincangkan perkara ini dan seterusnya mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Saya dapati ada di antara cadangan Yang Berhormat itu memerlukan pindaan kepada undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan ada pula yang perlu diberi penelitian lanjut kerana terdapat masalah dari segi pentadbiran untuk melaksanakannya.

Oleh sebab Yang Berhormat telah membangkitkan perkara tersebut secara terperinci dan detail, adalah tidak adil bagi saya mengemukakan ulasan sebelum perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dikaji dengan lebih lanjut lagi. Saya difahamkan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sedang dikaji oleh SPR dan jika cadangan itu sesuai, sudah pasti tindakan akan diambil.

Sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Berhormat, Kerajaan juga sangat berminat untuk melihat daftar pemilih iaitu input yang penting dalam pilihan raya berada dalam keadaan yang bersih. Apa yang perlu ialah semua pihak harus memberi kepercayaan kepada SPR untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang didakwa telah berlaku. Kalau diperhatikan, bukan sahaja pihak Pembangkang yang tidak puas hati, malah calon-calon dari pihak Kerajaan juga ada membangkitkan rasa tidak puas hati mengenai perkara yang sama sebelum ini.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ada parti komponen Barisan Nasional telah membawa kes ke mahkamah kerana tidak puas hati kepada keputusan yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, ingin saya menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan secara khusus oleh Yang Berhormat dari Keningau.

Mengenai dengan bantahan senarai 'A' kepada SPR, SPR membenarkan bantahan kepada senarai 'A' iaitu untuk kes-kes pemilih yang telah meninggal dunia atau yang hilang kelayakan terutama yang melibatkan taraf kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, jika bantahan itu diperluaskan kepada pemilih-pemilih yang tidak bermastautin, ini akan menimbulkan sedikit masalah.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada kemungkinan seseorang yang mendaftar sebagai pemilih itu memang bermastautin di satu-satu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan. Selepas itu, pemilih tersebut berpindah ke tempat-tempat lain. Dari segi undang-undang, pemilih itu masih layak mengundi di bahagian pilihan raya di mana namanya tercatat. Jika orang-orang dalam kategori ini dibantah semata-mata disebabkan tidak lagi bermastautin di bahagian pilihan raya yang berkenaan, ini akan menimbulkan masalah dan mungkin orang itu akan hilang hak untuk mengundi jika ia tidak dapat dihubungi oleh Lembaga Penyiasat disebabkan oleh alamat yang tidak jelas.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya maklumat-maklumat jumlah pemilih yang didaftarkan dimaklumkan kepada individu atau organisasi yang memerlukan maklumat tersebut, perkara ini tidak berbangkit. Ini disebabkan maklumat-maklumat itu boleh diketahui apabila Rang Daftar Pemilih dipamerkan.

Mengenai dengan dakwaan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa orang ramai tidak tahu siapakah pegawai penyemak, ingin saya maklumkan di sini bahawa pegawai-pegawai penyemak ini diwartakan dalam warta Kerajaan untuk makluman orang ramai. Pewartaan juga dilakukan untuk pegawai-pegawai pendaftaran, timbalan pegawai pendaftaran dan juga tempat-tempat rang undang-undang pemilih dipamerkan. Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan bahawa ketika menjalankan urusan pendaftaran pemilihan pemilih, SPR terpaksa menggunakan jentera yang rumit dan kakitangan yang besar. Kakitangan-kakitangan ini bukan merupakan kakitangan tetap tetapi merupakan kakitangan sementara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika menjalankan urusan pendaftaran tahun 1994, SPR menggunakan tenaga seramai 7,712 orang kakitangan sambilan dan seramai 466 dari mereka adalah dari negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada usaha-usaha SPR yang sedang dikaji kelemahan-kelemahan yang didakwa telah berlaku serta keyakinan Kerajaan kepada pihak SPR, maka Kerajaan tidak setuju dengan cadangan Yang Berhormat dari Tanjong untuk mengadakan satu jawatankuasa peringkat Parlimen bagi mengkaji penyelewengan yang didakwa berlaku semasa pilihan raya umum yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah mendakwa bahawa Kerajaan tidak menghuraikan takrif yang tepat mengenai definisi pelampau agama. Untuk mak-

luman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kerajaan tidak memberi suatu takrif yang khusus bagi pelampau agama kerana ini adalah bergantung kepada perasaan rakyat yang timbul dari sikap pemimpin politik yang menggunakan isu-isu agama yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup keluarga dan keharmonian masyarakat. Ini adalah ciri-ciri pelampau dan Kerajaan berpendapat biarlah rakyat sahaja yang membuat penghakiman.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pula telah menasihatkan supaya Kerajaan Barisan Nasional menjalankan kuasa politik yang dimenangi baru-baru ini bagi melaksanakan ajaran Islam secara lengkap dan menyeluruh. Beliau mendakwa bahawa masyarakat majmuk tidak boleh dijadikan sebab kenapa pelaksanaan yang lengkap dan menyeluruh tidak boleh dijalankan. Ahli Yang Berhormat ini juga menyatakan bahawa oleh kerana Islam menuntut keadilan maka ini bermakna keadilan harus diberi bukan sahaja kepada penyokong Kerajaan tetapi juga kepada mereka yang tidak menyokong Kerajaan di dalam pilihan raya tersebut.

Sukalah dijelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidaklah berhasrat untuk melihat pelaksanaan Islam itu dari satu aspek sahaja seperti cara berpakaian atau hanya mahu mendengar ajaran dari guru yang diminati sahaja tetapi kita mahu Islam yang sebenar dilaksanakan secara menyeluruh berdasarkan Al-Quran dan sunnah yang mencakupi fardu ain dan fardu kifayah, di samping menjamin keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri menyarankan supaya Kerajaan hendaklah berhati-hati menjalankan dasar penswastan dan tidak terpengaruh dengan ahli-ahli korporat yang hanya mementingkan kewangan di dalam menimbang sesuatu cadangan projek penswastan kerana ini akan menyebabkan tanggungjawab sosial diabaikan.

Saya mengucapkan terima kasih atas saranan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan bahawa Kerajaan memang memberi perhatian yang berat terhadap isu-isu sosial dalam sesuatu projek penswastaan. Kerajaan akan pastikan bahawa pihak syarikat yang mengambil alih sesuatu projek penswastaan yang mempunyai tanggungjawab sosial akan meneruskan tanggungjawab tersebut tanpa membebankan pengguna perkhidmatan berkenaan. Kerajaan menetapkan satu sistem kawalan yang akan menjamin supaya tanggungjawab sosial ini dilaksanakan oleh syarikat melalui berbagai cara yang antaranya termasuklah badan kawal selia yang bertanggungjawab menentukan harga, mutu termasuk isu mengkorporatkan institusi pendidikan tinggi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang telah menyarankan supaya pembangunan di Putra Jaya diselaraskan serta diintegrasikan dengan pembangunan-pembangunan persekitaran di segi fizikal dan infrastrukturnya. Sukalah dijelaskan bahawa Putra Jaya dibangunkan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Ianya akan menempatkan hampir kesemua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.

Putra Jaya akan didirikan di kawasan yang asal seluas 4,400 hektar di samping pembangunan di bawah pelan struktur yang meliputi keseluruhan kawasan seluas 10,000 hektar. Pembangunannya meliputi penyediaan infrastruktur seperti express rail line dan juga dedicated super highway yang akan menghubungkannya dengan kawasan sekitar. Pembangunannya dijangka akan mengambil masa selama 10 tahun dengan sebahagian besar perbelanjaan akan dibiayai melalui kaedah penswastaan. Sebuah Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pembangunan Putra Jaya akan ditubuhkan bagi menyelaraskan dan mengawasi keseluruhan pembangunan Putra Jaya dan kawasan

persekitaran sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Serdang. Kerajaan juga telah melantik sebuah konsortium yang mengandungi perunding-perunding tempatan yang akan memberi input teknikal bagi pembangunan Putra Jaya.

Mengenai dakwaan bahawa pembangunan di negeri Kelantan telah diabaikan oleh Kerajaan Persekutuan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang, sukalah dijelaskan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengabaikan pembangunan negeri Kelantan. Kerajaan telah merancang untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan negeri tersebut tetapi menghadapi banyak masalah, terutamanya dari segi kelulusan tanah untuk tapak projek. Urusan mengenai tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri pimpinan PAS yang selalunya bersikap anti Kerajaan Barisan Nasional dan tidak mahu bekerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar semasa sesi soal jawab pada 20 Jun 1995 iaitu pada hari semalam, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan sedia berusaha untuk mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan mengenai pembangunan negeri tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dari negeri Sabah yang telah memberi penjelasan yang nyata mengenai usaha Kerajaan Persekutuan menunaikan janji semasa pilihan raya negeri Sabah yang lalu. Sebagai tambahan, sukalah saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM500 juta sebagai peruntukan khas bagi mempercepatkan pembangunan negeri Sabah. *(Tepuk)*

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM200 juta diperuntukkan untuk program penyelenggaraan jalan Persekutuan dan bangunan guna sama Persekutuan dan sebanyak RM300 juta untuk meningkatkan infrastruktur luar bandar seperti program bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar, program jalan kampung dan program jalan luar bandar. Projek-projek ini akan dapat disiapkan kesemuanya pada akhir tahun 1995 ini.

Di samping itu, projek-projek pembangunan bernilai RM1.52 bilion telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan di negeri Sabah sepanjang Rancangan Malaysia Keenam. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan yang besar bagi bekalan air dan elektrik untuk dilaksanakan di Sabah. Sebanyak RM181.9 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan kerja-kerja segera berkaitan dengan bekalan air. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM681.3 juta diluluskan bagi mengatasi dengan segera masalah bekalan elektrik di Sabah.

Bagi projek jalan raya yang besar, sebanyak 60 buah jalan raya sedang dalam penyelenggaraan, pembaikan dan pembinaan yang bernilai RM987.6 juta. Sementara itu, janji Kerajaan Barisan Nasional untuk menubuhkan Universiti Malaysia Sabah atau UMS telah mula dilaksanakan apabila UMS memulakan sesi pengajian mulai pada Julai 1995 dengan 230 orang pelajar untuk Sekolah Sains dan Teknologi, Sekolah Sains Sosial, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi dan Pusat Pengetahuan Ilmu dan Bahasa. Di samping itu, UMS juga memulakan pengambilan pelajar matrikulasi sesi 1995 dan akan menempatkan antara 250 hingga 300 pelajar di Maktab Rendah Sains MARA Kulim, Sekolah Menengah Sains Muar dan Kampus UKM Menggatal.

Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat dari Kluang di atas perkhidmatan awam kita. Kerajaan memang sedar akan hakikat bahawa kecemerlangan yang telah dicapai oleh perkhidmatan awam sentiasa perlu dipertingkatkan selaras dengan kepesatan pembangunan negara. Sukalah saya jelaskan bahawa pembangunan negara kita ialah hasil dari kecekapan pegawai-pegawai perkhidmatan awam kita. (*Tepuk*)

Inilah adalah juga sejajar dengan falsafah Total Quality Management yang diamalkan dalam Kerajaan di mana matlamat kualiti adalah satu perjalanan yang berterusan. Beberapa usaha baru sedang dilaksanakan ke arah peningkatan lagi tahap produktiviti dalam perkhidmatan awam. Antaranya ialah pengwujudan paper less bureaucracy dalam perkhidmatan awam melalui strategi mengurangkan penggunaan kertas dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai. Kerajaan juga akan mempertingkatkan automasi pejabat melalui penggunaan E-mail, rangkaian komputer tempatan, peralatan yang canggih di jabatan-jabatan Kerajaan bagi meningkatkan produktiviti.

Rangkaian Perkhidmatan Awam atau Public Service Network yang telah dilancarkan pada tahun 1991 adalah bertujuan memperluaskan konsep one-stop at centre. Kini orang ramai dapat memperoleh beberapa jenis perkhidmatan seperti memperbaharui lesen memandu, cukai jalan dan lesen perniagaan di pejabat pos di seluruh negara. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memperluaskan jumlah agensi yang boleh menawarkan perkhidmatan mereka melalui PSN.

Dalam mempertingkatkan penggunaan pengkalan data pula, pengkalan-pengkalan data yang sedia ada seperti civil Service Link, Mastic, SIRIM Link dan sebagainya akan dipertingkatkan lagi. Ini akan menyenangkan orang ramai memperoleh maklumat yang tepat yang terdapat dalam agensi Kerajaan secara on-line.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan DiRaja yang lalu. Bagi perkara yang tidak sempat saya jawab yang telah dibangkitkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, ianya akan diambil perhatian dan dipertimbangkan sewajarnya. Terima kasih. *(Tepuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah, usul di atas nama Yang Berhormat Wakil dari Parit Sulong, iaitu:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima

kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan”,

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan.”

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.51 malam.*